

93- 4067

MASYARAKAT MALAYSIA
DAN
ALAM SOSIALNYA

NASKHAH CONTOH
SAMPLE COPY

MASYARAKAT MALAYSIA DAN ALAM SOSIALNYA

Shamsul Amri Baharuddin

Profesor Antropologi Sosial
Universiti Kebangsaan Malaysia

APB

707983

NASKHAH PEMELIHARAAN
PERPUSTAKAAN NEGARA MALAYSIA
22 DEC 1993

Dewan Bahasa dan Pustaka
Kementerian Pendidikan Malaysia
Kuala Lumpur
1993

KK 301-6418 4101

Cetakan Pertama 1993
© Shamsul Amri Baharuddin 1993

Hak cipta terpelihara. Tidak dibenarkan mengeluar ulang mana-mana bahagian artikel, ilustrasi, dan isi kandungan buku ini dalam apa juga bentuk dan dengan cara apa jua sama ada secara elektronik, fotokopi, mekanik, rakaman, atau cara lain sebelum mendapat izin bertulis daripada Ketua Pengarah, Dewan Bahasa dan Pustaka, Peti Surat 10803, 50926 Kuala Lumpur, Malaysia. Perundingan tertakluk kepada perkiraan royalti atau honorarium.

Perpustakaan Negara Malaysia

Data Pengkatalogan-dalam-Penerbitan

Shamsul Amri Baharuddin

Masyarakat Malaysia dan alam sosialnya / Shamsul Amri Baharuddin

Bibliografi: hlm. 145-146

ISBN 983-62-3657-0

1. Malaysia - Social conditions. 2. Malaysia - Economic conditions. 3. Economic forecasting - Malaysia. 4. Social prediction - Malaysia.

5. Malaysia - Politics and government.

959.5054

Diatur Huruf oleh Maamal Grafik

Muka Taip Teks: Times Roman

Saiz Taip Teks: 10/12 poin

b

159-516 S7

SHA

100

Dicetak oleh

Percetakan Dewan Bahasa dan Pustaka

Lot 1037, Mukim Perindustrian PKNS

Ampang/Hulu Kelang

Selangor Darul Ehsan

RM12.50

Kandungan

PRAKATA	vii
PENGHARGAAN	xv
① Dilema masyarakat Malaysia	1
2 Adakah anda anggota kelas menengah?	4
3 Pembangunan yang dipersoalkan	7
4 Lagu politik dan politik lagu mutakhir	10
5 Kampung: Antara kenyataan dan nostalgia	13
6 Sistem pemerintahan pecah-perintah: Lama dan baru	16
7 DEB dan para ilmuwan	19
8 Antara budaya lisan dan budaya ilmu	22
9 Beberapa jalan menuju ke perindustrian	25
10 Apa kata orang Jepun tentang 'Pengurusan Jepun'	28
11 Sindrom bōmoh	31
12 Ke arah pembentukan negara-bangsa	34
13 Hubungan Malaysia-Jepun: Siapa yang Untung?	37
14 Beruk, gasing, dan wau: Imej Melayu di luar negeri	40
15 Mencerca Malaysia di luar negeri	43
16 Menakluki dunia dengan yen	46
17 Malaysia yang terus membangun	49
18 Dekad 1990-an : Era perombakan sejarah dunia	52
19 'Dasar pandang timur' setelah 10 tahun	55
20 Jepun: Dulu dicontohi, kini disangsi	58
21 Muslihat di sebalik bantuan asing dunia	61
22 Kebiasaan yang sukar diubah	64

23	Keamanan yang menjanjikan persengketaan	67
24	Pembaca berbahasa Malaysia santapan mental terabai	70
25	Pengundi oh pengundi!	73
26	Memantapkan pengajian siswazah	76
27	Politik adalah hak semua dan untuk semua	79
28	Debar seorang wakil rakyat: Sebuah komentar	82
29	Konflik etnik: Isu sosial utama abad ke-21	85
30	Jepun yang gentarkan kritikan	88
31	Budaya kerja Jepun yang diimpikan	91
32	Perang Teluk dan kedudukan Malaysia	94
33	Kebudayaan Kebangsaan: Suatu kenyataan, harapan atau bayangan palsu?	97
34	Dulu wartawan, kini pemberita: Pudarnya tradisi kewartawanan Malaysia	100
35	Pendidikan bersifat vokasional anak kunci kejayaan tahun 2020?	103
36	Media massa dan politik di Australia	106
37	Mengimbau kembali konsep 'Persekutuan' di Malaysia	109
38	Penghijrahan desa-bandar atau kota menelan kampung?	112
39	Wawasan, Gagasan, atau Projek 2020?	115
40	Dasar pandang timur dan 'Etika Karaoke'	118
41	Bukan semua boleh dirancang	121
42	Myanmar yang kita kenal dan tak kenal	124
43	Bayangan wajah kapitalis Bumiputera 2020	127
44	Reformasi sistem persekolahan untuk Wawasan 2020	130
45	Raja Hamba, Hamba Raja	133
46	Membina kelincahan mental	136
47	Profesor Nostalgia	139
48	Riuh-riuh di Rio: Babak Satu	142
	BIBLIOGRAFI	145
	INDEKS	147

Prakata

Cita-cita sebuah masyarakat

Dalam sejarah politik dunia moden, khususnya di Dunia Ketiga, masyarakat Malaysia menduduki suatu tempat teristimewa. Malaysia merupakan satu-satunya negara yang nampaknya cukup jelas tentang apa yang diingininya pada masa depan, terutamanya di abad 21 yang akan segera menjelang.

Proklamasii "Wawasan 2020" yang disampaikan oleh Dr. Mahathir Mohamed, perdana menteri Malaysia, pada 28 Februari 1991 lalu telah menggariskan halacara dan matlamat Malaysia untuk tiga desawarsa, atau satu generasi, yang akan datang. Nah, pernyataan politik sejelas dan seberani ini belum pernah dibuat oleh sebarang pemimpin di Dunia Ketiga. Inilah yang meletakkan masyarakat Malaysia, khususnya golongan pemimpinnya yang berpandangan jauh ini, di suatu tempat teristimewa dalam sejarah politik moden Dunia Ketiga.

Kita boleh menjadi ghairah dan tenggelam dalam *uforia* Wawasan 2020 ini kerana status ungkapan ini sudah menjadi suatu slogan popular atau mantra yang sering digunakan semata-mata untuk kepentingan peribadi dan perniagaan. Maka kini wujud berbagai-bagai bentuk perniagaan yang diberi nama dengan mengambil sempena Wawasan 2020, seperti "Syarikat Video Vision 2020", "Kelab Permainan Snuker 2020", "Salun Uniseks 2020", "Kedai Cermin Mata 2020", dan "Warung Tom Yam 2020".

Rasanya adalah menjadi tanggung jawab kita juga untuk mengembali serta mengekalkan keseriusan projek Wawasan 2020 Dr. Mahathir ini dan meneliti kandungannya dengan lebih mendalam lagi teliti serta menyampaikan refleksi yang bermanfaat guna menjadikannya suatu

kenyataan, kalau tidak semuanya setidak-tidaknya sebahagiannya.

Tugas ini bukan hanya terletak di atas bahu para pemimpin tetapi, dari segi teorinya, terhimpun kepada semua anggota masyarakat Malaysia. Namun kita juga sedar bahawa tidak semua rakyat Malaysia dapat menumpukan masa untuk memikirkan soal yang agak berat lagi serius ini. Juga tidak semua yang bersetuju dengan idea Wawasan 2020 ini. Ada yang tak bersetuju kerana tak faham maksudnya, ada yang sengaja tak bersetuju dengan apa sahaja yang dikemukakan oleh pemerintah, dan ada yang tak bersetuju dengan sebab-sebab yang kuat. Terdapat juga golongan yang bersetuju tetapi masih meragukan kemampuan masa depan Malaysia.

Tetapi oleh kerana sifat negara cukup kuat kecenderungan hegemoniknya, maka secara sedar atau tidak sedar, terbuka atau tersirat, kasar atau halus, langsung atau tak langsung, setiap rakyat akan terkesan oleh perubahan yang dibawakan oleh pemerintah melalui projek Wawasan 2020 ini. Justeru itu, mahu tidak mahu sebahagian besar beban menjayakan projek ini harus dipikul oleh mereka yang berpelajaran, atau golongan inteligensia, dari semua lapisan sosial dalam negara ini, termasuk juga dalam golongan tersebut adalah ribuan para pelajar di sekolah menengah di seluruh negara.

Tugas berat ini tidak boleh diletakkan dalam tangan pemimpin politik, pegawai tadbir, dan golongan pemilik serta pengurus di sektor swasta semata-mata. Sebagai sebuah negara demokrasi, semua rakyat berhak dan bertanggung jawab terhadap masa depan negaranya dan mesti mengambil bahagian aktif dalam proses membentuk masa depan negara ini.

Tetapi, apakah bentuk sebenar tugas ini dan bagaimana pula kita harus melaksana dan menjayakannya? Soalan ini mesti dijawap dengan jelas terlebih dahulu sebelum kita mengorak langkah untuk melakukan sesuatu yang bermakna ke arah menjadikan cita-cita "Malaysia, sebuah negara membangun industri di abad 21" suatu kenyataan.

Membina kelincahan minda

Oleh kerana hampir kesemua tindakan manusia adalah bermula dari mindanya, yakni dengan menggunakan akal, dengan itu setiap rakyat di Malaysia mestilah lincah mental. Untuk ini kita memerlukan riadah mental yang cukup lagi berisi. Hanya melalui akal yang aktif dan mental yang lincah sahaja sesuatu pentafsiran yang bermakna tentang apa saja idea dapat dilakukan dengan kreatif lagi konstruktif.

atau *scoring*. Kebenaran tidak ada dalam minda dan daftar kata si "tukang cacat".

Maksud pemikiran kritis

Apakah yang dimaksudkan dengan pemikiran kritis, atau *critical thinking*?

Pemikiran kritis merupakan suatu cara berfikir tentang dunia sosial, suatu dunia yang cukup rumit sifatnya, ada aspek abstraknya dan ada pula aspek konkritnya, dan kita semua adalah anggotanya. Prasyarat utama untuk membolehkan kita berfikir sedemikian adalah kemampuan untuk melepaskan diri kita dari cengkaman sehari-hari dan kemudiannya pula "terbang ke angkasa lepas", dengan menggunakan minda serta imaginasi semata-mata. Persis seorang astronaut, kita kemudiannya menoleh dan melihat kembali ke arah dunia sosial tadi secara *detached*, atau terpisah, biarpun sejenak.

Dari situ akan ternampak suatu gambaran yang total tentang dunia sosial itu. Maka terpancarlah suatu pemahaman yang bermakna dari pemandangan ini mengenai jaringan hubungan sosial yang tersulam rumit yang merangkaikan individu, masyarakat, dan negara. Dari sudut itu kita juga akan melihat keseluruhan sejarah yang menjadi latar belakang hidup kita bermasyarakat selama ini. Kita akan saksikan juga betapa sementara dan rapuhnya segala unit sosial, hubungan sosial, negara bangsa, dan segala-gala yang terbundung dalam dunia sosial itu.

Dalam kata lain, sekecil-kecil perkara ada kait-mengaitnya dengan hal yang besar-besar. Sebesar-besarnya hal tidak boleh menjadi besar kalau tidak dibina dari perkara-perkara kecil yang menjadi batu-batunya. Tali-menali halus yang menjadi asas sulaman perkara-perkara makro dan mikro akan menjadi lebih jelas kepada kita kalau dilihat dalam perspektif sejarah, kerana sejarah selalunya membuka berbagai-bagai pintu misteri sosial. Yang lebih penting kita akan dapat juga melihat betapa setiap hal dan fenomena dalam dunia sosial ini tidak wujud dalam kekosongan.

Hanya setelah melihat dunia sosial dengan terpisah tadi maka kita mampu memerhati dengan penuh prihatin perjalanan keseluruhan masyarakat, atau dunia sosial. Kemudiannya, barulah kita mampu menganalisis apa saja yang kita lihat dan amati, sama ada hal itu besar atau kecil penting atau tidak, dengan lebih teliti dan bertanggung jawab.

Inilah yang dimaksudkan dengan pemikiran kritis, suatu cara berfikir yang lebih matang dan luas latar pandangannya. Disamping itu,

Dengan itu tugas terpenting kita adalah untuk membina mental dan minda sekukuh mungkin. Inilah prasyarat, syarat dan tugas paling utama bagi setiap rakyat Malaysia jika Wawasan 2020 itu hendak dijadikan kenyataan.

Sudah terbukti dalam sejarah dunia bagaimana kelincahan minda adalah anak kunci kepada manusia seperti Francis Bacon (1561–1626) yang telah menanamkan benih pemikiran saintifik di Barat sehingga mewujudkan suatu revolusi bukan sahaja dalam bentuk pemikiran tetapi juga dalam bentuk praktikalnya. Dengan itu era sains dan teknologi bermula dari kelincahan minda orang seperti Francis Bacon di abad ke-16.

Tradisi kelincahan minda ini berlanjutan kemudiannya sehingga membawa satu lagi revolusi hampir 200 tahun kemudian, yang jauh lebih besar dan mengesankan, bergelar Revolusi Industri. Revolusi ini, yang bermula pada pertengahan abad ke-18 lalu, masih belum selesai hingga sekarang. Malah Malaysia bercita-cita untuk mencapai taraf negara membangun industri di abad 21, hampir 300 ratus tahun selepas revolusi ini bermula di Eropah.

Apakah pula bentuk riadah mental yang wajib dilakukan untuk membina, memupuk dan menjamin perlanjutan kelincahan minda kita, sesuatu yang sangat-sangat diperlukan pada waktu ini guna membina suatu masa depan yang cerah untuk Malaysia? Yang terdapat dan terbukti setakat ini hanya satu cara sahaja yang benar-benar boleh mewujudkan kelincahan mental iaitu melalui riadah mental bernama "pemikiran kritis", atau *critical thinking*.

Tetapi kepada mereka yang berfikiran cetek di kalangan kita semua menanggap "berfikiran kritis samalah dengan mengkritik kerajaan." Ini merupakan suatu usaha yang secara tidak langsung cuba menutup pintu pemikiran kritis kita. Sebenarnya mereka tidak mampu membedakan antara "pengkritik" dan "tukang cacat".

Si "pengkritik" berpijak di atas landasan falsafah yang jelas berpandukan ciri skeptis terhadap sebarang perilaku manusia: yang benar digalakkkan, yang tidak benar diperbetul, dan yang sama sekali salah dinyahkan. Justeru itu ada wajah konstruktif dan sifat kreatif dalam kritikannya. Memperjuang dan menegakkan kebenaran adalah matlamat asas serta terakhirnya.

Si "tukang cacat" pula kerjanya tidak lain dan tidak bukan adalah untuk mencari salah untuk kemudiannya dicerca-cacat. Ini adalah kepakaran kebanyakan 'soldadu upahan' politik ketika pilihanraya berlangsung. Seperti bermain takraw, setiap cercaan tersebut adalah bersifat "lipat maut" kerana tujuannya adalah untuk mendapatkan mata,

pembentukan fikiran tersebut adalah diasaskan kepada fakta-fakta kukuh, pengetahuan sejarah yang baik, dan semangat ingin menegakkan kebenaran. Pemikiran ini boleh dijelmakan dalam pelbagai bentuk, sama ada secara lisan atau tulisan.

Diperturunkan berikut ini suatu contoh bagaimana mempraktikkan pemikiran kritis yang dimaksudkan di atas. Katakan kita ingin membicarakan tentang hal "penderaan kanak-kanak", suatu hal yang akhir-akhir ini telah mendapat perhatian umum, khususnya di akhbar-akhbar tempatan.

Kita sering berduka dengan nasib kanak-kanak yang didera kerana tubuh badan mereka selalunya penuh dengan luka-luka. Memanglah kita mesti kasihan pada mereka yang dicederakan terutamanya kanak-kanak yang tidak berdosa.

Tetapi kalau kita lihat secara kritis masalah penderaan kanak-kanak ini kita akan dapat bahawa masalah ini adalah suatu manifestasi masalah sosial yang lebih besar. Masalah sosial itu berlapis-lapis pula bentuknya. Dari segi sejarahnya, ini bukanlah suatu masalah baru. Malah kita seharusnya sudah boleh meramalkan akan terjadinya masalah ini di Malaysia kalau dari awal para perencana pembangunan lima tahun kita telah melandaskan kegiatannya kepada prinsip pemikiran kritis.

Masalah penderaan kanak-kanak ini harus kita susur galur ke pangkalnya, iaitu sejarah kebangkitan Revolusi Industri di England. Berlakunya Revolusi Industri telah menimbulkan pelbagai masalah sosial. Hal ini, misalnya, telah dikaji dengan terperinci oleh sejarawan sosial di England, seperti E.P. Thompson dalam bukunya *The Making of the English Working Class* (1968) dan dalam tulisan-tulisan E.J. Hobsbawm, khususnya *Industry and Empire* (1970) dan *The Age of Capital* (1977).

Melalui kajian sejarah seperti ini kita dapat tahu bahawa pada ketika itu, tuan punya industri sanggup berbuat apa saja untuk mendapatkan buruh murah guna menjayakan pengeluaran industrinya. Maka keadaan hidup pekerja sungguh daif dan sering diserang berbagai penyakit, kebuluran, dan krisis keluarga. Ketika inilah kanak-kanak menjadi mangsa.

Melalui novelnya *Oliver Twist* Charles Dickens pula telah menceritakan bagaimana kanak-kanak dikerah bukan sahaja oleh tuan punya kilang untuk bekerja dengan upah yang murah bahkan oleh samseng-samseng di England untuk menjadi tukang copek kerana mereka merupakan kumpulan yang lemah dan mudah diperguna. Di

samping itu, ramai di antara kanak-kanak yang terlibat ini adalah terdiri daripada mereka yang lari dari rumah kerana kesengsaraan hidup famili masing-masing, yang kebanyakannya adalah pekerja berupah murah tinggal di kawasan setinggan kota.

Dalam kajian mereka, ahli psikologi dan sosiologi Amerika Syarikat (AS) pula, termasuk William F. Whyte Jr. dengan bukunya *Street Corner Society* (edisi kedua, 1955), telah menganalisis bagaimana perindustrian di AS menimbulkan suatu masalah sosial yang cukup genting, tetapi selalu tak dirasakan secara langsung dengan segera oleh masyarakat di sana, yang dipanggil *alienation*, atau keterasingan. Akibat daripada masalah keterasingan ini terbentuklah kumpulan orang dewasa dan kanak-kanak yang mula-mulanya menjadi "kutu jalan" tetapi kemudiannya membentuk komuniti mereka tersendiri.

Inilah penjelmaan masalah keterasingan tadi yang paling ketara pada ketika industri mula bertapak di Amerika Syarikat. Lama kelamaan masalah ini telah menular masuk ke setiap famili di AS dan menjelma secara empirik dalam pelbagai bentuk termasuk dari yang bentuk nampaknya tak ganas, seperti *TV dinner*, ke sesuatu yang ganas lagi menakutkan kebanyakannya melibatkan kanak-kanak, seperti *incest*, penderaan kanak-kanak, rogol, dan pembunuhan. Saban hari kita membaca berita ini di akhbar-akhbar tempatan.

Oleh itu kalau kita ingin memahami dengan lebih matang lagi mendalam, dengan berlandaskan pemikiran kritis, maka masalah penderaan kanak-kanak yang masyarakat kita hadapi kini hendaklah dianalisis berlatarbelakangkan suatu *landscape* sosialnya yang lebih luas. Masalah ini seharusnya tidak dilihat dari segi masalah "sikap" semata-mata.

Contoh masalah penderaan kanak-kanak ini ditimbulkan kerana ada relevannya dengan cita-cita untuk menjadikan Malaysia sebagai sebuah negara membangun industri dan sebuah masyarakat penyayang pada kurun 21 nanti. Oleh yang demikian bukan hanya masalah ini yang harus kita ber perhatian ada berbagai-bagai lagi isu dan masalah yang harus kita pertimbangkan dengan serius berkait dengan Wawasan 2020. Apatah lagi dari segi sosial dan psikologinya, menurut Dr. Mahathir Mohamed, peranan famili cukup kritis dalam memastikan jaya-gagalnya Wawasan 2020 ini, di samping pencapaian pertumbuhan ekonomi yang cemerlang di masa depan. Dengan itu kita harus memikirkan dengan kritis lagi serius peranan dan kedudukan famili dalam konteks menjayakan projek Wawasan 2020 yang kita laung-laungkan selama ini.

Menulis tentang Malaysia dan alam sosialnya: Perspektif pemikiran kritis

Sebenarnya, semangat pemikiran kritis inilah yang menjadi landasan kegiatan menulis prosa popular yang telah saya amalkan semenjak 1973 lagi. Hampir kesemua tulisan ini telah diterbitkan dalam majalah keluaran Dewan Bahasa dan Pustaka, seperti *Dewan Masyarakat*, *Dewan Budaya*, dan *Dewan Sastera*. Yang terbanyak adalah tersiar dalam *Dewan Masyarakat*, khususnya selepas saya mula menulis kolumn pada Ogos 1988 lalu.

Buku ini menghimpunkan semua tulisan saya, sebanyak 48 kesemuanya yang telah dihasilkan dalam tempoh 48 bulan, dari kolumn saya di *Dewan Masyarakat*, yang kini dikenal sebagai "Halaman Lima" kerana semenjak kira-kira setahun lalu setiap bulan kolumn ini adalah dimuatkan di halaman lima majalah tersebut.

Pada umumnya tulisan-tulisan ini boleh dikelompokkan kepada tiga: satu kelompok membicarakan pelbagai hal yang berkait dengan Malaysia dan inilah kelompok yang terbesar dari segi jumlah; satu kelompok lagi, yang kedua besarnya, adalah tentang hal-ehwal semasa dunia yang membabitkan Malaysia secara langsung; kelompok yang terakhir, yang terkecil, adalah tentang hal-ehwal *global* yang tidak melibatkan Malaysia secara langsung tetapi penting diberi perhatian demi masa depan negara ini.

Hampir separuh daripada tulisan ini telah ditulis semasa saya di luar negeri ketika mengajar, menyelidik, atau menghadiri persidangan, yakni di Jepun, Belanda, Jerman, Australia, Sweden dan Perancis. Saya tidak dapat nafikan bahawa melalui interaksi dengan teman akademik dari pelbagai negara inilah yang telah membantu saya menghalusi berbagai aspek kandungan setiap tulisan saya itu, biarpun kolumnya sehalaman sahaja, kerana ada di antara tulisan ini telah terpancar dari ilham yang tiba-tiba muncul, umpamanya, dalam suatu perdebatan hangat sesama teman ekoran dari satu kertas seminar yang telah saya sampaikan.

Ternyata saya tidak terikat kepada sesuatu pola dalam memilih topik atau isu yang saya perkatakan. Sebab itulah saya persembahkan tulisan ini mengikut susunan kronologisnya dan tidak dikelompokkan kepada bahagian-bahagian tertentu yang saya anggap agak kaku lagi palsu kerana terdapatnya banyak tindan lapis antara puluhan perkara yang telah saya bincangkan, sama ada berkait dengan Malaysia mahu pun dengan persoalan yang lebih *global* sifatnya.

Dengan itu, saya persembahkan berikut ini keseluruhan tulisan saya untuk tatapan serta kritikan anda.

Penghargaan

Pertama-tamanya saya ingin merakamkan setinggi-tinggi terima kasih kepada para guru, pelajar dan teman lain yang senantiasa mengikuti kolumnya, "Halaman Lima", di *Dewan Masyarakat* yang telah memberikan saya perangsang serta sokongan penuh untuk berusaha mengumpulkan suatu koleksi tulisan kolumnya selama empat tahun ini dalam bentuk sebuah buku.

Mereka jugalah yang telah memberikan rasional mengapa kesemua tulisan kolumnya perlu diterbitkan semula. Menurut mereka, dengan terkumpulnya tulisan ini akan memudahkan mereka untuk menggunakan sebagai bahan tambahan yang diperlukan dalam kertas Pengajian Am Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia (STPM) yang wajib diambil. Selanjutnya, mereka berpendapat tulisan saya ini telah merangsang semacam suatu pemikiran kritis yang selama ini terpendam dalam benak mereka. Saya merasa cukup puas hati apabila mendengar kenyataan seperti ini yang datangnya dari para pembaca. Rupa-rupanya susah payah dan jerih saya menulis dan melontar fikiran dalam setiap kolumnya ada juga yang merasakan gunanya. Alhamdulillah.

Oleh sebab itu saya tambah suatu bab pengenalan, khusus untuk memperkenalkan koleksi kolumnya ini, yang berkait dengan hal "pemikiran kritis". Semoga kandungan bab ini akan mendapat reaksi daripada audiensi buku ini nanti.

Saya juga ingin menyampaikan jutaan terima kasih kepada YB Dato' M. Noor Azam, seorang penulis yang cukup tajam penanya dan terkenal dengan kolumnya "Perspektif" yang mendominasikan *Dewan Masyarakat* dalam tahun 1970-an, kerana sokongan moralnya dalam penerbitan buku ini. Sebenarnya beliaulah guru saya yang telah melihat saya berjalan jatuh hingga berlari dalam dunia penulisan prosa popular.

Sdr. Johan Jaafar, kini di Kumpulan Utusan Melayu merupakan orang yang bertanggung jawab memberikan saya peluang menulis kolumn di *Dewan Masyarakat* ketika beliau menjadi Ketua Editor majalah ini. Pada ketika itu saya merasa agak gugup tetapi saya tetap terima pelawaan Sdr. Johan sebagai suatu cabaran intelektual yang cukup berat. Sdr. Nik Zainal Abidin, Ketua Editor, *Dewan Masyarakat* sekarang juga tidak kurang kesabaran dan kegigihannya dalam membimbang saya supaya kekal menjadi kolumnis yang berkesan lagi kritis. Saudara Othman Sharif pula tetap merupakan editor saya yang paling setia. Kepada ketiga-tiga tokoh ini saya tabek hormat. Namun segala kelemahan yang terdapat dalam buku ini adalah terhimpun pada diri saya semata-mata, sebagai penulisnya.

Shamsul Amri Baharuddin.
UKM Bangi, 1993.

1

Dilema Masyarakat Malaysia

Masyarakat Malaysia memang kompleks sifatnya: berbagai-bagai kaum dan suku bangsa, adat resam dan adat istiadat, bahasa dan dialek, agama dan sistem kepercayaan, dan sebagainya. Keadaan ini ditambah-rumitkan dengan wujudnya beberapa lagi pembahagian sosial, seperti desa dan bandar, moden dan tradisional, wilayah maju dan mundur, yang miskin dan yang kaya, yang berpekerjaan dan yang menganggur, yang tua dan muda, dan seterusnya.

Tetapi di antara berbagai-bagai bentuk pembahagian sosial ini elemen "kaum"lah yang paling ditonjolkan. Ada beberapa sebab kenapa hal ini berlaku.

Pertama, berkait dengan faktor demografi. Bilangan kaum Melayu dan bukan Melayu hampir sama, justeru tidak wujud suatu kaum yang benar-benar bersifat majoriti dari segi perhitungan demografi tulen.

Kedua, berhubung dengan faktor politik kerana hampir kesemua parti politik di Malaysia berasaskan kaum, lantaran idiom politik kita sarat dengan hal-hal yang berbau perkauman.

Ketiga, kerana wujudnya tindan lapis antara faktor kaum dan agama, khususnya agama Islam dan Melayu, justeru perbezaan antara Melayu-Islam dengan bukan Melayu, bukan Islam menjadi sangat ketara malah selalu disebut-sebut.

Keempat, faktor bahasa juga telah menghambat proses komunikasi sepenuhnya antara kaum yang masing-masing mempunyai bahasa sendiri.

Kelima, setiap kaum mempunyai budaya masing-masing walaupun dikenal sebagai budaya timur tetapi begitu luas perbezaannya antara satu dengan lain.

Keenam, berkait dengan faktor geografi yang menunjukkan

sebahagian besar daripada anggota setiap kaum menetap di wilayah-wilayah tertentu akibat percaturan pemerintah kolonial lalu menidakkan interaksi sosial akrab antara kaum.

Ketujuh, juga akibat kolonialisme, setiap kaum berkenaan boleh dilikenal pasti mengikut keadaan ekonomi masing-masing, lalu hidup macam enau dalam belukar.

Keterbatasan perspektif kaum ini sama ada sebagai suatu kaedah analisis sosial atau sebagai suatu persepsi umum telah banyak dibincangkan. Perspektif dan persepsi " kaum" ini dikatakan terlalu mementingkan "sifat mendatar sosial", kerana secara automatik yang dibanding-bandingkan adalah blok-blok sosial besar, seperti kaum. Tindakan ini tidak ubah seperti membandingkan beberapa blok bangunan yang berlainan bentuknya tetapi masih tergolong dalam kategori bangunan.

Oleh yang demikian faktor dinamika sosial dalam yang menghayati kehidupan sosial setiap kaum dan yang mewarnakan segala hubungan sosialnya tidak diambil perhatian. Dengan kata lain, "sifat menegak sosial" yang juga mencirikan cara hidup setiap kaum di Malaysia telah diabaikan. Begitu juga tentang "sifat kerencaman" dan "hierarki" yang mengisi hidup sesuatu kaum sering diambil ringan. Lantaran sifat menegak sosial, kerencaman dan hierarki dalam keseluruhan masyarakat Malaysia sendiri pun selalu tidak diucap dan diungkapkan sepenuhnya, sama ada oleh para sarjana yang meneliti tentang masyarakat Malaysia, apatah lagi oleh mereka yang berasa lebih senang menggunakan kaum sebagai slogan politik yang menguntungkan.

Dalam konteks perbincangan tentang sifat menegak sosial, kerencaman dan hierarki dalam sesuatu kaum atau dalam masyarakat Malaysia setakat ini terdapat dua kerangka konspetual yang menonjol. Pertamanya, kerangka susun lapis, dan keduanya kerangka kelas sosial.

Kerangka susun lapis menggunakan ciri-ciri kelas, status dan kuasa sebagai petunjuk dalam membina susunan lapis sosial. Mengikut kerangka ini wujud tiga susun lapis besar dalam tiap-tiap masyarakat: susun lapis atas, menengah dan bawahan. Dalam konteks Malaysia susun lapis ini wujud dalam setiap kaum dan juga dalam masyarakat Malaysia keseluruhannya. Setiap susun lapis ini pula boleh dibahagikan kepada tiga. Misalnya, susun lapis bawahan boleh dipecahkan kepada susun lapis bawahan atas, bawahan menengah, dan bawahan bawah. Pemecahan ini boleh dilanjutkan tanpa hujung. Sebab itulah kerangka ini dianggap sebagai suatu alat analisis sosial yang berguna tetapi agak

statis dan deskriptif sifatnya.

Sedangkan kerangka kelas sosial lebih mengutamakan faktor hubungan antara kelas-kelas sosial, justeru lebih dinamis sifatnya. Kelas-kelas sosial ini, secara empirisnya, lebih *fluid* dan fleksibel corak pembentukannya. Faktor-faktor kepentingan sosial, modal dan kekayaan, dan penguasaan terhadap ragam pengeluaran dikatakan menentukan kelas sosial seseorang. Mengikut pendukung kerangka ini, di Malaysia wujud pelbagai kelas sosial, seperti kelas pedagang, kelas birokrat, kelas menengah dan sebagainya, justeru penentuan kelas sosial tidak terikat kepada sesuatu bilangan tertentu seperti kerangka susun-lapis. Dalam setiap kelas sosial itu pula wujud puak-puak yang berbeza kepentingan politik dan ideologi.

Maka percakaran antara sesama anggota kelas pemodal boleh disebabkan oleh perebutan kuasa politik dan ini bukan suatu keganjilan dalam konteks kerangka ini. Malah dianggap sebagai suatu ciri utama dalam hubungan antara kelas. Penggunaan kerangka ini untuk memahami proses sosial di Malaysia dikatakan membolehkan kita mengungkapkan segala kerumitan sosial semasa dengan lebih terperinci dan jelas.

Kekuatan kerangka susun lapis dan kelas sosial terletak pada kemampuannya melewati garis pemisah sosial yang berdasarkan kaum semata-mata, lalu menjanjikan suatu analisis yang lebih aktif, dan dinamik, malah lebih menarik. Sayangnya kedua-dua kerangka ini masih hanya digunakan oleh para penyelidik sains kemasyarakatan dan kemanusiaan dalam penelitian dan analisis mereka tentang masyarakat Malaysia. Bilakah kedua-dua kerangka ini akan dimanfaatkan oleh rakyat Malaysia keseluruhannya masih belum pasti.

Dewan Masyarakat, Ogos 1988.

2

Adakah Anda Anggota Kelas Menengah?

Istilah kelas menengah kerap kali kita temui apabila membaca akhbar, menatap karya kreatif, meneliti tulisan ilmiah atau menyingkap pantas berbagai-bagai laporan penyelidikan. Sering juga istilah ini disebut-sebut dalam perbualan atau digunakan oleh ahli politik apabila berpidato.

Kelas menengah bukan hanya sekadar suatu ungkapan, bayangan palsu suatu imej, atau sepotong kategori sosial lusuh tetapi lebih dari itu. Kelas menengah adalah suatu fenomena sosial. Fenomena ini bukan hanya wujud di Malaysia bahkan di merata dunia. Kesejagatan fenomena ini amat dirasakan dan sungguh ketara.

Tetapi di sebalik semua ini tersembunyi serangkai teka-teki tentang kelas menengah yang masih belum terjawab. Kalau pun sudah dijawab masih tidak memuaskan. Pertamanya, siapakah sebenarnya yang menganggotai kelas menengah? Keduanya, apakah kelas menengah itu dari segi dalaman, dicirikan oleh kerencaman atau keseragaman? Ketiganya, di manakah bermula dan berakhirnya garis pemisah antara kelas menengah dengan kelas sosial selainnya?

Ternyata bahawa sebahagian besar perdebatan dalam ilmu sosial tentang kelas menengah buat masa ini berlegar di sekitar tiga persoalan tersebut. Di Malaysia, satu-satunya tulisan tentang kelas menengah telah dihasilkan oleh Dr. Nordin Selat, berjudul *Kelas Menengah Pentadbir* (1976). Biarpun komuniti ilmuan Malaysia mempersoalkan kualiti ilmiah penyelidikan dan analisis yang mendukung karya Dr. Nordin ini, namun sehingga kini kita masih menunggu-nunggu terbitnya buku yang menyampaikan penemuan-penemuan baru lagi segar tentang kelas menengah Melayu atau Cina atau India di Malaysia, atau kelas menengah Malaysia pada umumnya.

Kepada mereka yang melihat dalam konteks kerangka kelas sosial yang doktriner, kelas menengah sebenarnya tidak wujud. Masyarakat dikatakan hanya terbahagi kepada dua: yang mendominasi (*the dominating*) dan yang didominasi (*the dominated*). Justeru itu kelas menengah dianggap, dari segi sosial, sebagai bayangan palsu, *illusion* atau *mirage*.

Berdasarkan keadaan sosial di Malaysia, sifat kesementaraan kelas menengah yang dinyatakan di atas sukar untuk dipertahankan. Dari satu segi memang tidak dapat dinafikan bahawa mereka yang menganggotai kelas ini akan akhirnya masuk ke kelas yang mendominasi atau yang didominasi. Tetapi ini tidak bererti bahawa kelas menengah di Malaysia akan terus lenyap begitu sahaja setelah ini berlaku.

Jika kita ambil pula ukuran jenis pekerjaan, iaitu *manual* dan *non-manual* untuk menentukan keanggotaan kelas menengah di Malaysia, kita akan berdepan dengan dua gambaran tentang kelas menengah: satu, yang mengukuhkan signifikan pembahagian pekerjaan antara *manual* dan *non-manual* dalam menentukan keanggotaan kelas menengah, dan satu lagi, yang menunjukkan bahawa pembahagian pekerjaan itu kurang signifikannya.

Maka gambaran yang pertama adalah suatu kelas menengah yang kian memboyong besarnya. Anggota-anggotanya menikmati gaji dan keadaan bekerja yang jauh lebih baik jika dibandingkan dengan apa yang diterima oleh kelas pekerja. Ini berlaku kerana mereka mempunyai kelayakan pelajaran dan kemahiran teknikal yang lebih tinggi daripada anggota kelas pekerja. Lantaran gaya hidup kelas menengah ini menampakkan perbezaan yang besar dengan kelas pekerja.

Gambaran yang kedua pula memperlihatkan suatu kelas menengah yang tidak begitu homogen seperti gambaran di atas, di sebaliknya kelas ini didapati terpecah-pecah dari segi sifat dan kewujudannya. Anggota-anggotanya terpecah kepada tiga. Satu pecahan hampir menyerupai kelas pekerja dari segi pendapatan dan gaya hidup; satu kelas lagi mirip kelas atasan berada yang serba mewah; dan yang ketiga, pecahan yang sebenar-benarnya bersifat kelas menengah dan begitu kecil keanggotaannya. Justeru sempadan yang memisahkan kelas menengah dengan kelas-kelas lain begitu kabur.

Anehnya gambaran yang ‘kabur’ itulah yang paling jelas kewujudannya di Malaysia. Memang benar terdapatnya jurang yang luas dari segi pendapatan antara anggota kelas menengah dengan kelas pekerja, lebih-lebih lagi jika kita bandingkan dua kes ekstrem daripada kedua-dua kelas tersebut. Tetapi perbandingan ini mengelirukan kerana

perbezaan pendapatan antara beberapa kategori pekerjaan yang *non-manual* dalam kelas menengah, dengan yang *manual* dalam kelas pekerja, hampir tidak wujud. Misalnya, pendapatan seorang kerani tidak banyak berbezanya dengan pendapatan seorang buruh kontrak mahir yang memperjudi nyawa di awang-awangan untuk membina sebuah pencakar langit.

Pada umumnya, dalam arena politik kedudukan dan peranan kelas menengah besar sekali pengaruhnya kerana kesedaran politik di kalangan anggotanya dikatakan amat tinggi. Rata-rata golongan intelejensi di negara membangun adalah didukung oleh kelas menengah. Pola ini juga terdapat di Malaysia, tetapi setakat mana kelas ini dapat mempengaruhi dan mengubah arus politik Malaysia masih belum dibuktikan secara sahih.

Oleh itu boleh kita rumuskan bahawa biarpun wujud masalah untuk menentukan siapa yang boleh dikategorikan sebagai anggota kelas menengah, terutamanya dari segi ukuran ekonomi, namun dari segi politik dan gaya hidup pengaruh dan peranan kelas menengah sukar dinafikan. Kerumitan ini sebenarnya merupakan suatu persoalan yang tiada hujungnya.

Dewan Masyarakat, September 1988.

3

Pembangunan yang Dipersoalkan

Pembangunan merupakan suatu perkataan yang sungguh emotif sifatnya. Kepada setengah-setengah pihak pembangunan membawakan kegembiraan. Kepada pihak yang lain pembangunan mendatangkan kedukaan. Biarpun proses pembangunan itu sendiri menjanjikan kemajuan namun kerapkali di sebaliknya terlindung proses kemunduran. Memang dialektik sekali proses pembangunan yang kita alami selama ini.

Menurut para sarjana sains sosial dan kemasyarakatan, pembangunan adalah sebahagian daripada proses perubahan sosial, suatu proses yang lebih menyeluruh sifatnya. Pembangunan itu pula dibahagikan oleh mereka kepada dua bentuk: (i) pembangunan yang dirancangkan, dan (ii) pembangunan yang tidak dirancangkan. Ternyata hampir keseluruhan tumpuan kita selama ini adalah terhadap pembangunan yang dirancangkan kerana usaha ini melibatkan tindakan sedar manusia mengubah hidup mereka sendiri. Tindakan ini sering diungkapkan sebagai *social engineering*, yang pula melibatkan banyak pihak untuk menjayakannya. Lantaran itu muncullah kerencaman pemahaman tentang pembangunan di kalangan manusia sejagat, sama ada dari segi istilah, konsep atau teori.

Sebagai suatu istilah, pembangunan pula membawa pelbagai pengertian. Definisi demi definisi diungkapkan untuk menghuraikan makna pembangunan. Ada pengertian yang luas dan ada pula pengertian yang sempit. Dari satu sudut pembangunan dikatakan mencakup keseluruhan kehidupan manusia: lahiriah dan bantiniah, luaran dan dalaman, kebendaan dan kejiwaan, fizikal dan mental, utilitarian dan humanis, praktis dan teoritis, dan yang alamiah dan yang dirancangkan.

Dari satu sudut yang lain pula pembangunan adalah sesuatu yang

objektif, praktik dan boleh direncanakan. Justeru pembangunan boleh diukur tercapai tidaknya, boleh dikira dengan angka-angka jaya gagalnya, dan boleh dibuat pelunjuran tentang masa depannya. Tidak hairanlah kalau proses pembangunan itu sendiri seringkali dihambat oleh pertikaian tentang pengertiannya.

Sebagai suatu konsep, pembangunan sarat pula dengan pelbagai interpretasi yang kerap kali berbeza antara satu sama lain. Mekar daripada interpretasi yang rencam ini adalah rangkaian ciri yang dikatakan mengisi konsep pembangunan itu. Ada rangkaian ciri ini tebal dengan unsur ekonomi sehingga pembangunan, dari sudut ini disamakan dengan pencapaian ekonomi semata-mata.

Suatu rangkaian lain menganjurkan ciri-ciri humanis yang mendalam, lantaran pembangunan itu dilihat sebagai proses membina kebahagiaan untuk umat sejagat yang bertunjangkan prinsip egalitarianisme. Ternyata dengan wujudnya kepelbagaian interpretasi tentang konsep pembangunan ini ada ketikanya membingungkan tetapi lebih kerap merupakan cabaran yang menguji keintelektualan.

Sebagai suatu bidang pengajian yang didukung oleh berbagai-bagai teori dan aliran, pengajian pembangunan tidak pernah sunyi daripada perdebatan dan kontroversi. Ada sarjana yang menganjurkan gagasan bahawa pembangunan itu adalah modenisasi; yang lain menyamakan pembangunan dengan pembaratan; ada pula yang mengajukan bahawa pembangunan dan kemunduran merupakan *two sides of the same coin*. Akibatnya muncullah beberapa perspektif dalam pengajian pembangunan, yakni melihat perkara yang sama dari sudut yang berbeza. Terperangkap antara sudut dengan sudut ini adalah para pelajar dan penyelidik yang senantiasa ingin mencari keseimbangan pandangan; yang gagal dianggap ortodoks dan yang berjaya dianggap progresif; yang senyap-senyap dianggap konservatif dan yang bising-bising dipanggil radikal. Ada juga yang digelar fungsionalis dan ada pula yang mengaku sebagai struktural-historis, tetapi lebih ramai yang takut dicap Marxis.

Bagi perencana dan pelaksana yang mengutamakan hal-hal konkret, pembangunan terjelma dalam bentuk jalan raya, rumah pangsa, rumah bidan dan pusat kesihatan, kalori makanan, masjid dan surau, jambatan besi atau kayu, paip air dan tiang elektrik. Buta atau kenal huruf, membaca atau tidak, berbasikal atau berkereta, sakit atau sihat, tercemarnya alam atau tidak, semuanya diperhitung rapi untuk mengukur pembangunan yang sudah dan belum dicapai. Dalam kesibukan mengira hal-hal konkret ini, demi memenuhi buku-buku laporan yang

kian bertimbun, faktor manusia dan kemanusiaan diabaikan. Pembangunan akhirnya terjelma hanya di atas kertas-kertas kaku untuk disimpan di bilik-bilik berhawa dingin, lalu diarkibkan, kononnya untuk anak-anak cucu.

Sebagai kiasan, politik pembangunan lebih bercorak retorik, lebih sebagai halwa telinga dan kurang untuk deria yang lain. Seolah-olah mempunyai kuasa mistik, apabila perkataan pembangunan diucapkan oleh ahli-ahli politik, dia mampu memukau sesiapa yang mendengarnya. Oleh yang demikian perkataan ini sudah mencapai taraf mantera berpuaka, dalam ritual dunia politik di mana-mana sekalipun. Sebarang slogan politik tanpa perkataan pembangunan samalah seperti memakan sirih tanpa pinang, nasi tanpa sambal belacannya. Biarpun kita semua tahu bahawa banyak janji pembangunan oleh ahli politik tidak tertunai dan hanya berkumandang untuk memancing undi, namun kita akan berasa tidak puas kalau kita tidak didodoikan begini. Alangkah *masochisticnya* citarasa politik kita.

Ringkasnya, biar bagaimanapun pembangunan itu diistilahkan, dikonsepkan, diteorikan, dikaji dan dilaksanakan tetap kita terima dan sekaligus kita terus mempersoalkannya. Proses ini juga boleh dianggap sebagai suatu pembangunan, tetapi lebih intelektual sifatnya.

Dewan Masyarakat, Oktober 1988.

4

Lagu Politik dan Politik Lagu Mutakhir

Selalunya kita mengaitkan lagu dengan hiburan; untuk berhibur sebelum tidur, sambil berehat, sedang bertugas, ketika menikmati sarapan dan santapan, tatkala berpesta, semasa berkenal mesra, dan pada waktu-waktu lain yang indah. Ringkasnya, lagu merupakan santapan jiwa dan deria yang sungguh keramat lagi memukau.

Tetapi akhir-akhir ini, lagu telah pula muncul sebagai alat politik yang berpengaruh di tanahair kita. Lagu demi lagu berkemundang menyuarakan kesetiaan dan protes sekaligus, sesuai dengan rentak dan irama politik negara semasa. Oleh yang demikian, fungsi lagu buat masa kini di Malaysia bukan sahaja untuk menghibur tetapi telah dijadikan secara terang-terangan medium penyampai mesej politik, sama ada oleh pemerintah maupun pengkritiknya.

Kita sama-sama mendengar bagaimana lagu demi lagu telah digubah untuk mengungkapkan rasa setia, memuji pemerintah, mengagungkan kejayaan pembangunan negara dan menyeru perlanjutan harmonis serta kesetiakawanan dalam masyarakat kita. Dalam masa yang sama kita juga terdengar lagu-lagu yang menyampaikan kegelisahan sosial, menyuarakan protes tentang kehancuran alam sekitar, mengkritik kesan negatif pembangunan, dan melontarkan keresahan peribadi akibat persekitaran sosial yang menekan.

Memang tidak dapat dinafikan bahawa kegiatan mencipta lagu sama ada untuk memuji atau mengkritik pemerintah bukanlah sesuatu yang baru. Pada tahun 1955, ketika kali pertama pilihanraya umum diperkenalkan di Semenanjung Tanah Melayu, sebuah lagu berjudul *Mari Mengundi* nyanyian Zainal Alam telah menjadi lagu paling popular di radio ketika itu.

Tidak berapa lama kemudian Zainal Alam juga telah menyanyikan

lagu *Susu* sebagai sebahagian daripada kempen pemerintah menggalakkan rakyat meminum susu, terutamanya kanak-kanak, untuk mengukuh taraf kesihatan mereka. Begitu jugalah fungsi lagu *Gunakanlah Bahasa Kebangsaan* dan beberapa lagu patriotik seperti *Berjaya*, yang berentak *mac*, dan *Tanah Pusaka*, yang berentak asli. Lagu-lagu seperti ini telah dicipta dalam era konfrontasi. Jelasnya setiap lagu seperti yang tersebut tadi telah dilahirkan oleh suatu konteks sosial dan sejarah, justeru sifat ideologinya ternyata sekali.

Tetapi dalam beberapa bulan yang terakhir ini telah lahir pula lagu-lagu yang juga berbentuk ideologi, namun lain sekali *genre*nya. Terang-terangan sifatnya adalah lagu politik, ada yang memuji pemerintah dan ada yang memprotes, memanifestasikan keadaan politik tanah air amnya dan politik Melayu khususnya.

Muncul daripada keadaan ini adalah lagu seperti *Setia* yang membawakan semacam suatu sumpah sosial rakyat terhadap pemerintah, *Melaka Oh Melaka* yang memerihalkan sambil memuji prestasi pembangunan negeri tersebut. Berpuluhan-puluhan lagu lagi yang seperti itu telah dihasilkan sesuai dengan kempen Semarak di setiap negeri di seluruh tanahair. Saban hari kita didendangkan lagu-lagu ini melalui peti tv dan corong radio.

Yang paling menarik dan mungkin secara kebetulan, tetapi tanpa publisiti besar-besar, adalah kemunculan lagu-lagu seperti *Ayo-Yo Sami* yang menyuarakan protes terhadap sistem tol di lebuh raya baru kita, *Apo Nak Dikato* dan *Kocik-Kocik Jago Kobau* yang memerihalkan pula kesan penghijrahan desa-bandar, dan beberapa lagu lain yang senada dari segi semangat dan mesej dengan lagu-lagu tersebut. Biarpun sebahagian besar lagu seperti ini tidak tersiar di radio dan tv, namun ribuan naskah kasetnya telah terjual di pasar-pasar malam seluruh negara.

Lagu politik dan politik lagu ini memang merupakan suatu fenomena sosial yang menarik untuk diperhati dan dikaji sama ada kemunculan atau dinamikanya, sambil kita terhibur mendengarnya. Namun bukan dalam bidang ini sahaja dapat kita rasakan irama dan denyut politik semasa tanahair. Dalam bidang kewartawan dan penulisan buku picisan politik keadaannya lebih hangat. Terdapat buku dan tulisan dalam *genre* ini yang memuja tokoh-tokoh politik tertentu secara terbuka tanpa segan silu, seolah-olah tokoh-tokoh berkenaan adalah watak-watak daripada buku-buku hikayat silam, sehingga ada yang mengungkapkan kegiatan ini sebagai "jurnalisme periuk nasi". Terdapat juga buku dan tulisan yang lebih enak mengkritik malah

mencemuh tanpa adab dan aib pemerintah dan tokoh-tokoh politik tertentu. Tulisan berbentuk ini dikategorikan sebagai "jurnalisme sour grape". Kedua-dua bentuk tulisan dan buku ini membanjiri pasaran kita.

Tetapi, apakah ini semua suatu fenomena sosial yang bilazim? Sebenarnya tidak, kerana seperti kita tahu dan sedari, lagu dan buku serta kandungannya merupakan medium untuk menyampaikan mesej sosial kepada umum. Begitu juga fenomena berpuak dalam politik, pun suatu kebiasaan. Justeru itu, kalau para pencipta lagu pun berpuak-puak semestinya lah ini mencerminkan keadaan politik tanahair semasa yang menunjukkan proses berpuak-puaknya lebih rumit dan keadaan perpecahannya lebih kompleks.

Lagipun, semenjak awal peradaban manusia lagu telah menjadi salah satu alat penyampai mesej yang paling berkesan pernah dicipta manusia. Cuma ketika itu keindahan dan mutu seninya ternyata tinggi sekali. Tetapi lagu politik dan politik lagu masa kini jelas kegersangan seninya, sesuai dengan *rules of the jungle* yang mendasarinya.

Dewan Masyarakat, November 1988.

5

Kampung: Antara Kenyataan dan Nostalgia

Kampung merupakan suatu istilah keramat dalam alam kehidupan orang Melayu. Istilah ini sekaligus bersifat emotif dan rasional. Oleh itulah istilah ini telah bersemayam abadi dalam *psychic* orang Melayu untuk sekian lama dan tiada suatu kuasa seperkasa yang lain dapat mengikisnya.

Namun apabila diteliti dengan lebih mendalam kita dapati istilah kampung itu sendiri mempunyai bermacam pengertian pula dan telah digunakan dengan berbagai cara dalam konteks yang berbeda-beda: dari yang jelas sifatnya membawalah ke yang kabur. Tetapi kepelbagaiannya ini bukan membayangkan suatu keadaan yang kacau. Di sebaliknya, ini menunjukkan kepada kita bahawa istilah kampung itu adalah sesuatu yang mekar dari segi penggunaannya dan boleh dilentur pengertiannya mengikut arus masa. Di sinilah terletaknya kekuatan sekaligus kelemahannya.

Yang ternyata kacau akibat daripada keadaan ini adalah kita semua, termasuk para ilmuan, sebagai pentafsir istilah ini. Perubahan alam kampung itu sendiri telah berlaku dengan pantasnya sehingga kita tidak mampu menanggapnya dengan tepat dan menghuraikannya dengan jelas. Timbulah dari keadaan ini berbagai-bagai percanggahan definisi dan pendapat tentang kampung, terutamanya di kalangan peneliti sosial yang mengaku pakar tentang hal-hal yang bersangkutan paut dengan keadaan empirik di kampung. Ada di antara mereka melihat kampung semata-mata berdasarkan ciri geografis dan peraturan sistem pentadbiran tanah kita yang pada asasnya diwujudkan untuk kegunaan mengutip cukai. Kampung, dari segi ini, dilihat sebagai suatu kawasan yang pasti sempadan fizikalnya, seperti yang terlakar di atas peta. Oleh itu, kampung kepada mereka adalah semata-mata unit-unit pentadbiran yang kaku.

Mereka terperanjat besar apabila berhadapan dengan kenyataan bahawa terdapat lagi kampung-kampung yang lebih kecil dalam kampung yang dicipta oleh sistem pentadbiran tanah itu. Apakah lagi kalau sempadannya tidak jelas, tanpa sebarang tanda dan nama kampung-kampung itu pula berbeza dari yang terdaftar.

Keadaan ini wujud kerana terdapat konsepsi yang berbeza tentang kampung di kalangan pentadbir dan penghuni kampung-kampung berkenaan. Malah, tidak terdapat langsung titik pertemuan antara kedua-dua konsepsi ini, kerana yang satu menggunakan kriteria fizikal, sesuai dengan keperluan undang-undang tanah, dan yang satu lagi menggunakan kriteria sosial, sesuai dengan jaringan hubungan kekeluargaan dan interaksi sosial yang mendasari hidup penduduk-penduduk kampung berkenaan. Keadaan inilah yang selalu membingungkan para penyelidik.

Tetapi keadaan yang lebih membingungkan lagi berlaku di beberapa kawasan projek talair raksasa di Malaysia, seperti di Kedah dan Kelantan. Dalam konteks ini bukan sahaja para pengkaji yang bingung, para penduduk kampung sendiri pun menghadapi dilema. Sesuai dengan kehendak sistem talair dan pertanian moden, keseluruhan hidup kelompok sasaran dalam projek-projek berkenaan telah diatur rapi mengikut jadual apabila saluran air dilepas dan ditutup.

Akibat keperluan ini, kumpulan sasaran tadi telah dikelompokkan pula ke dalam petak-petak kawasan tertentu yang disebut 'unit talair' (*irrigation unit*). Dari segi fizikal, sempadan setiap unit ini tidak bertindan dengan sempadan kawasan kampung yang ditentukan oleh sistem pentadbiran tanah, dan langsung tidak ada kena mengena dengan sempadan 'kampung sosial' yang ditentukan oleh para penduduk sendiri.

Maka di kawasan projek besar raksasa berkenaan wujud tiga bentuk kampung yang berbeda fungsinya tetapi terletak dalam suatu ruang yang beranggotakan individu yang sama: pertama, 'kampung cukai', kedua, 'kampung sosial', dan ketiga, 'kampung talair'. Tidakkah keadaan ini membingungkan?

Suasana ini bertambah kusut lagi sulit jadinya apabila istilah kampung diberikan pula pengertian yang amat simbolik, oleh anggota masyarakat Melayu sendiri. Pengertian dan penggunaan istilah ini secara simbolik hampir sama sekali terlepas daripada sebarang ikatan fizikal yang nyata. Sifatnya lebih merupakan suatu pantulan naluri dan kalbu yang mendalam, berbalut pula dengan kerinduan dan rasa kepingin yang tebal, seakan-akan sebuah ilusi. Maka kampung terjelma

dalam konteks ini sebagai sebuah nostalgia.

Lantaran, apabila terkenang kampung nan jauh di mata maka terasa sebak di dada. Nasi lemak, sambal tempoyak, air perigi, pohon kelapa, rumah papan, kayu api, pelita bersumbu, gopong tempurung, ikan sungai dan ulam raja merupakan simbol-simbol yang mudah menimbulkan kerinduan terhadap kampung. Gotong-royong, berderau, marmabahan, kedamaian, ketenteraman, dan kemauafakatan juga merupakan imej-imej yang dikaitkan dengan kampung. Ringkasnya, kesemua simbol dan imej tadi, biarpun merupakan suatu himpunan ciri yang unggul tentang kampung, sentiasa menjadi kuasa halus yang boleh memukau sesiapa saja.

Persepsi seperti inilah, misalnya, yang masih mendominasi pengamatan orang kota mengenai kampung, lalu mengekalkan rasa nostalgis mereka terhadap kampung. Tetapi mereka jugalah yang akan segera menggunakan label 'orang kampung', kampungan, kolot, tradisional, ortodoks, dan konservatif terhadap sebarang individu yang gagal untuk menyesuaikan diri dengan suasana hidup kota. Inilah dilema psikologikal dan sosial orang kota yang dibelenggu oleh proses *alienation* atau keterasingan.

Sebenarnya, kampung tidaklah seindah yang dibayangkan. Konflik dan perbezaan sosial, kaya dan miskin, maju dan meleset, suka dan duka, kesemuanya terdapat di kampung seperti juga di kota. Malah di kampung, hubungan bersemuka menunjangi kehidupan sosialnya, proses kawalan sosialnya adalah lebih ketat berbanding dengan keadaan di kota. Kalau bertengkar dengan jiran, si penghuni kota, misalnya, masih boleh berpindah menyewa rumah lain. Ini sukar dilakukan dalam konteks kampung.

Oleh yang demikian, nostalgia terhadap kampung akan terus mekar dalam benak penghuni kota sebagai benteng terakhir mereka menghadapi kesunyian dan keterasingan yang senantiasa menggugat. Kepada peneliti sosial, untuk mengungkapkan dengan jelas tentang kampung akan terus mencabar kemampuan ilmiah mereka.

Dewan Masyarakat, Disember 1988.

6

Sistem Pemerintahan Pecah-perintah: Lama dan Baru

Pelbagai sistem pemerintahan wujud di dunia hari ini. Ada yang telah wujud beribu tahun dan ada yang terbentuk dalam abad ini. Setiap sistem ini bertunjangkan falsafah sosial tertentu lalu setiapnya diberikan nama berdasarkan falsafah yang menjadi asasnya, seperti sistem pemerintahan demokrasi, diktator, feudal, autokrasi, militer, dan sebagainya.

Dalam ilmu sains sosial, bidang pengajian tentang sistem pemerintahan ini amat luas dan popular. Setiap sistem yang wujud kini telah dikaji mendalam dari berbagai sudut: asal mula, falsafah, perjalanan, keberkesanannya, kekuatan, dan kelemahannya. Setiap ahli politik dan pemimpin negara dikatakan harus berpengetahuan tentang semua sistem ini untuk menjadi ahli politik dan pemimpin yang berjaya.

Namun kita juga sedar bahawa ramai pemimpin yang buta tentang ilmu ini telah menjadi pemimpin yang berjaya dan ahli politik yang berpengaruh. Tetapi tidak dapat kita nafikan bahawa terdapat sebilangan kecil pemimpin yang tekun mempelajari dan memahami ilmu sistem pemerintahan ini telah menggunakan secara sedar untuk mencatur beberapa aspek perjalanan politik yang diterajuinya.

Di antara ratusan sistem pemerintahan ini, dari segi sejarahnya, terdapat suatu sistem yang paling popular, terutama di kalangan rejim kolonial, bergelar sistem pemerintahan pecah-perintah. Pada asasnya sistem ini berlandaskan suatu andaian sosial iaitu sesebuah masyarakat wujud dalam suatu keadaan yang heterogen dan dicirikan pula oleh unsur perpecahan dan berpuak-puak yang kuat. Keadaan konflik ini dari satu segi memang negatif sifatnya. Namun dari segi politik, keadaan negatif ini boleh diambil kesempatan dan ditukar menjadi sesuatu yang positif kepada sesiapa yang memimpin masyarakat tersebut. Dengan

mengadu-dombakan puak-puak yang berpecah tersebut sang pemimpin dan segelintir penyokongnya boleh terus berkuasa tanpa cabaran berbisa daripada mana pihak-pihak yang leka berkelahi tersebut. Sang pemimpin mestilah juga menguasai sistem ekonomi, ketenteraan, perundangan dan kehakiman dalam masyarakat atau negara berkenaan.

Oleh kerana 'kepakarannya' dalam melaksanakan sistem pecah-perintah ini, pemerintah kolonial Inggeris telah berjaya menakluk sebuah kawasan tanah jajahan hampir 200 kali ganda besarnya daripada negara Inggeris sendiri. Selepas tamatnya era penjajahan di seluruh dunia, berbagai versi baru sistem ini telah diolah sesuai dengan keadaan politik setempat dan telah tumbuh seperti cendawan terutamanya di negara bekas tanah jajahan Inggeris.

Di negara Inggeris sendiri, perdana menteri Margaret Thatcher, didakwa telah mengamalkan sistem ini khususnya untuk menguasai pergerakan kesatuan sekerja, satu-satunya pencabar garang kepimpinannya, dan ternyata beliau berjaya. Di negara Dunia Ketiga pula, banyak contoh yang boleh diketengahkan, sama ada dalam negara yang diperintah oleh tentera atau yang mengaku mengamalkan sistem demokrasi, seperti di Nigeria, El Salvador atau New Caledonia.

Yang lebih menarik, ada dakwaan yang mengatakan bahawa sistem, atau dalam konteks ini lebih tepat lagi dipanggil dasar, pecah-perintah juga diamalkan oleh negara maju dalam hubungan mereka dengan negara Dunia Ketiga. Contoh terakhir boleh dipetik dari apa yang sedang bergolak di negara Jerman Barat sekarang.

Sekumpulan kecil rakyatnya (ilmuan, pemikir, birokrat dan mahasiswa) mendakwa bahawa Jerman Barat sedang mengamalkan dasar pecah-perintah ini secara sedar tetapi paling halus dalam hubungannya dengan dua buah negara Asia Tenggara (tidak termasuk Malaysia). Ini dilakukan melalui pemberian bantuan, berbentuk wang dan benda, kepada kelompok-kelompok sosial yang berkonflik dalam kedua-dua buah negara tersebut: katakanlah Negara A dan B.

Misalnya, di Negara A berlaku ketegangan dan kadangkala pertentangan terbuka antara pemerintah, di satu pihak, dan kumpulan-kumpulan pendesak, khususnya yang dipanggil NGO (Non-Governmental Organization), di satu pihak yang lain. Di negara B pula berlaku ketegangan antara pemerintah dengan Persatuan Sains Sosial dan Pertubuhan Hak Asasi Manusia dan Awam di negara tersebut.

Jerman Barat telah memberikan bantuan langsung yang bernilai beribu juta deutsche mark (DM1=RM1.50) kepada kedua-dua kerajaan negara tersebut. Dalam masa yang sama kerajaan Jerman Barat juga

melaksanakannya biarpun kita senantiasa kedahagaan bahan dari segi penyelidikan dan pembangunan, atau R&D.

Walaupun sedemikian banyak bahan ilmiah tentang DEB yang telah terkumpul, jika kita perhatikan dengan lebih teliti kandungannya kita akan dapati sesuatu yang tidak kena wujud. Yang paling jelas adalah dari segi ketidakseimbangan bahan dan analisis tentang kesan pelaksanaan DEB terhadap setiap kaum dan kelas sosial di Malaysia.

Ternyata sebahagian besar tulisan dan hasil kajian ilmiah berkenaan DEB setakat ini tertumpu kepada usaha menilai serta menganalisis jaya-gagalnya pelaksanaan strategi DEB dan kesannya terhadap kehidupan sosial kaum bumiputera, khususnya kaum Melayu di Semenanjung. Hanya sebilangan kecil yang menumpukan perhatian terhadap kesan DEB terhadap kaum Cina, India, dan kelompok-kelompok bumiputera yang lain, sama ada yang di Sarawak, Sabah maupun di Semenanjung sendiri.

Ini bererti para ilmuan kita, yang Melayu atau dari kaum lain, lebih senang menumpukan perhatian kepada tema-tema yang berkait dengan DEB dan Melayu. Memang banyak sebab yang boleh kita kemukakan mengapa sedemikian kecenderungan para ilmuan kita. Yang pasti dalam jangka panjang ini amat merugikan.

Setakat ini kesan DEB terhadap kaum Melayu telah dianalisis pada paras makro dan mikro dengan menggunakan berbagai pendekatan dan disiplin dalam bidang pengajian sains sosial dan kemasyarakatan. Malah wujud semacam suatu keghairahan yang melimpah tentang tajuk ini sehingga sangat diperkatakan di pentas ilmiah di dalam dan luar negeri. Ada pembicara yang mengkritik keras dan tidak kurang pula yang memuji pelaksanaan program-program DEB tersebut. Ada juga analisis yang chauvinist tetapi bertopengkan ilmu saintifik, dan ada pula yang benar-benar objektif serta jujur.

Yang paling mengecewakan, misalnya, adalah kekurangan maklumat serta pengetahuan terperinci tentang kesan DEB terhadap kaum Cina sama ada di Semenanjung Malaysia atau di Sarawak dan Sabah. Setakat ini tidak adupun satu kajian atau buku ilmiah yang kita dapat kenal pasti sebagai sumber tentang hal ini, yang setanding dengan tulisan para ilmuan seperti Diana Wong, *Peasants in the Making: Malaysia's Green Revolution* (1987) dan Ong Aihwa, *Spirits of Resistance and Capitalist Discipline: Factory Women in Malaysia* (1987) mengenai kesan DEB terhadap kaum tani Melayu. Ini sungguh merisaukan sama ada dari segi ilmiah maupun pengetahuan umum.

Kita telah dikemukakan dengan banyak bahan empirik ilmiah

tentang kecenderungan pengusaha Melayu menjadi *sleeping partners* dalam berbagai bentuk usahasama Melayu dan Cina, atau tentang rendahnya kualiti kemahiran dan pengalaman pengusaha Melayu lalu menyebabkan ramai di antara mereka terlibat dalam budaya *subcontractism* – memperolehi sesuatu tender sesuatu projek besar tetapi kemudiannya mengagihkan pelaksanaan projek tersebut dalam bentuk subcontract kepada pengusaha-pengusaha Cina. Nah, kalau pengusaha Melayu ini hanya mampu menjadi *sleeping partners* dan hanya pandai mengagihkan *subcontract*, siapakah sebenarnya yang meraih keuntungan besar daripada kegiatan ekonomi ini? Tentunya teman usahasama dan yang menerima *subcontract*, iaitu kaum Cina. Kita masih menantikan suatu kajian yang ilmiah lagi terperinci daripada ahli ekonomi kita tentang hal ini, yang seharusnya sudah dilakukan. Keadaan ini bertambah membimbangkan dalam konteks penubuhan suatu Majlis Perundingan Negara (MPN) untuk membincangkan kedudukan DEB selepas 1990, apabila beberapa tempatan telah dipilih menjadi anggotanya. Bagaimanakah mereka nanti, misalnya, dapat menyampaikan hasrat kaum bukan Melayu serta masalah yang mereka hadapi dalam konteks DEB dalam MPN, tanpa berbekal bukti ilmiah yang cukup, terperinci, dan berkualiti seperti yang diharapkan daripada para ilmuwan? Atau, mereka hanya akan bermain silap mata statistik dan berpaut pada emosi?

Tentunya keadaan ini akan dijadikan bukti untuk menunjukkan kelemahan para ilmuwan kita, oleh semua pihak, lalu akan menumpulkan segala kritikan bernes yang dapat mereka sumbangkan di MPN. Keadaan ini sungguh ironis. Kalau DEB diwujudkan atas dasar memperbetul ketidakseimbangan ekonomi Melayu dan bukan Melayu, dalam dunia ilmu pula wujud kini ketidakseimbangan pengetahuan ilmiah antara analisis kesan DEB terhadap kaum Melayu dan bukan Melayu. Pastinya ketempangan ilmiah ini tidak dapat diperbetul oleh para ilmuwan kita sebelum MPN bersidang untuk kali pertamanya nanti. Rupa-rupanya para ilmuwan kita dan pembentukan ilmu mereka tidak terlepas daripada ‘putaran ganas’ perkauman yang pada paras permukaan mendasari kehidupan sosial masyarakat Malaysia, seperti yang terbukti dalam penelitian mereka tentang DEB.

Dewan Masyarakat Februari 1989.

8

Antara Budaya Lisan dan Budaya Ilmu

Kita selalu mendengar rungutan tentang 'kelemahan' para pelajar kita menguasai dengan baik ilmu dalam bidang sains kemasyarakatan dan kemanusiaan. Keluh-kesah ini datangnya daripada guru, para pensyarah dan semua yang terlibat dalam sistem pendidikan kita. Ukuran 'kelemahan' ini adalah rendahnya kemampuan para pelajar tersebut dalam menyampaikan dengan jelas, secara bertulis, pemahaman mereka tentang apa saja yang berbentuk idea. Lalu mereka 'dihukum' dengan diberikan markah atau gred yang rendah, sama ada terhadap jawapan kertas peperiksaan mereka atau karangan dan eseи yang mereka hasilkan.

Bermulalah dari sini, suatu 'pemburuhan' yang tidak berkesudahan tentang punca 'kelemahan' ini. Ada yang mencari 'salahnya' dalam faktor ekonomi. Tidak kurang juga yang menyorotnya dari segi sejarah, politik, psikologi, sosiologi dan antropologi. Ternyata ilmuan kita dalam bidang pendidikan pun tidak pernah berhenti penat meneliti halus 'masalah' ini. Dari kesemua usaha tekun ini timbulah berbagai saranan, program khusus dan strategi besar untuk mengatasinya, yang kebanyakannya pula meminjam pelbagai model daripada budaya ilmu semasa di Barat, ada kalanya membuta tulji. Yang jelas kesemua model berkenaan adalah berdasarkan budaya tulisan (print culture).

Sebenarnya masalah ini bukan hanya masalah yang dihadapi oleh para pelajar kita. Para pensyarah, para guru, para pemimpin kita, anggota kelas menengah dan atasan kita pun turut juga terjebak dalam masalah ini. Ringkasnya, masalah ini adalah masalah semua, masalah negara, dan masalah masyarakat kita. Ini terjelma dalam sungutan-sungutan, termasuk yang pernah dihamburkan oleh Menteri Pelajaran kita sendiri, tentang terhegeh-hegehnya proses pembentukan 'bahasa ilmu'

dalam Bahasa Melayu. Dalam kata lain, Bahasa Melayu telah diakui sebagai suatu bahasa yang belum mampu mengendalikan wacana ilmiah dan intelektual dengan berkesan dalam bentuk tulisan.

Namun para sarjana kita belum pernah mahu meneliti dengan mendalam hubungan sosiologikal dan intelektual antara 'kelemahan' budaya tulisan Bahasa Melayu ini dengan pengaruh budaya lisan Alam Melayu. Ringkasnya hubungan antara budaya lisan dan budaya tulisan Bahasa Melayu mesti diamati semula dengan peka dan terbuka.

Jikalau kita teliti dengan mendalam budaya lisan Melayu pastinya kita akan sedari betapa kayanya tradisi ini. Kandungannya bukan sahaja kaya dari segi historis bahkan kualiti ilmu sosial yang terdapat di dalamnya cukup tinggi. Dalam kata lain, ciri intelektual bahasa dan bangsa Melayu terjelma jelas dalam budaya lisannya. Lantaran itu, bahasa lisan Bahasa Melayu dalam pelbagai bentuk pengucapannya, seperti dalam perbilangan adat, pantun dan seloka, bukan sahaja indah dan padat isi sosialnya bahkan di dalamnya juga terkandung kekuatan intelektual. Ternyata sekali bahawa tradisi ini lebih meluas pengaruhnya dalam semua lapisan dan kelas sosial masyarakat Melayu untuk berabad lamanya. Maka selama itulah proses sosialisasi 'minda Melayu' (*the Malay mind*) telah bertunjangkan tradisi ini.

Pengenalan budaya tulisan, atau *print culture*, dari segi historis adalah sesuatu yang baru dalam budaya dan kehidupan sosial di Alam Melayu, jika dibandingkan dengan budaya lisannya. Apabila diperkenalkan, dan untuk beberapa abad kemudiannya, budaya tulisan ini masih elitsentrik sifatnya. Hanya setelah maju dan murahnya alat percetakan barulah budaya ini semakin meluas pengaruhnya kerana penyebarannya pun telah bertambah luas. Namun pengaruh dan perkembangan budaya tulisan masih terbatas sehingga ke pertengahan abad ini, yakni semasa zaman pemerintahan kolonial.

Di samping itu, sebagai bahasa tulisan dan penyampai wacana intelektual, kemampuan budaya ini amat terbatas sekali kerana ianya masih dalam pembentukan dan mencari-cari tempat bertapak yang kukuh. Kebanyakan sumber intelektual budaya tulisan ini adalah berpunca dari luar budaya Alam Melayu, terutamanya dari Barat. Oleh yang demikian, budaya tulisan ini sebenarnya telah membawa kita lebih jauh dari sumber asal intelektual budaya Melayu, yakni budaya lisannya, dalam dua konteks. Pertama, dalam konteks pembentukan struktur bahasa, dan kedua dari segi kandungan ilmu pengetahuannya.

Dengan itu, wujudlah dalam budaya Melayu kini dua tradisi budaya yang selari: yang satu kuat daya intelektualnya dan yang satu

lagi masih dalam pembentukan. Jadinya tidaklah memerlukatkan jika dalam bentuk lisan kita lebih mampu menyampaikan segala yang kita anggap intelektual kerana akar umbinya sememangnya kuat. Di sebaliknya, dalam bentuk tulisan kita masih belum merasa konfiden dan inginkan sesuatu yang lebih baik dan kukuh.

Pastinya 'mangsa' pertama dalam proses ini adalah para pelajar kita. Dengan itu, kita harus meneliti semula dengan lebih mendalam dan terbuka tentang budaya lisan kita, yang sebahagiannya selalu dilabel dengan mudah sebagai dongeng dan tidak objektif, oleh segolongan sarjana Melayu sendiri. Sayangnya dalam pertemuan terakhir tokoh bahasa dan sarjana Melayu untuk menyambut 100 tahun pakatan belajar dan mengajar Bahasa Melayu, persoalan ini langsung tidak ditimbulkan. Mungkin juga belum dikenal pasti!

Dewan Masyarakat, Mac 1989.

9

Beberapa Jalan Menuju ke Perindustrian

Tahun 1989 sudah pun tiba dan mula beredar. Kita pun maralah setapak lagi ke arah mencapai suatu cita-cita besar, idaman pucuk pimpinan negara, iaitu menjadikan Malaysia sebuah negara perindustrian. Cita-cita ini bukan kepala tingginya kerana jalan menuju ke perindustrian pastinya jauh lebih sukar dan mencabar dari jalan menuju ke puncak Everest. Oleh itu, sebelum kita meneruskan perjalanan pada tahun yang baru ini elok kalau ditinjau dan direnungkan kembali, biarpun seimbas lalu, beberapa jalan berlaku yang telah dilalui oleh negara-negara yang jauh terdahulu dari kita berjaya menempah kedudukan sebagai negara perindustrian.

Jalan pertama yang telah membawa Inggeris, Perancis dan Amerika Syarikat ke perindustrian adalah melalui revolusi borjuis yang melibatkan pertumpahan darah: Inggeris dengan Perang Saudaranya pada abad ke-17; Perancis dengan Revolusi Perancisnya di abad ke-18, dan Amerika Syarikat dengan Perang Saudaranya pada abad ke-19. Melalui revolusi berdarah ini golongan borjuis di setiap negara tersebut telah berjaya merampas kuasa politik terlebih dahulu sebagai pra-syarat untuk membentuk suatu pemerintah yang boleh membuka pintu peluang seluas-luasnya bagi melancarkan program industrialisme demokrasi mereka. Undang-undang dan segala bentuk struktur kekuasaan adalah dalam tangan serta kawalan golongan borjuis ini. Maka kepentingan dan kemahuan ekonomi kapitalistik mereka tidaklah lagi tertahan-tahan. Melalui jalan inilah perindustrian bertapak, berkembang, dan akhirnya berakar umbi di Perancis, Inggeris dan Amerika Syarikat.

Jalan kedua menuju perindustrian, yang juga bercorak kapitalis, bertunas dan mekar di abad kedua puluh ini tetapi melalui ideologi

fascism yang pekat dengan *racism*. Jerman dan Jepun merupakan dua negara yang telah memilih jalan ini untuk membawakan mereka ke mercu kejayaan. Prosesnya melibatkan tumpah darah dan pengorbanan ribuan nyawa manusia yang tidak bersalah. Bibit-bibit proses ini bermula dari atas dan dipaksakan ke bawah. Biarpun telah ditentang oleh pihak-pihak tertentu namun penentangan ini telah dihapuskan dengan kekuatan tentera yang kejam. Kemudiannya kekerasan tentera ini melimpah ke luar dari Jerman dan Jepun sehingga pecah Perang Dunia Kedua. Kedua-dua negara ini telah ditewaskan. Tetapi kesan sosial daripada persediaan untuk berperang tersebut telah mewujudkan suatu masyarakat yang tinggi daya organisasinya dan tajam kebolehan teknologinya. Dalam keadaan aman segala tenaga ini telah digembung untuk membina kembali negara Jerman dan Jepun yang punah tadi. Akhirnya melalui proses ini mereka telah berjaya kini menjadi dua kuasa industrial besar di dunia.

Jalan yang ketiga telah dilalui oleh negara Rusia dan Cina dengan menggunakan ideologi komunis. Kedua-dua negara ini juga terlibat dalam revolusi darah. Kali ini pemerintah feudal telah digulingkan oleh musuh besarnya, yakni kelas petani yang tertindas dan sering kelaparan tanah. Doktrin komunisme menjadi ideologi yang telah digunakan oleh Lenin di Rusia dan Mao Tse Tung di China bagi menggembungkan segala kekuatan kaum tani yang bersimpati dengan mereka. Lahirlah dari proses politik ini rejim komunis yang *authoritarian* di Rusia dan China. Rakyat terbanyak yang dahulunya menjadi tulang belakang kepada program revolusi politik, kini dipaksakan dengan peranan baru sebagai 'tentera' revolusi industri. Dalam hal ini Rusia mendahului China dalam mencapai taraf negara industrial. Tetapi China kini sudah mula menunjukkan belangnya. Sebuah negara yang mempunyai potensi untuk menjadi suatu kuasa industrial besar di dunia.

Jalan terakhir dan terbaru yang telah ditempa untuk membawakan perindustrian adalah melalui pemerintahan tentera yang juga *authoritarian* tetapi dengan sokongan tentera dan ekonomi yang kuat dari luar. Korea Selatan dan Taiwan adalah dua negara yang telah memilih jalan ini sehingga berjaya dan kini digelar sebagai *Newly Industrialised Country* (NIC). Dengan menghapuskan kekuatan kesatuan sekerja lantaran mewujudkan pasaran buruh yang murah, maka segala bentuk industri dalam negara berkenaan di bina atas keringat kaum buruh ini secara paksaan dan murah. Maka negara-negara tersebut telah mampu menghasilkan barang industri yang jauh lebih murah, dengan bantuan modal asing, dan mudah pula dipasarkan

BEBERAPA JALAN MENUJU KE PERINDUSTRIAN

di seluruh dunia. Apabila mereka telah mencapai kemewahan ekonomi yang merubah hidup keseluruhan masyarakat dalam negara tersebut maka tuntutan dari rakyat untuk pemerintahan demokrasi telah muncul dan disuarakan dengan terbuka malah militan.

Itulah tadi beberapa jalan yang telah membawa beberapa negara di dunia yang kini menjadi kuasa besar dan kuasa yang sedang meningkat dalam bidang perindustrian antarabangsa. Yang mana satukah pilihan kita? Ini belum jelas kerana visi dan bentuk perindustrian yang kita inginkan masih belum dihuraikan sepenuhnya. Apakah kita ingin jadikan India sebagai contoh? India adalah satu-satunya negara membangun yang telah menunjukkan kejayaan di bidang ini. Tetapi tekanan penduduknya terlalu berat untuk membolehkan negara tersebut mengembangkan kepak perindustriannya dengan sepenuhnya. Kita masih menunggu dengan penuh debar jalan yang mana ingin kita lalui kerana semuanya beronak duri belaka!

Dewan Masyarakat, April 1989.

10

Apa Kata Orang Jepun tentang ‘Pengurusan Jepun’

‘Dasar Pandang ke Timur’ ciptaan Dr. Mahathir sudah lama menjadi buah mulut rakyat Malaysia, biarpun kandungan dasar ini tidak pernah terjelas. Lantaran dasar ini terbuka kepada berbagai tafsiran dan juga cemuhuan. Dalam kemelut ini, beberapa pihak telah mengambil inisiatif sendiri untuk mentafsirkan bahawa unsur terpenting dalam dasar ini adalah pengambilan dan penggunaan model ‘sistem pengurusan Jepun’ sebagai asas pengurusan di negara kita kerana ‘keunikan’ sistem berkenaan.

Banyak tulisan, kertas kerja, seminar, kursus, ceramah tentang sistem pengurusan ‘unik’ ini telah diadakan di seluruh negara oleh pihak kerajaan, badan berkanun, kesatuan sekerja, apatah lagi oleh pihak swasta, terutamanya syarikat-syarikat Jepun di Malaysia. Oleh kerana tujuan semua kegiatan ini adalah untuk mempopularkan ‘sistem’ berkenaan, maka kehebatannya telah ditonjolkan dan masalah pelaksanaannya hampir disenyapkan. Dengan itu elok juga kita tinjau pendapat orang Jepun sendiri tentang sistem pengurusan ini. Setidak-tidaknya kita dapat tahu tentang pengalaman mereka dalam mempraktikkan sistem ini di Jepun. Maka apa yang baik dari model ini kitajadikan teladan dan yang tidak dijadikan sempadan. Rasanya itulah semangat yang harus mendasari apa saja yang kita pinjam dari luar.

Sistem pengurusan Jepun ini wujud dengan bertunjangkan tiga prinsip penting. Pertama, prinsip jaminan kerja tetap seumur hidup; maknanya setiap pekerja direkrut terus untuk bekerja di sesebuah syarikat selepas tamat persekolahan, sama ada di sekolah tinggi, kolej atau universiti. Ini melibatkan pekerja kolar biru (blue collar), seperti penyelia kilang dan buruh mahir, atau kolar putih (white collar), seperti kerani dan para pengurus. Maka setiap pekerja dilatih dan diasuh dari

mula masuk untuk membina kemahiran dan taat setia kepada syarikat apabila bekerja. Sebagai membalsas penyerahan jiwa raga kepada syarikat tersebut, setiap pekerja dijamin tidak diberhentikan kerja, diberi pula bonus yang lumayan, kemudahan perumahan percuma, dan segala kegiatan rekreasi sosial keluarga para pekerja ditanggung oleh syarikat.

Keduanya, prinsip kekananan, atau *seniority*, diutamakan. Maka setiap pekerja diberikan jaminan kenaikan pangkat dan gaji sesuai dengan lama bekerja dan tidak pencapaian akademik atau prestasi produktiviti semata-mata. Maknanya, setiap pekerja baru mesti mula di mata tangga terbawah biarpun tinggi mana kelulusannya dan sebaik mana mutu kerjanya. Dalam kata lain pengalaman lebih dihargai dari kelulusan. Dengan cara ini harmonis dalam syarikat dapat dipelihara.

Ketiganya, mewujudkan suatu kesatuan sekerja setempat, atau *internal enterprise union*, dipentingkan oleh setiap syarikat. Ertinya, satu syarikat satu kesatuan sekerja, biarpun wujud beberapa syarikat yang mempunyai pekerja yang mahir dalam sama bidang pengeluaran dan menghasilkan barang yang serupa. Dengan cara ini mogok dapat dihindarkan. Anggota-anggota dalam kesatuan sekerja ini bukan hanya dari golongan kolar biru bahkan termasuk juga dari kolar putih. Ini pun satu cara memastikan konflik antara kumpulan pengurus dan pekerja tidak berlaku.

Menurut beberapa sarjana ekonomi Jepun yang telah mengkaji dengan mendalam pelaksanaan sistem ini, mendapati bahawa sistem berkenaan hanya telah dipraktikkan dalam syarikat yang besar-besar sahaja. Para pekerja yang terlibat dalam sistem ini hanya kira-kira 25% dari keseluruhan pekerja industri di Jepun. Para pekerja yang 75% lagi tidak terlibat dalam sistem ini. Maka dari segi ini kejayaan sistem tersebut tidak menggambarkan keadaan sebenar di seluruh Jepun. Mogok masih terus berlaku di kalangan pekerja yang di luar syarikat-syarikat besar, dan juga di dalam syarikat-syarikat besar tersebut.

Kesemua pekerja dalam sistem ini adalah dari kaum lelaki. Pekerja perempuan selalunya dihentikan apabila kahwin atau hamil. Maka prinsip jaminan kerja seumur hidup ini diamalkan secara terbatas sekali. Begitu juga dari segi *seniority*, pekerja perempuan tidak pernah berpeluang naik pangkat kerana lazimnya diberhentikan awal.

Akhir-akhir ini sistem pengurusan tersebut telah mengalami banyak masalah kerana ramai pekerja muda yang berkelulusan tinggi mahukan pangkat dan gaji yang tinggi sebaik saja mereka mula bekerja. Apabila mereka gagal mendapatkan ini mereka berpindah ke syarikat lain. Oleh

itu, sistem ini tidak lagi menjamin keharmonian dan taat setia dari pekerja.

Keretakan dalam sistem ini berkait dengan kemakmuran ekonomi dan kehidupan sosial di Jepun. Pekerja telah mula sedar bahawa peranan mereka amat penting dalam kejayaan ekonomi Jepun dan mengambil lebih kuasa. Mereka mahukan keuntungan besar yang diperolehi oleh syarikat-syarikat besar tadi dikongsikan dengan pekerja dan tidak dengan sesama pemegang saham tinggi sahaja.

Oleh itu, kini kita menyaksikan 'keunikan' sistem pengurusan Jepun ini pudar perlahan-lahan ditelan kemewahan. Nampaknya sistem ini tidak banyak bezanya dengan sistem pengurusan lain di dunia yang juga sarat dengan masalah. Bahagian manakah dari sistem ini yang hendak kita pinjam dan praktikkan di Malaysia? Ini sama sekali tidak jelas. Sekadar menyanyi dan bersenam setiap pagi dan berpakaian seragam belum memenuhi lagi tiga prinsip dasar sistem pengurusan ini. Katakanlah kita boleh pinjam, adakah hanya untuk syarikat besar atau termasuk juga syarikat kecil?

Dewan Masyarakat, Mei 1989.

11

Sindrom Bomoh

Bomoh dalam masyarakat Malaysia bukan sekadar seorang tukang ubat. Jika kita halusi kedudukannya dari segi sosial ternyata merupakan salah satu daripada instituti terpenting yang mengakari tradisi pribumi yang cukup kaya lagi historis. Perlanjutan kewujudannya untuk sekian lama menjadi bukti nyata dalam hal ini.

Secara terbuka atau diam-diam, bomoh tetap menjadi 'pakar rujuk' kepada semua lapisan rakyat di Malaysia. Kepada orang kampung, bomoh dicari jika anak menangis waktu tengah malam. Kepada anggota kelas menengah di bandar bomoh penting sebagai pembekal tangkal untuk mereka menghadapi pencerobohan hidup kota yang menekan. Kepada para peniaga gendut lagi kaya bomoh membantu membuka peluang baru dan mengekal kemewahan. Kepada ahli politik bomoh amat penting untuk menuju masa depan dan mengenal siapa kawan dan lawan. Ringkasnya, bomoh adalah dianggap sebagai manusia yang serba-boleh dan serbaguna hampir untuk serba-serbi kepada serba manusia di Malaysia.

Kekuatan serta wibawa mistikal sang bomoh bukan hanya berpunca daripada kemujaraban ubat-ubatannya, puaka serapah jampinya, atau kehebatan kuasa ghaibnya. Pengamatan masyarakat umum, khususnya kelompok sosial pengikut taat setia seseorang bomoh itu, juga penting dalam mencipta, mempertahankan, dan menghebahkan imej 'kesaktian' sang bomoh. Paduan simbiotik antara 'yang nyata' (the real) dan 'yang dibayangkan' (the imagined) inilah yang mengangkat bomoh ke suatu kedudukan teristimewa, pada hemat orang ramai. Justeru 'yang nyata' tanpa 'yang dibayangkan', atau kebalikannya, pasti akan mengurangkan kehebatan kesaktian sang bomoh.

Dengan itu tidaklah menghairankan jika seseorang bomoh itu tidak

terkenal di kampung atau sekitar kawasan kediamannya, biar sekerasan manapun jampi atau ubat-ubatannya, sekiranya imej kesaktiannya di kalangan penduduk setempat tidak wujud atau lemah. Ini disebabkan saban hari dia berinteraksi dengan penduduk sekitarnya hingga *mystique* kehebatannya menjadi nipis – bak kata pepatah alah bisa tegah biasa, atau dianggap tidak serasi. Di sebaliknya, bomoh berkenaan selalunya cukup terkenal di luar kampung atau kawasan kediamannya kerana unsur ‘yang nyata’ dan unsur ‘yang dibayangkan’ tentang beliau sama kuatnya. Maka berduyunlalah orang dari luar datang menemui bomoh tersebut sedangkan penduduk tempatan ‘ambil endah tak endah’ saja tentang kewujudannya.

Untuk dunia yang lebih sekular, moden, dan tidak *super-natural*, pun ada juga institusi ‘bomohnya’, tetapi diberi nama lain, seperti ‘pakar’, ‘pakar rujuk’, ‘perunding cara’, ‘penasihat utama’ dan sebagainya. Secara kebetulan, ramai di antara mereka ini bukanlah anak watan, selalunya orang asing. Ada yang mahir dan terkenal dalam bidang bersifat saintifik dan teknologikal serta tidak kurang juga yang dikatakan serba mengetahui dalam bidang ekonomi dan sains sosial. Ada yang bersendirian dan ramai yang telah menujuhkan firma perunding cara profesional masing-masing bersama teman atau orang lain.

Kadang-kadang mereka ini dikenal sebagai *scholars of fortune* (sarjana upahan), seperti *soldiers of fortune* (soldadu upahan), kerana mereka ‘mendagangkan’ pengetahuan – seperti peniaga pasar malam mendagangkan ikan kering, belacan dan ayam panggang – untuk wang semata-mata. Tetapi tidak semua bomoh ‘mendagangkan’ ilmu ghaibnya, masih ramai lagi bomoh yang tidak meminta wang setelah mengubat si sakit dan berjaya pula. Dari segi ini ternyata sebahagian besar institusi bomoh ini masih luhur dan tidak dikorup keluahan kebendaan kasar.

Kalau kita perhatikan dalam dua puluh tahun kebelakangan ini, pemerintah kita tidak henti-henti mengundang ‘pakar perunding’, ‘perunding cara’, atau lebih enak dipanggil *consultant*, untuk setiap tugas yang ternyata boleh dilakukan oleh orang tempatan, khasnya bumiputera. Misalnya, dalam bidang geologi (kajibumi, kaji tanah-tanah dan kaji batu batan) kita berbelanja berjuta ringgit mengundang ‘pakar’ dari luar negeri untuk menjalankan kajian melihat kesesuaian kawasan yang bakal dibina lebuh raya Utara-Selatan. Sedangkan ‘pakar-pakar’ ini akan pula mengambil ahli geologi tempatan yang mahir sebagai penasihat mereka tetapi dibayar murah. Apabila lebuh

raya itu rosak, barulah pemerintah memanggil ahli geologi tempatan tadi. Mengapakah mereka tidak dipelawa dari awal? Banyak kes lain yang boleh kita kemukakan di sini sebagai contoh, memadailah ini satu.

Dalam suatu konteks lain, ramai di antara sarjana tempatan kita, sama ada dalam bidang sains sosial, kemanusiaan atau sains alam sejati, sudahpun terkenal di kalangan komuniti sarjana dalam bidang masing-masing di luar negeri. Mereka diundang oleh negara asing atau pertubuhan besar dunia, seperti Bank Dunia atau Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu, untuk menjadi penasihat dalam beberapa bidang yang kita sendiri perlukan kepakaran. Tetapi kita nampaknya lebih selesa 'mengimport' orang asing, yang tidak kenal akan keadaan sosial dan alamiah kita, sebagai 'pakar'. Maka sarjana kita ini akan terus terkenal dan diundang oleh orang luar dan kita pula sibuk berbelanja mahal-mahal mengundang orang luar.

Ini mengingatkan kita bagaimana ghairahnya kelas menengah kita hari ini berdandan dan bergaya dengan segala yang diimport. Kalau tidak diimport tidak ada kualiti, tidak handal, tidak *special*, dan tidak cukup bagus. Para pentadbir kita pun begitu. Mereka amat bergantung kepada 'pakar perunding' yang diimport untuk sebarang apa tugas yang sebenarnya mereka boleh lakukan atau yang boleh dilaksanakan oleh sarjana tempatan. Perbuatan ini tak ubah seperti pepatah orang tua-tua kita, 'kera dihutan disusukan, anak dipangku mati tak makan'.

Dalam konteks inilah, masyarakat Malaysia, atau lebih tepat para elit kita, masih dibelenggu oleh 'sindrom bomoh', yakni lebih mengutamakan 'penasihat', 'pakar', dan segala apa yang dari luar dan yang asing, biarpun dalam masyarakat kita sendiri ada manusia yang setara hebatnya atau lebih hebat lagi kepandaianya. Sayangnya manusia-manusia ini hanya dikenal dan terkenal di luar negeri. Apakah ini kes 'hanya jauhari sahaja yang mengenal manikarn'?

Dewan Masyarakat, Jun 1989.

12

Ke Arah Pembentukan Negara-Bangsa

Hampir semua agama serta berbagai sistem kepercayaan manusia di dunia pada umumnya mendahului kewujudan ruang sosial khusus yang dikenal sebagai politik dan juga institusi negara-bangsa, setidak-tidaknya untuk lima ribu tahun. Tetapi kita sering lupa akan fakta ini kerana hampir setiap detik kehidupan sehari-hari kita kini telah dicatur oleh institusi politik dan negara-bangsa berbentuk moden.

Sebenarnya, sebelum politik mengukir ruang sosial khusus dalam kehidupan manusia dan kemudiannya disusul oleh institusi negara-bangsa yang tercakup dalam kerangka politik tadi, politik dan negara tidak terpisah daripada agama dan sistem kepercayaan manusia. Malah politik dan negara tergumpal satu dengan agama menghayati serba serbi seluk beluk kehidupan sosial keseluruhan manusia.

Pemisahan ini mula berlaku dalam peradaban Barat, yang bertumpu di Eropah, pada abad ke-12 dan 13 ketika 'gereja' dan 'negara' dipisahkan atas dasar rasionaliti. Bermula dari detik inilah apa saja yang berkait dengan agama dianggap *irrational* dan yang berkait dengan negara dianggap *rational* dan sekular. Dua ruang sosial ini – agama dan negara sekular – dianggap terpisah dan hubungannya pula telah dicirikan ketegangan yang terjelma dalam berbagai bentuk.

Persis seorang bujang perantau, negara sekular seolah-olah telah membawa diri dan terus berjauhan daripada agama. Selanjutnya negara sekular berpadu pula dengan ilmu sains alam sejadi untuk melahirkan negara-bangsa dan selanjutnya fenomena industrialisasi. Fenomena tersebut kemudiannya telah bertanggungjawab pula merintis kemunculan himpunan ilmu yang dikenal sebagai sains sosial. Langsung lebih jauh dan terpisahlah agama dan negara sekular, setidak-tidaknya daripada persepsi penganalisis sains sosial juga pucuk pimpinan

negara-bangsa. Apabila imperialisme dan kolonialisme menular keluar dari Barat dan meraih keuntungan kebendaan yang cukup besar melalui penindasan ribuan juta rakyat di luar Eropah demi kepentingan industrial Eropah, proses ini daripada persepsi Barat telah dikenal sebagai proses pemodenan. Sebahagian daripada proses ini melibatkan pewujudan negara kolonial dan kemudiannya negara-bangsa moden dari robohan negara kolonial tersebut.

Dalam menghadapi kmelut dan gelombang besar 'proses pemodenan' tersebut, agama dan sistem kepercayaan rakyat setempat yang dijajah dan ditindas telah menjadi pelapek malah benteng pertahanan terakhir mereka untuk menghindar daripada kehancuran sosial dan moral. Suasana ini telah memaksa rakyat tadi berdialog dalam idiom sekular, melancarkan gerakan nasionalisme, berpegang kepada suatu visi dan keinginan yang mendalam untuk mewujudkan 'negara agama', atau *theocratic state*. Ringkasnya, mereka ingin merampas kembali ruang sosial yang dikenal sebagai politik daripada pucuk pimpinan sekular kolonial guna mewujudkan negara bayangan (*the imagined state*) mereka tadi yang berasaskan prinsip keagamaan.

Dalam konteks ini, sejarah telah banyak memberikan bukti tentang kegagalan dan kejayaan agama sebagai gerak kuasa sosial dalam usaha tersebut. Tidak kurang juga bukti tentang 'perkahwinan' antara agama dan ideologi sekular sebagai kompromi untuk membina sebuah negara-bangsa yang diidamkan. Ertinya, melalui perebutan ruang sosial politik tersebut, politik sebagai suatu fenomena sosial malah gelanggang interaksi sosial yang penting telah diabsahkan kewujudannya oleh semua pihak. Justeru itu, di satu pihak terdapat pimpinan agama yang telah menggunakan politik untuk mencapai hasrat keagamaannya, dan di satu pihak lain pimpinan negara sekular menggunakan agama demi kepentingan politik.

Pergelutan dan rampas merampas ruang sosial bernama politik ini terus berlaku sehingga hari ini, terutamanya dalam era 'kebangkitan semula' Islam dan Kristian semenjak 1970-an lalu, sama ada di Amerika Latin, Asia Tenggara, atau Asia Selatan. Oleh kerana terlalu kuatnya gerakan 'kebangkitan semula' tadi beberapa negara-bangsa, biarpun membencinya, telah terpaksa mendakapnya lantas menganjur program yang menghayati unsur-unsur gerakan tersebut. Kekuatan gerakan ini dan kejayaannya tidak dapat kita pisahkan daripada suasana ekonomi yang menekan di kebanyakan negara-bangsa tersebut sehingga rakyat terbanyak negara berkedaan terpaksa mencari 'perlindungan terakhir' di bawah payung bernama agama. Fenomena inilah yang

masih tidak difahami sepenuhnya oleh komuniti Barat yang moden sehingga telah menimbulkan kegundahan besar di kalangan para anggotanya, termasuk para ilmuwan mereka.

Ini juga membuktikan bahawa agama masih dianggap sebagai sesuatu yang *irrational*, negatif, dan konservatif, sedangkan ternyata dari gerakan 'kebangkitan semula' tersebut bahawa unsur positif agama itu amat besar sekali. Kita tidak perlu pergi jauh untuk mendapatkan contoh tentang hal ini kerana terdapat di Asia Tenggara sendiri.

Negara-bangsa Myanmar, Kampuchea, Laos, dan Vietnam yang telah selama dua dekad lalu menjadikan sosialisme sebagai asas ideologi sosio-politik mereka dan menidakkannya kedudukan agama akhir-akhir ini telah kembali mengakui peri pentingnya agama untuk mempastikan kewujudan kesejahteraan sosial di kalangan rakyat jelata masing-masing. Buddhismus dan para sami Buddha kini telah diberikan kembali peranan politik yang lebih aktif di negara-negara tersebut. Pada satu ketika tidak lama dulu, ratus ribuan sami Buddha telah dibunuh kejam dan berpuluhan kuil bersejarah dimusnah habis-habisan oleh rejim Pol Pot di Kampuchea yang menganggap agama sebagai unsur penghalang terbesar ke arah pencapaian nirvana sosialismenya.

Persis 'hilang kabut datang terang', agama sebagai suatu gerak kuasa sosial yang progresif telah muncul semula menjernihkan kekeruhan di ruang sosial bernama politik di negara-bangsa yang mendukung sosialisme sekular sebagai 'agama' sebelumnya. Biarpun demikian janganlah pula kita terjebak dalam perangkap analisis yang kolot dan menganggap agama itu sesuatu yang monolitik. Kerencaman dan bukan keseragaman yang mencirikan agama, kalau tidak masakan Iran dan Iraq berperang habis-habisan biarpun sesama bersaudara Islam. Keadaan seperti inilah yang telah digunakan untuk memfitnahkan agama sebagai semata-mata kolot dan negatif. Hubungan kompleks antara agama, politik, dan pembentukan negara-bangsa akan terus mencabar kita, termasuk para analisis tentang hal ini.

Dewan Masyarakat, Julai 1989.

13

Hubungan Malaysia-Jepun: Siapa yang Untung?

Apabila Dasar Pandang Timur (DPT) diisytiharkan pada 1981 lalu Jepun telah tersentak berdebar sebentar, persis seorang panglima *samurai* gagah disergah si *ninja* kerdil, bukan kerana gentar, cuma gundah nanti tersalah langkah. Apakah sebenarnya kehendak Malaysia? Apa pula komitmen yang diperlukan dari pihak Jepun? Beberapa soalan seperti ini telah dilaporkan bergema di anjung Diet, yakni parlimen Jepun, dan juga di kelab-kelab malam Tokyo, tempat para eksekutif dan saudagar besar Jepun menghilang penat.

Ternyata, dengan lembut tetapi tangkas seperti ahli *gusti sumo*, Jepun telah segera mengatur rapi reaksi lalu menyiapkan segala yang perlu untuk mengambil kesempatan sepenuhnya peluang keemasan yang ditawarkan oleh Malaysia melalui DPTnya. Kini sudah hampir 10 tahun DPT dilaksanakan. Dalam tempoh tersebut hubungan Malaysia-Jepun menjadi cukup erat. Soalnya, apakah hubungan tersebut selama ini menguntungkan atau membebankan kita? Sebenarnya, kesan hubungan ini paling kuat dirasakan dalam lima ruang sosial serta ekonomi terpenting lagi bermasalah dalam masyarakat Malaysia.

Pertamanya dalam ruang pembangunan material, khususnya jurang perbezaan antara bandar dan desa. Jurang ini telah kian melebar dengan perkembangan pesat bandar-bandar utama di Malaysia akibat kadar pertumbuhan dalam bidang perindustrian. Meningkatnya perindustrian berpunca sebahagian besarnya daripada pengaliran masuk sumber ekonomi, khususnya modal dan teknologi, dari luar, dan kebanyakannya kepunyaan Jepun. Ini akan terus melemah dan merombak ikatan sosial serta menjegas perlanjutan komuniti desa. Di bandar pula berlaku 'ledakan kota', iaitu krisis kemudahan infrastruktur di bandar sekaligus pusat perindustrian kerana permintaan jauh mendahului tawaran. Di desa pula pengumpulan tanah dalam tangan segelintir tuan punya

menjadi-jadi dengan meningkatnya tempo migrasi dari desa ke bandar serta peningkatan kependudukan desa.

Keduanya dalam ruang pembangunan sektor, apabila sektor industri kian jauh meninggalkan sektor pertanian kerana sektor ini menjadi 'anak emas' kepada pemerintah biarpun ternyata bahawa sektor pertanian masih lagi menjadi tulang belakang ekonomi negara. Peningkatan produktiviti dan pelaburan sumber-sumber produktif ham-pir kesemuanya tertumpu di sektor industri, dan menurut sumber pemerintah Jepun, sumbangan dari Jepun paling tinggi dalam beberapa tahun kebelakangan ini. Tetapi sayangnya segala keuntungan dari sektor industri tidak diagih dan dirasakan oleh semua pihak kerana sektor ini rata-rata telah dimonopoli oleh pemodal antarabangsa, khususnya Jepun. Penglibatan kita dalam industri berat belum membawa sebarang keuntungan ekonomi kecuali hutang yang berlipat-lipat, sebahagian besarnya dengan Jepun. Hal hutang-piutang Malaysia-Jepun menjadi berita ekonomi penting di Jepun. Dalam konteks ini Dasar Pertanian Negara telah ditelan bisu oleh Pelan Induk Perindustrian Negara.

Ketiganya dalam ruang hierarki sosial, apabila terdapat suatu jurang yang cukup luas antara sekumpulan elit yang 'kaya berair' dengan rakyat majoriti yang rata-rata miskin dan senantiasa bergelut-hempas untuk menyara hidup. Perbezaan itu amat dirasakan dari segi pemilikan harta dan pendapatan. Yang kaya ini terdiri dari keluarga saudagar besar, tuan punya syarikat korporat dan bank, keluarga di raja, dan birokrat firma korporat tempatan dan antarabangsa. Ramai di antara mereka yang telah kaya raya dengan menjadi 'gundek ekonomi' Jepun. Ini diakui oleh laporan peristik ekonomi-industrial Jepun sendiri yang terbit dari masa ke semasa untuk bacaan umum. Yang miskin dan yang menganggur termasuklah sekumpulan besar para siswazah, di samping para nelayan kecil, buruh tani, dan ratus ribuan pendatang haram.

Keempatnya melibatkan ruang alam sekitar dan kesejahteraan manusia, khususnya dari segi peningkatan eksloitasi sumber alam sejadi yang cukup rakus dan semata-mata untuk keuntungan ekonomi. Dalam konteks ini penglibatan Jepun cukup tinggi dan lebih jelas pada pandangan umum di Jepun sendiri. Pencemaran alam yang datang bersama perindustrian menimbulkan banyak masalah, seperti tempat hendak dibuang hampas radioaktif. (Masalah ini telah melibatkan beberapa syarikat besar Jepun dan pernah dilaporkan dengan luasnya oleh beberapa akhbar utama Jepun). Begitu juga penglibatan Jepun dalam 'pemusnahan hutan belantara' di Sarawak dan Sabah, ter-

utamanya Syarikat Merubeni, seperti yang diliputi oleh *Asahi Shimbun*, akhbar harian terbesar Jepun, pada Mei lalu. Kayu diperlukan sangat-sangat oleh Jepun untuk perusahaan membuat kertas (khususnya menghasilkan buku dan membuat kertas pembalut hadiah) dan perusahaan membuat 'kayu sepit' (*chopsticks*) pakai habis, atau *waribashi*.

Kelimanya menyentuh pula ruang hubungan etnik yang begitu penting dalam konteks perlanjutan sistem sosial Malaysia. Dimensi etnik ini adalah sesuatu yang tersirat bukan sahaja dalam ke empat-empat ruang ekonomi dan sosial yang di bicarakan di atas bahkan dalam arena sosial yang selainnya. Ini berpunca daripada pengenalan etnik mengikut kegiatan ekonomi serta sektor di negara kita. Justeru setiap permasalahan yang muncul akibat daripada hubungan Malaysia-Jepun ini menerobos terus ke ruang etnik, secara sedar atau tidak. Misalnya, satu bahagian penting dalam etos 'sistem pengurusan Jepun' (sistem yang diidam-idamkan oleh pemimpin Malaysia sebagai model pengurusan dalam bidang industri kita), adalah berhibur-lipur, atau *entertainment*, untuk menghilang penat lelah sambil mengukuh kesepakatan antara pekerja. Kegiatan ini melibatkan arak, perempuan, dansa, dan banyak makan-makan. Pastinya hampir kesemua pekerja Melayu, sama ada yang eksekutif atau peringkat bawahan, tidak dapat melibatkan diri dalam kegiatan tersebut kerana dilarang oleh agama mereka. Secara tidak langsung pengurus serta eksekutif Jepun akan lebih erat dengan eksekutif serta pekerja Malaysia yang bukan Melayu. Oleh itu tidaklah memerlukan jika dilaporkan di Jepun baru-baru ini bahawa kebanyakan eksekutif Jepun yang pernah bertugas di Malaysia mempunyai pandangan yang negatif terhadap anak watan. Tetapi mungkin juga imej Islam yang diburuk-burukkan dalam arena journalisme antarabangsa juga bertanggungjawab dalam hal ini.

Pada asasnya, hubungan Malaysia-Jepun setakat ini telah banyak mendatangkan keuntungan kepada segolongan manusia sahaja, sama ada di Malaysia atau di Jepun, dan tidak rakyat majoriti masing-masing. Dalam konteks antara negara pula, pastinya Jepun yang lebih banyak meraih untung kerana begitulah keadaannya dari awal lagi.

Dewan Masyarakat, Ogos 1989.

14

Beruk, Gasing, dan Wau: Imej Popular Melayu di Luar Negeri

Akhir-akhir ini berpuluhan filem dokumentari tentang Malaysia telah dihasilkan di luar negeri untuk santapan mata dan mental penonton televisyen dan video di seluruh dunia. Sebahagiannya telah dihasilkan untuk tujuan politik oleh beberapa pertubuhan aktivis di Eropah dan Amerika Utara atau badan penyiaran kebangsaan seperti ABC di Australia dan NHK di Jepun. Selainnya telah dihasilkan untuk tujuan komersil, khasnya untuk kepentingan industri pelancongan. Sebahagian besar filem dalam kategori ini telah diterbitkan di Jepun oleh beberapa penerbit atau stesen televisyen swasta.

Biarpun filem-filem tersebut dihasilkan untuk tujuan yang berlainan namun hampir kesemuanya menumpukan fokus khusus terhadap satu kumpulan etnik, iaitu kaum Melayu. Dari segi politik, Melayu menjadi tumpuan automatis kerana wujud kesebulatan persepsi bahawa orang Melayu mendominasi arena ini di Malaysia. Dari segi komersil, budaya Melayu dianggap sebagai sesuatu yang asli pada Malaysia dan cukup *exotic*, justeru mempunyai nilai komersil yang tinggi dari segi potensinya untuk menawan hati bakal pelancong.

Yang paling menarik apabila menonton filem-filem ini ialah unsur-unsur yang telah dipilih untuk membentuk imej popular Melayu guna dihidangkan kepada para penonton. Terdapat tiga unsur utama yang pada persepsi produser filem-filem berkenaan yang benar-benar memparkan imej manusia dan budaya Melayu: beruk, gasing, dan wau. Kenapa unsur-unsur ini telah dipilih, bagaimana dipersembahkan, dan apa pula mesej terbuka serta tersirat untuk setiapnya, amat menarik sekali untuk direnung biarpun seimbas lalu.

Beruk muncul sebagai pelakon utama, biarpun bisu, kerana kebolehan istimewanya memanjang dan memetik kelapa. Ini mengagum-

kan ramai penonton di luar negeri dan dianggap sebagai sesuatu yang luar biasa. *Chimpanzee*, monyet, unga, dan orang utan, kesemuanya saudara sedarah beruk, hanya disaksikan jinak dan beraksi dalam pertunjukan sarkis selalunya ataupun di zoo.

Oleh itu, dari segi komersil, kemampuan orang Melayu menjinakkan dan memperguna beruk untuk suatu kegiatan ekonomi dianggap sebagai sesuatu yang *genius* lagi unik, menawan hati, dan mempunyai daya penarik (selling point) yang kuat kepada penonton yang belum pernah ke Malaysia. Dari segi politik pula, terutama kepada mereka 'pencinta haiwan', memperguna beruk dianggap sebagai suatu unsur yang membuktikan betapa 'malasnya' orang Melayu kerana sanggup kejam terhadap haiwan untuk kesenangan mereka. Mengapa tidak panjat dan petik kelapa sendiri? (Bagaimana tentang kedudukan kerbau, dan kuda, dan kaldai, dan ...?)

'Memberukkan' Melayu sedemikian rupa agak tidak enak dari satu segi. Tetapi dari segi lain telah memaparkan sesuatu yang khusus, yang istimewa, dan yang Melayu. Perspektif yang mana satu hendak dipilih oleh orang Melayu sebagai reaksi tidak penting dalam konteks ini kerana yang memilih beruk sebagai unsur untuk memaparkan imej Melayu adalah orang asing. Malah filem-filem ini tidak pernah sampai ke Malaysia pun.

Imej orang Melayu suka *relax* dan *enjoy* dilanjutkan pula kepada arena permainan gasing dan wau. Seolah-olah tiada kerja lain kecuali menyaksikan permainan gasing dan wau, berpuluhan Melayu (tua, muda, dan kanak-kanak) kelihatan heboh dan riuh rendah mengerumuni gelanggang. Ada yang duduk, yang berdiri, yang berbaring, yang menjalar atas rumput, yang berbaju, yang hanya berkain batik, yang berseluar pendek dengan semotar, dan dengan pelbagai lagi telatah. Kesemuanya terpapar jelas di kaca televisyen berwarna dan mengambil sebahagian besar masa yang diperuntuk untuk tayangan. Kemudiannya, untuk hanya beberapa saat, ditunjukkan juga cara gasing dan wau diperbuat sebagai suatu kegiatan semasa santai orang Melayu, bukan kegiatan kraftangan yang menguntungkan dari segi ekonomi.

Dari segi komersil, gambaran yang ingin disampaikan adalah tentang betapa arif, alim, dan khusyuknya orang Melayu tentang seni dan budayanya. "Inilah kumpulan manusia yang mestilah dikenal lebih dekat dan ditemui", seruan suara latar kepada para penonton yang masih belum memutuskan ke mana hendak bercuti di musim panas ini. Dari segi politik, episod seperti di atas menjemput komen yang lain pula nadanya. Si pengulas latar lebih menumpukan tentang faktor

pembaziran masa yang merugikan ekonomi orang Melayu jika terlalu banyak 'bergasing' dan 'berwau', betapa tidak ekonomiknya kegiatan membuat gasing dan wau serta masalah untuk memasarkannya, dan pada kesimpulan si pengulas 'inilah' (yakni terlalu sangat 'bergasing' dan 'berwau') faktor yang menyebabkan orang Melayu mundur.

Yang cukup menarik dalam keseluruhan pembentukan imej popular Melayu dengan menggunakan unsur beruk, gasing dan wau tadi adalah pertentangan motif antara filem yang bertujuan politik dan komersil. Ini selanjutnya mempengaruhi cara mempersembahkan unsur yang sama tetapi untuk tujuan yang bertentangan: yang satu memuji tetapi yang satu lagi mengkeji.

Perbuatan mencera Melayu, atau *Malay bashing*, di luar negeri memang merupakan suatu industri besar. Ramai orang Malaysia turut sama, sama ada sebagai pakar rujuk atau 'pelakon tambahan', semata-mata untuk wang dan juga menghilang 'geram etnik' masing-masing. Manusia seperti inilah yang telah menjadi penasihat kepada produser filem dokumentari bermotif politik tersebut.

Tidak kurang juga bilangan mereka yang mati-matian mempertahankan Malaysia. Sayangnya, kebanyakan daripada mereka ini melakukannya atas dasar taat membuta tuli. Apabila orang seperti ini menjadi penasihat kepada produser filem dokumentari komersil yang kita bincangkan tadi, persepsi mereka tentang orang Melayu dan budayanya juga kurang jelas. Tidaklah memerlukan jika mereka sefikiran dengan kumpulan yang bertentangan motif dengan mereka apabila memilih unsur-unsur penting untuk memaparkan imej popular Melayu di luar negeri.

Dewan Masyarakat, September 1989.

15

Mencerca Malaysia di Luar Negeri

Wujud perbezaan besar antara perbuatan mencerca dan mengkritik. Lazimnya perbuatan mengkritik tercetus daripada niat ingin memperbetul sesuatu yang tidak kena serentak digerakkan oleh suatu keinginan unggul. Terjelma malah daripada keadaan ini kritikan yang membina atau yang semata-mata bertujuan mengkritik (yang pula sering disalah anggap sebagai tidak membina). Setiap kritikan ini pula digarap dari pelbagai fakta serta maklumat untuk dibentangkan dalam bentuk hujah yang sistematis. Sama ada diterima atau ditolak, menjelaskan atau tidak imej pihak yang dikritik adalah soal kedua. Pada umumnya mengkritik adalah kegiatan intelektual dan riadah mental yang sungguh sihat lagi perlu digalakkan.

Di sebaliknya, mencerca dinafaskan oleh niat hitam dan didorong oleh keinginan buruk memfitnah, memusnah punah apa saja sasaran. Perbuatan ini dikategorikan sebagai salah satu strategi sekaligus senjata terpenting dalam arena 'perang mental', atau dalam istilah militer dikenal sebagai *psychological warfare*. Kempen memburuk-burukan minyak kelapa sawit dan segala bahan yang dicerna daripadanya, di Amerika Syarikat baru-baru ini, merupakan contoh yang cukup jelas tentang perbuatan mencerca.

Yang paling menggundahkan adalah apabila perbuatan mencerca ini dirancang secara sistematis dan disalutkan, kononnya, dengan fakta dan maklumat, lalu dibentangkan sebagai suatu kritikan. Ini bukan sahaja mengelirukan bahkan amat membahayakan, persis musang berbulu ayam. Sebahagian besar daripada kegiatan yang dianggap sebagai 'mengkritik' Malaysia, yang berlaku di luar negeri selama ini, sebenarnya adalah kegiatan mencerca Malaysia, atau *Malaysia bashing*. Kalau dihalusi lagi 'kritikan' ini kebanyakannya adalah cercaan

terhadap hanya satu kaum, iaitu kaum Melayu, atau *Malay bashing*. Maka di luar negeri 'hentam Malaysia' selalu disamakan dengan 'hentam Melayu'. Ini suatu fenomena yang menarik dari beberapa segi.

Ceraan ini meningkat tarafnya menjadi kritikan kerana sumbangan dan keterlibatan ahli akademik, tempatan maupun asing. Dalam konteks ini ahli akademik berperanan sebagai 'bomoh' yang mempunyai jampi berpuaka untuk menambah bisa ceraan dan menukar penjelamaannya kepada bentuk yang dianggap kritikan, biarpun ini palsu. Oleh kerana yang faktual dan yang rekaan disulam bagitu halus, maka sukar bagi kita kadang-kadang memisahkan yang mana satu kritikan dan yang mana pula ceraan.

Yang ironisnya ialah hampir kesemua usaha mencerca ini berpengkalan di Malaysia sendiri. Kegiatan ini bertambah rancaknya setelah Dasar Ekonomi Baru (DEB) dilaksanakan. Oleh kerana DEB terang-terangan mengutamakan kepentingan kaum Melayu, tidaklah memerlukan kalau usaha mencerca Malaysia ini akhirnya disasarkan kepada kaum Melayu. Puncanya adalah dari pemahaman yang simplistik tentang DEB dan penonjolan yang sengaja tentang aspek diskriminasi kaum yang tersirat dalam dasar ini. Perspektif sosial yang menghayati ceraan ini adalah perspektif kaum semata-mata. Dengan itu perbezaan sosioekonomi dalam sesuatu kaum langsung tidak diberi pertimbangan wajar. Dalam kata lain, DEB hanya dilihat dari segi kandungannya yang tertulis dan tidak dari segi pelaksanaannya.

Pada hal banyak sekali kajian terperinci telah dihasilkan oleh para sarjana tempatan yang telah meneliti secara mendalam tentang kesan-kesan yang tidak seimbang pelaksanaan DEB setakat ini terhadap kelas-kelas sosial dalam kaum Melayu sendiri. Kebanyakan hasil penelitian ini merupakan kritikan-kritikan yang konstruktif, biarpun tajam dan kurang menyenangkan kepada setengah-setengah pihak. Malah ada di antara kritikan ini telah disuarakan oleh beberapa pihak dalam parti pemerintah sendiri. Namun kesemuanya telah diterima, biarpun dengan penuh keengganan, oleh pemerintah. Sayangnya, mereka yang telah sengaja mencerca Malaysia mengetepikan fakta-fakta ini dan terus menonjolkan aspek 'perkauman' DEB untuk kepentingan sempit diri masing-masing.

Salah satu golongan yang telah dikesan dan begitu aktif dalam kegiatan mencerca ini adalah sekumpulan kecil rakyat Malaysia yang kaya yang telah mengambil keputusan untuk berhijrah, menetap, dan menjadi rakyat beberapa buah negara lain. Proses penapisan birokratis untuk membolehkan mereka diterima berhijrah cukup ketat. Oleh itu,

kumpulan kecil ini telah menjalankan kempen senyap-senyap mencerca Malaysia dan meletakkan diri mereka sebagai 'kumpulan kaum yang teraniaya' guna mendapatkan belasungkawa dari pihak pegawai kedutaan negara-negara berkenaan, yang berpejabat di Malaysia. Sedangkan mereka sebenarnya adalah dari kumpulan yang kaya lagi profesional dan telah berjaya meraih berbagai kemudahan dari negara kita, dan kini mahu pula memindahkan kekayaan itu ke negara lain. Oleh kerana ramai pegawai tadbir dari kedutaan negara-negara berkenaan jarang sekali berinteraksi dengan rakyat Malaysia, kecuali daripada kelompok tadi, maka mereka mudah sekali dipengaruhi dan terperangkap dalam 'perangkap samar' yang telah dipasang oleh sekumpulan kecil rakyat Malaysia tadi.

Kerap kali cercaan ini telah diterima sebagai 'maklumat sebenar' tentang keadaan sosial di Malaysia oleh para pegawai kedutaan tersebut langsung disebarluaskan di negara masing-masing, justeru dianggap sebagai 'fakta' atau 'kenyataan'. Dalam hal ini, pemerintah dan juga rakyat Malaysia yang lain tidak dapat berbuat apa-apa untuk membetulkan keadaan ini. Dari keadaan seperti inilah subur dan berkembangnya kegiatan mencerca Malaysia.

Banyak lagi contoh konkret yang lain tetapi sama tujuannya dengan contoh yang telah diuraikan di atas, yakni untuk mencerca Malaysia, yang boleh diberikan. Tetapi memadai satu ini untuk memberikan gambaran bagaimana usaha mencerca Malaysia itu berpunca dan bermula di Malaysia sendiri, lalu menjadi suatu industri yang besar di luar negeri, yang ternyata tidak dapat kita kawal. Sebahagian daripadanya terjelma dalam filem-filem dokumentari asing tentang Malaysia.

Dewan Masyarakat, Oktober 1989.

16

Menakluki Dunia dengan Yen

Pada abad lalu Britain merupakan kuasa imperialis dunia terbesar dan telah berjaya menakluki kawasan seluas hampir 200 kali ganda saiz negara itu sendiri. Kejayaan Britain berpunca daripada kekuatan militernya, khususnya, armada tentera lautnya yang cukup gagah dan telah pula dibiayai dengan kekayaan yang terkumpul dari revolusi industrianya yang berjaya. Kemudiannya, semenjak pertengahan abad ini Amerika Syarikat pula telah mengambil alih kedudukan itu. Amerika Syarikat juga telah menggunakan kekuatan tentera dan kuasa ekonominya serentak, di samping tipu helah politik yang halus.

Tetapi pada akhir abad ini Jepun telah muncul, dari keruntuhan ekonomi dan fizikal akibat kalah teruk di tangan Amerika Syarikat semasa Perang Dunia Kedua, sebagai kuasa imperialis terbaru. Kejayaan Jepun ini tidak berpunca daripada kekuatan tenteranya, tetapi semata-mata dari kekuatan ekonominya, terutamanya kuasa sakti yen Jepun, yang telah melambung tinggi nilainya semenjak 1985 lalu. Yang ironisnya, negara yang paling teruk merasakan penangan ekonomi Jepun ini ialah Amerika Syarikat sendiri, 'sahabat' akrab yang telah membimbang dan melindungi Jepun untuk merangkak dan berjalan kembali setelah parah kalah perang dulu. Bukan sahaja Amerika Syarikat yang telah mengeluh gundah bahkan beberapa negara lain di Eropah dan Australasia juga turut gusar tentang 'penaklukan ekonomi' oleh Jepun ini.

Di Australia, misalnya, keadaan ini telah menimbulkan reaksi ganas. Harta dan rumah beberapa orang-orang Asia telah di bakar punah di beberapa tempat, seperti yang terjadi di bandaraya Perth baru-baru ini, oleh pihak *ultra-right* berkulit putih yang merasa terancam oleh *the yellow peril*. Di Asia Tenggara, reaksi yang paling

keras pernah dimanifestasikan terhadap kemaraan ekonomi Jepun ini ialah pada 1974 di Indonesia, dalam peristiwa 'Malari', ketika Perdana Menteri Jepun, iaitu Tanaka pada waktu itu, melawat Indonesia.

Bentuk 'penaklukan' ekonomi terbaru Jepun di Amerika Syarikat, Eropah dan Australasia ialah dengan cara membeli harta yang cukup tinggi nilai wangnya, seperti tanah, kawasan perumahan, bangunan-bangunan besar, rangkaian hotel dan restoran, dan ladang-ladang ternakan. Sebahagian besar harta ini terletak di tengah-tengah kota raya besar dunia, seperti New York, Los Angeles, San Francisco, Hawaii, London, Paris, dan Brisbane. Pernah dilaporkan bahawa sebuah firma Jepun telah membeli semua kawasan perumahan di sekitar kilang firma tersebut di Hawaii untuk para pekerjanya, khususnya para pekerja Jepunnya.

Menurut laporan terakhir sebuah syarikat harta benda dan perumahan di Amerika Syarikat, Jepun dianggarkan kini memiliki tanah serta harta di seluruh dunia seluas hampir 25% daripada keluasan negara Jepun sendiri. Dari segi nilai wangnya pula, US\$5.6 bilion telah dilaburkan oleh Jepun membeli harta di Amerika Syarikat dan Kanada, US\$1.3 bilion di Australasia (Australia, dan New Zealand), dan US\$1.1 bilion di Eropah.

Perlaburan dalam tiga wilayah ini merupakan 94% daripada keseluruhan pelaburan Jepun, dalam bentuk tanah dan harta benda, di luar Jepun. Hanya 6% telah dilaburkan di negara Dunia Ketiga. Mengapa Dunia Ketiga tidak menjadi pilihan?

Negara Dunia Ketiga dianggap sebagai tempat 'tidak stabil' lagi 'bahaya' dari segi ekonomi dan politik. Dari segi ekonomi, kadar kemiskinan dan pengangguran masih tinggi, maka negara seperti ini hanya sesuai untuk firma Jepun membuka kilang guna mengambil manfaat dari harga buruh murah, dan firma Jepun senantiasa bersedia untuk keluar segera jika perlu. Dengan keadaan ekonomi yang sedemikian, konflik politik selalu berlaku dan kucar-kacir sosial mudah tercetus. Ini bukan sahaja dianggap boleh mengancam firma Jepun yang melabur di situ tetapi juga keselamatan peribadi para pekerja Jepun. Hanya kawasan 'selamat' seperti Singapura dan Thailand telah menjadi tumpuan para pelabur tanah dan harta dari Jepun.

Projek besar bentuk baru di kawasan-kawasan 'selamat' ini pula selalunya adalah berbentuk 'kawasan istirehat' untuk orang tua-tua Jepun. Ini adalah jenis 'eksport baru' Jepun ke Dunia Ketiga. Oleh kerana harta tanah, buruh, kepakaran dan pembinaan yang cukup tinggi di Jepun, untuk menyediakan kemudahan bagi orang-orang tua, yang

semakin meningkat bilangannya, maka Jepun telah mengalah pandangan ke Asia Tenggara, kawasan terhampir dengan Jepun. Projek terbaru berbentuk ini terdapat di Thailand.

Apakah pula implikasi ekonomi, politik, dan sosial dari 'penaklukan' bentuk baru oleh Jepun ini? Dari segi ekonomi, kehadiran Jepun di mana negara pun selalunya di alu-alukan oleh para pengusaha tempatan, malah pemerintah negara berkenaan. Kegiatan Jepun ini dianggap sebagai 'sihat' untuk ekonomi negara. Tetapi yang pasti hanya sebilangan kecil dari kelas pengusaha negara berkenaan yang meraih keuntungan ekonomi ini.

Dari segi politik pula, hampir semua kawasan yang 'ditakluki' Jepun kini telah pernah ditawan dan diperintah Jepun semasa Perang Dunia Kedua dulu. Biarpun sementara, parut dari kekejaman tentera Jepun ketika itu tetap menjadi trauma mental kepada banyak rakyat tempatan. Justeru kehadiran Jepun di negara mereka diterima dengan penuh syak wasangka dan keikhlasan Jepun diragukan.

Dari segi sosial, ada reaksi keras dan ganas, seperti di Australia, dan ada juga reaksi yang berbentuk protes terbuka, seperti di Amerika Syarikat dan Kanada. Kehadiran komuniti pekerja atau rakyat Jepun yang besar dalam mana-mana negara pun, selalu membawa bersamanya berbagai-bagai bentuk 'kemudahan santai' bercorak Jepun, seperti restoran Jepun, kelab eksklusif riadah Jepun, dan kelab malam dan minuman keras yang lengkap dengan Mamasan yang diimport dari Jepun. Ada pihak yang menuduh bahawa kehadiran Jepun ini, terutamanya di negara yang bermasyarakat majmuk, telah meningkatkan pergeseran antara kaum. Benar atau tidak ini masih belum terbuktikan. Tetapi, masakan pokok bergoyang tanpa angin bertuap!

Dewan Masyarakat, November 1989.

17

Malaysia yang Terus Membangun

Kalau kita menerima kenyataan bahawa Malaysia adalah sebuah negara yang sarat dengan pelbagai masalah, justeru oleh sebab itu tidak henti dihujani kritikan dari dalam dan luar negeri, kita juga harus menerima kenyataan bahawa Malaysia tetap terus membangun biar apa sekalipun dugaan yang menghambatnya. Apakah sebenarnya fakta-fakta yang telah membolehkan Malaysia terus membangun dalam suasana dunia, wilayah dan setempat yang penuh menguji? Soalan ini jarang sekali ingin kita tanyakan, apakah lagi menjawabnya. Sekali sekala soalan ini perlu dijawab dan keadaan sebenar dihuraikan, biarpun seimbang pandang. Amat cocok soalan ini dijawab sebelum kita melangkah ke tahun 1990, titik permulaan dekad terakhir abad ke-20 ini. Di samping itu melihat ke depan apakah alternatif yang terbuka untuk Malaysia di abad ke-21 nanti.

Dari segi ekologi, Malaysia cukup bertuah. Kita tidak pernah diancam oleh sebarang bencana alam besar yang memusnahkan. Banjir dan kemarau kita terlalu kecil jika dibandingkan dengan apa yang telah pernah melanda Bangladesh atau Ethiopia yang bukan sahaja telah memusnahkan ribuan juta ringgit harta benda bahkan juga telah meragut jutaan nyawa insan kerdiil yang tidak berdosa. Oleh sebab hidup kita di Malaysia relatifnya begitu aman dari segi ini kita lupa betapa beruntungnya kita, kerana negara terus maju tanpa diganggu-gugat dan terhindar dari berbelanja begitu besar mengatasinya bencana alam tersebut. Ini besar sekali manfaatnya pada ekonomi negara, khususnya dari segi *opportunity cost*. Tidak dinafikan bahawa kita pun ada masalah ekologi tetapi semuanya adalah buatan manusia, bukan akibat dari bencana alam semula jadi. Kita kini sedaya upaya berikhtiar mengatasinya dengan melaksanakan berbagai langkah jangka pendek dan panjang.

Dari segi ekonomi pula, kekuatan kita terletak dalam tiga bidang: pertanian, hasil bumi (termasuk minyak petroleum), dan perindustrian. Kebanyakan bahan yang terhasil dalam ketiga-tiga bidang ini, seperti getah, kelapa sawit, petroleum, dan timah adalah terkategori sebagai 'bahan strategis' dalam konteks ekonomi dan politik antarabangsa. Justeru pulangan daripada hasil pengeluaran bahan-bahan ini selalunya tinggi dan menjadi faktor pengimbang apabila ekonomi dunia meleset. Ini telah terbukti beberapa kali dalam tempoh dua dekad lalu apabila ekonomi kita telah kembali pulih jauh lebih pantas dari banyak negara di Dunia Ketiga setelah dilanda kemelesetan ekonomi dunia. Ini juga bergantung kepada kebijaksanaan perencanaan pembangunan kita. Disamping itu, kita juga mempunyai bilangan penduduk yang relatifnya kecil dan kadar pertumbuhannya pula cukup sederhana, justeru menjamin tidak menghakis dengan pantas sebarang lebihan ekonomi yang kita peroleh.

Kesan sosial kemajuan ekonomi yang kita nikmati selama ini memang tidak sama rata dari segi agihannya, kerana aturan sosial masyarakat kita yang juga tidak sama rata. Ketidaksamaan dalam aturan sosial ini telah tumbuh dan berakar pada zaman penjajahan lagi dan terus mekar sampailah kini. Pada zaman penjajahan juga berbagai bentuk pembahagian sosial yang belum pernah wujud sebelumnya telah tercipta berdasarkan bermacam faktor, seperti faktor etnik, kegiatan ekonomi, wilayah, sektor, agama, budaya, bahasa dan dialek. Seterusnya, keadaan ini pula telah mewujudkan pelbagai pertentangan dan ketegangan sosial, tetapi tanpa mencetuskan sebarang revolusi sosial besar yang menggemarkan, seperti yang pernah terjadi dalam sejarah Indonesia. Yang ketara dan kerap berlaku di Malaysia adalah cetusan 'riak-riak kecil' pergelutan sosial sehari-hari. Oleh sebab itulah, suasana dan hubungan sosial di Malaysia pernah diungkapkan sebagai suatu keadaan yang 'tegang tapi stabil', atau *stable tension*.

Dari segi politik pula, wujud dua gejala penting yang telah berjaya mengawal ketegangan ini dan menjamin kestabilan negara. Pertama, kewujudan suatu sistem politik yang terkawal terasas pada suatu struktur birokrasi yang kuat dan yang dikatakan berpayungkan 'demokrasi berparlimen', biarpun keseluruhan sistem ini berfungsi dalam suatu bentuk federalisme yang dianggap rapuh. Penjelmaan paling jelas kekuatan sistem politik terkawal ini terdapat dalam dua bidang penting: pertama, dalam bidang ekonomi yakni dalam bentuk institusi pembangunan berencana dengan rancangan pembangunan lima tahunnya; dan kedua, dalam bidang perundangan yakni melalui penguatkuasaan

bermacam bentuk undang-undang, lama dan baru. Memang tidak dapat dinafikan bahawa ada daripada undang-undang ini yang membataskan kebebasan rakyat serta menjejas hak asasi manusia secara umumnya.

Gejala kedua melibatkan tradisi tolak-ansur, atau *bargaining*, khususnya pada peringkat elit, yang telah wujud semenjak berakhirnya Perang Dunia Kedua lagi. Tradisi ini telah bermula dengan pembentukan perjanjian Persekutuan Tanah Melayu pada 1948, pembentukan Parti Perikatan yang memerintah, penggubalan perlombagaan serta pembentukan negara Malaysia yang merdeka, dan pembentukan serta pelaksanaan Dasar Ekonomi Baru (DEB) pada awal tahun 1970-an. Baru-baru ini tradisi ini berulang kembali apabila Majlis Perundingan Ekonomi Negara dibentuk untuk membicarakan masa depan DEB selepas 1990. Biar apapun kelemahan tradisi dan sistem *bargaining* ini, namun setakat ini merupakan satu-satunya proses membuat keputusan yang telah menjamin masa depan yang aman dan stabil di Malaysia. Dan inilah pun caranya yang *viable* dalam konteks sosial, politik, dan ekonomi dan juga sejarah Malaysia untuk mengekalkan keamanan dan masa depan yang terjamin stabil.

Banyak pihak menginginkan perubahan yang radikal terhadap sistem sosial di Malaysia kerana perubahan yang sedemikian didakwa akan membawa kesejahteraan sosial yang lebih baik untuk semua. Pastinya perubahan yang dimaksudkan bukan ke arah sistem politik yang diamalkan di Eropah Timur, yang kini terbukti menghadapi keruntuhan dan kehancuran. Agaknya, yang diimpikan ialah sistem sosial yang diamalkan di negara-negara Nordik (Sweden, Norway, Denmark, dan Finland). Apakah faktor historis dan struktural akan memungkinkan Malaysia berubah ke arah itu? Hanya sejarah dan waktu akan menentukan.

Dewan Masyarakat, Disember 1989.

18

Dekad 1990-an: Era Perombakan Sejarah Dunia

Gelombang besar yang telah menghempas di pantai sejarah Eropah pada tahun lalu jelas menjanjikan suatu perubahan yang besar untuk seluruh dunia dalam dekad 1990-an ini. Namun ramai di antara kita telah terlepas peluang mengikuti peristiwa besar lagi bersejarah tersebut, iaitu gempa politik yang terjadi di Eropah Timur yang telah mencetuskan suatu proses perombakan sejarah moden dunia yang sungguh mengejutkan dan di luar dugaan sama sekali, yang pasti terpahat abadi dalam sejarah abad ini.

Kita saksikan satu demi satu, seperti rebahnya sebaris kepingan domino, pucuk pimpinan komunis di negara-negara Eropah Timur tumbang akibat desakan dan ledakan emosi populis jutaan rakyat yang telah mengadakan perhimpunan dan tunjuk perasaan raksasa sepanjang tahun 1989. Gerakan ini meletus di Poland, melanda pula Hungary, menggegar Jerman Timur, mengejutkan Bulgaria, mendebarkan Rumania, dan akhir-akhirnya telah menggonggong Czechoslovakia. Keenam negara ini, melalui Perjanjian Warsaw, adalah benteng pelapek (*the iron curtain* atau tirai besi) memisahkan Rusia, di satu pihak, dan negara-negara Eropah Barat serta Amerika Syarikat, di pihak yang lain, yang masing-masing terikat pula dalam suatu pertubuhan bernama NATO.

Dua kelompok negara berkenaan, satu dikenal sebagai Blok Komunis dan satu lagi Blok Bukan Komunis, semenjak tahun 1945, telah terlibat dalam ‘Perang Dingin’. Simbol utama pemisah antara kedua blok ini tersergam hodo di bandaraya Berlin, yakni ‘Tembok Berlin’, yang mencipta sekaligus memisahkan Berlin Timur dan Berlin Barat. Justeru itu lahirlah ungkapan terkenal dalam politik antarabangsa, iaitu *East-West relations* (hubungan Timur-Barat), yang

membawa erti hubungan Eropah Timur (Blok Komunis) dan Eropah Barat (Blok Bukan Komunis).

Oleh yang demikian, tahun 1989 yang lalu akan diingati selamanya bukan sebagai tahun berubahnya wajah Eropah Timur tetapi sebagai tahun berakhirnya Eropah Timur setelah lebih 40 tahun wujud sebagai suatu gagasan dan gugusan politik yang dikenal sebagai Blok Komunis. Perkembangan ini benar-benar telah merombak sejarah dunia moden sekaligus meletakkan dekad 1990-an sebagai 'era perombakan sejarah dunia', juga sistem dunia.

Tokoh yang bertanggung jawab dalam mencetuskan perombakan ini adalah Mikhail Gorbachev, pemimpin karismatik Soviet. Ini bermula setelah beliau mengambil alih teraju pucuk pimpinan Rusia dari golongan pro-Stalin, semenjak awal 1980-an. Beliau pertama-tamanya telah memperkenalkan kepada dunia serta mempopularkan dua perkataan vernakular Soviet sekaligus dua dasar utamanya, yakni *glasnost*, atau terbuka, yang khususnya merujuk kepada dasar membuka Soviet kepada dunia luar, dan *perestroika*, atau perombakan, suatu dasar bertujuan menyusun semula ekonomi Soviet.

Melalui dua dasar utama ini telah Gorbachev menunjukkan kepada dunia bahawa beliau bukan pengikut buta Stalin, tokoh Soviet yang bertanggung jawab mencipta Blok Eropah Timur, demi kepentingan strategik dan keselamatan negara Soviet ketika itu, sebagai wilayah pelapek (*buffer zone*) antara dunia komunis dan bukan komunis. Ini dilaksanakan oleh Stalin melalui Perjanjian Warsaw. Justeru itu, langkah logikal selanjutnya bagi Gorbachev adalah untuk menggugurkan dasar strategik dan keselamatan Soviet yang telah diperkenalkan oleh Stalin dan mengisinya dengan suatu pengertian baru sesuai dengan kepentingan semasa Soviet serta cocok pula dengan dasar *glasnost* dan *perestroika* beliau.

Gorbachev mengisyiharkan bahawa cita-cita masa depannya adalah untuk membentuk suatu kerajaan Soviet yang hanya 'berpengaruh di Eropah' bukan suatu 'kuasa besar dunia' lagi. Berikutnya beliau menjanjikan pengurangan segala bentuk senjata yang selama ini ada dalam simpanan Soviet. Malah beliau telah mengundang pemerhati tentera dari Amerika Syarikat menyaksikan pemusnahan sebahagian daripada senjata berkenaan. Dalam masa yang sama suatu proses 'demokratisasi', khususnya melalui pilihan raya terbuka yang terkawal, telah diperkenal di Soviet. Suara-suara penentang rejim pusat Soviet kian lantang berkemundang di seluruh negara tanpa si penentang dilenyapkan ke Siberia. Kesemua ini merupakan perkembangan luar

dugaan, malah luar biasa, dalam sejarah Soviet.

Kelompok populis di Eropah Timur kemudiannya telah segera mengambil iktibar dari perkembangan dalaman di Soviet ini dan terus melancarkan 'pembebasan' negara masing-masing dari cengkaman pemerintahan rejim komunis tempatan, sekaligus dari Soviet, gergasi dunia komunis. Maka berakhirlah sudah kini riwayat blok komunis yang dikenal sebagai Eropah Timur. Dengan itu, 'Perang Dingin', 'Tirai Besi', dan 'Tembok Berlin' kini merupakan ungkapan dan saksi historis bisu yang hanya wujud untuk diteliti dan analisis oleh peminat sejarah Eropah khususnya dan sejarah dunia amnya.

Perombakan ini pastinya akan sekaligus mengubah percaturan politik dan susunan ekonomi dunia. Dalam bidang ekonomi, Jepun, misalnya, yang selama ini telah mempunyai hubungan perdagangan rapat dengan negara-negara Eropah Timur, dalam beberapa minggu kebelakangan ini, dikatakan telah mendahului negara-negara Eropah Barat dan Amerika Syarikat dalam usaha untuk membina kembali ekonomi negara-negara komunis tersebut dengan menggunakan yen berpuakanya. Apakah ini bermakna minat Jepun terhadap wilayah Asia-Pasifik akan berkurangan nanti? Dari segi politik pula, apakah negara-negara komunis di Asia, Afrika, dan Amerika Latin, akan mengikut jejak langkah negara-negara Eropah Timur? Tidakkah selama ini, seperti negara-negara Eropah Timur, negara-negara berkenaan juga adalah satelit dan telah sekian lamanya berpayung di bawah Soviet? Apakah perubahan ini juga bererti berakhirnya kekuatan Rusia, Jerman Timur, dan negara-negara Eropah Timur yang lain, yang terkenal dengan *human machine* masing-masing dalam dunia sukan sedunia? Banyak lagi soalan lain yang menunggu jawapan. Marilah kita sama-sama tunggu dan saksikan nanti apa yang akan berlaku dalam dekad yang baru saja kita dakap.

Dewan Masyarakat, Januari 1990.

19

‘Dasar Pandang Timur’ Setelah 10 Tahun

Semakin lama saya di Jepun semakin jelas kepada saya betapa tidak jelasnya pemahaman kita tentang Jepun; baik sejarah, budaya, masyarakat, mahupun politiknya. Apatah lagi tentang selok-belok perjalanan ekonomi serta perindustriannya yang ingin sangat kita tiru, melalui Dasar Pandang Timur (DPT), tetapi seringkali kita lihatnya terpisah dari kenyataan sebenar di Jepun. Cukup kulitan rupa-rupanya kita. Begitu jugalah pandangan sebilangan pemerhati berpengaruh Jepun tentang DPT Malaysia. Sayangnya pandangan mereka ini tidak pernah sampai ke pendengaran kita semua kerana pendukung DPT di Malaysia sendiri tidak pernah secara serius mahu mengikuti, menganalisis, dan menghebahkannya, biarpun pandangan ini pernah tersiar di akhbar, majalah, dan televisyen Jepun. Berikut akan disampaikan beberapa petikan daripada pandangan tersebut untuk renungan kita bersama.

DPT, dalam konteks masyarakat berbilang kaum di Malaysia, adalah dianggap sebagai suatu program yang mempunyai ‘agenda tersembunyinya’. Ini merupakan pandangan yang dominan di kalangan para pemerhati tersebut. Pada pengamatan mereka pimpinan Melayu yang menerajui negara Malaysia mahu mengelakkan keterlibatan langsung kumpulan etnik China dalam usaha mengangkat kedudukan ekonomi Melayu ke suatu tahap yang lebih baik. Nah, Jepun telah membuktikan bahawa mereka merupakan kaum yang jauh lebih terhadapan dalam bidang ekonomi dari China. Malah kaum Cina sendiri, sama ada di tanah besar China, Taiwan, atau Cina seberang laut, menyanjung dan menyegani pencapaian Jepun. Oleh demikian dengan memilih Jepun sebagai negara yang ingin dicontohi, pimpinan politik Melayu berkenaan telah mengelakkan pergantungan langsung

kepada kaum Cina (biarpun persepsi ini tidak sepenuhnya tepat) sekaligus memanfaatkan apa saja yang sempat dari hubungan yang lebih erat dengan Jepun. Dalam masa yang sama, pimpinan ini juga seolah-olah menyatakan kepada kaum Cina di Malaysia bahawa "ada lagi kaum yang lebih bijak bermiaga dari kamu, yang kamu juga harus belajar darinya". Lahirlah dari motif yang tersirat ini DPT, kata pemerhati Jepun berkennaan.

Menurut mereka lagi, dengan wujudnya matlamat tersurat dan tersirat yang berbeza yang mendukung DPT selama ini maka usaha memanfaatkan sepenuhnya pengalaman kejayaan Jepun cukup terbatas jadinya. Kerana keseluruhan usaha itu tidak bermula dari suatu pemahaman yang matang tentang sejarah ekonomi dan politik Jepun serta selok-belok rumit perjalanan masyarakatnya.

Contoh utama yang selalu ditimbulkan untuk menyokong pandangan ini berkait dengan konsep 'Persyarikatan Malaysia' (*Malaysia Incorporated*) yang dikatakan diamalkan di Malaysia, yang diilhamkan oleh konsep yang sama di Jepun. Para pemerhati DPT di Jepun mengatakan bahawa tiada usaha serta mekanisme yang jelas telah benar-benar dibentuk dan dilaksanakan ke arah, misalnya, mewujudkan hubungan serta kerjasama erat antara politikus, birokrat, ahli akademik, dan eksekutif swasta. Mobiliti mendatar antara keempat golongan ini di Jepun cukup lancar dan hubungan sesama mereka cukup harmonis.

Keadaan sebenarnya di Malaysia, sebahagian besarnya berpuncak dari faktor sejarah dan perlu dirombak kembali, bertentangan dengan keadaan di Jepun. Wujud hubungan antoganistik antara keempat golongan ini. Jelas, masing-masing mahu tunjuk pandai dan masing-masing pihak senantiasa mahu mendominasi pihak yang lain sehingga sanggup menggunakan (atau menyalahgunakan!) undang-undang untuk tujuan ini. Para politikus yang selalu mahu menang, dan memang pun selalunya menang, besar sekali kuasa dan pengaruh mereka. Oleh yang demikian, kerjasama antara keempat pihak ini hanya berlaku apabila si birokrat, akademik, dan eksekutif akhirnya masing-masing tunduk dan masuk arena politik. Tetapi ini bukan lagi kerjasama yang mencirikan *Japan Incorporated*, menurut para pemerhati Jepun tadi. Ini adalah dasar pecah perintah yang bertentangan dengan semangat korporat yang diidam-idamkan oleh Malaysia.

Suatu lagi perkara yang ditimbulkan adalah berkait dengan pengertian 'Penyelidikan dan Pembangunan' (*Research and Development /R&D/*) yang dihayati oleh Malaysia. Menurut para pemerhati yang sama, Jepun semenjak dua abad yang lalu telah memberikan pertim-

bangsa yang sama berat antara penyelidikan teknologikal dan ke-manusiaan (ekonomi, politik, kemasyarakatan, kesusasteraan dan sebagainya), sama ada di Jepun maupun di luar Jepun. Apa ertiinya melabur begitu besar dalam teknologi untuk menghasilkan barang yang tidak boleh dipasarkan ke seluruh dunia. Bagaimana harus diketahui siapa yang mampu membeli kalau tidak diketahui pola konsumsi manusia di seluruh dunia. Betapa akan diketahui pula pola konsumsi ini kalau tidak difahami budaya masyarakat-masyarakat dunia. Tidakkah sebahagian daripada sumber dasar pemahaman tentang budaya ini datangnya dari tradisi sastera sesebuah masyarakat? Kalau kita lihat agihan belanjawan negara untuk R&D (99% untuk sains dan teknologi dan 1% untuk sains sosial), persepsi R&D yang seimbang yang dimaksudkan memang tidak wujud di Malaysia.

Kegiatan Toyota, salah satu gergasi dalam bidang pembuatan automobil di Jepun, dengan Toyota Foundationnya telah dikemukakan oleh pemerhati tadi sebagai contoh. Lalu mereka menegaskan bahawa Jepun juga tidak membezakan antara sains teknologi dan sastera, misalnya. Kedua-duanya penting, dengan yang satu menjadi penggenap yang satu lagi. Ini yang belum dimanfaatkan oleh Malaysia dari Jepun, menurut pemerhati yang sama. Pengertian penyelidikan di Malaysia masih sempit dan terlalu dikongkong oleh definisi yang diberikan oleh politikus dan birokrat, yang sebenarnya tidak terlibat dalam sesuatu penyelidikan secara serius kecuali untuk keperluan kenaikan pangkat dan membaiaki kedudukan.

Banyak lagi konen dari para pemerhati DPT Malaysia di Jepun. Tetapi memadai beberapa contoh di atas untuk kita renungkan. Kalau pun kita tidak matang dan kurang berjaya dalam memanfaatkan sesuatu yang besar dari Jepun melalui DPT, setidak-tidaknya kita cukup berkemampuan dan matang merenung pandangan-pandangan ini dengan rasional lagi serius, tanpa mudah tersinggung.

Dewan Masyarakat, Februari 1990.

20

Jepun: Dulu Dicontohi, Kini Disangsi

Di ambang dekad 1980-an lalu telah terbit sebuah buku berjudul *Japan as Number One: Lessons for America* (1979) tulisan Ezra Vogel, seorang sosiologis terkenal Amerika Syarikat. Kandungannya menganalisis sekaligus memuja kehebatan prestasi serta pencapaian ekonomi Jepun ketika itu, sambil menyeru Amerika mencontohi Jepun. Memang pun pada masa itu seluruh dunia, terutamanya negara-negara maju Barat, mengagumi Jepun kerana kejayaan ekonominya yang dianggap luar biasa sehingga mampu menduduki tempat teratas, seiring dengan Amerika Syarikat, dalam susunan ekonomi antarabangsa.

Semenjak itu merebaklah wabak *Japamania* bukan sahaja di kalangan negara-negara Barat bahkan sampai juga ke negara-negara Dunia Ketiga, termasuk Malaysia. Segala yang Jepun, dari sistem pengurusan hingga ke makanannya, disanjung tinggi, menjadi pujian, dicontohi, dan diperkatakan tak henti-henti. Berduyunlah manusia dari seluruh dunia ke Jepun untuk mencari rahsia serta menangguk 'ilmu Jepun'. Ribuan 'pakar' dari Jepun telah pula ke luar negeri menyampaikan 'ajaran murni' tentang ekonomi dan budaya Jepun. 'Memahami Jepun' mekar sebagai sebuah industri besar bukan sahaja untuk ahli akademik bahkan untuk sesiapa saja yang boleh membuktikan bahawa beliau tahu serba sedikit tentang Jepun.

Mengambil kesempatan cemerlang ini, kerajaan bersama sektor swasta Jepun telah menggembangkan segala kekuatan kebendaan dan idea mereka ke arah membentuk suatu mitologi moden tentang 'keunikan' Jepun. Projek terbesar mereka untuk menrealisasikan cita-cita ini adalah sebuah Pusat Antarabangsa Pengajian Jepun yang kini terdiri di bandaraya Kyoto. Saranan untuk pelaksanaan projek ini telah dibuat oleh Nakasone, perdana menteri Jepun pada ketika itu.

Tugas terpenting pusat berkenaan adalah untuk menyaring segala 'nilai murni' masyarakat Jepun dan menghimpunkannya sebagai suatu susunan kod budaya baru dunia. Persediaan ini dianggap perlu kerana para intelek, elit politik dan ekonomi Jepun telah meramalkan bahawa peradaban Barat yang telah membawakan modenisasi ke seluruh dunia semenjak dua ratus tahun lalu akan pudar pengaruhnya di akhir abad ke 20 ini. 'Nilai murni' Jepun dijangka akan mengambil alih sebagai suatu sumber baru peradaban manusia sejagat, yakni untuk diikut dan dicontohi, pada dari abad ke-21 nanti.

Sepuluh tahun kemudian, di ambang dekad 1990-an, keasyikan Barat terhadap Jepun ini berubah sama sekali. Dulu disayang kini dibenci, dulu dicontohi kini diragui! Sebuah buku yang berjudul *The Enigma of Japanese Power: People and Politics in a Stateless Nation* (1989) tulisan Karl van Wolferen, seorang wartawan Belanda yang telah bermastautin di Jepun selama 25 tahun, menyimpulkan segala kesangsian terakhir Barat terhadap Jepun. Wolferen menghujahkan bahawa negara, masyarakat, dan politik Jepun tak ubah seperti *hydra*, tanpa tulang belakang, bentuknya. Katanya, tiada suatu pun kelompok sosial atau individu di Jepun yang dapat dipegang dan dirujuk oleh orang luar sebagai suatu kuasa pusat atau sumber kata-putus tentang sebarang hal berkait dengan hubungan Jepun dan orang luar. Keadaan ini dianggap oleh Wolferen sebagai suatu muslihat besar Jepun yang telah digunakan dengan penuh sukses sebagai strategi sekaligus pelapek sosiopolitik dalam hubungannya dengan Barat. Justeru itu, Barat terus bingung dan terpukau oleh Jepun. Ini amat membahayakan hubungan jangka panjang serta masa depan politik dan ekonomi antarabangsa, menurut Wolferen. Jelas bahawa pendapat beliau tentang Jepun cukup bertentangan sekali dengan pandangan Vogel, penulis buku *Japan as Number One* (1979) tadi. Apakah sebab sebenar di sebalik perubahan sikap ini?

Dari segi ekonomi, Barat merasa amat terancam dengan kegiatan agresif bank, badan kewangan, agen perumahan, dan jutawan Jepun dalam membeli saham, bangunan, harta, lukisan-lukisan pelukis klasik Eropah dan tanah di seluruh dunia, khususnya, di beberapa bandaraya utama Barat – London, Paris, New York, Frankfurt. Dengan lain perkataan, kalau dulunya Barat menakluki dunia dengan senjata dan wang, kini Jepun hanya perlukan wang kertas yen sebagai senjata.

Dari segi ideologi, Jepun terus 'menjual' imej mistiknya keseluruh dunia, yakni "Jepun adalah sebuah masyarakat dan budaya yang unik tanpa bandingannya di dunia", menurut sebuah pamphlet iklan sebuah

syarikat automobil Jepun. *Nihonjinron*, atau 'penteorian tentang keunikian Jepun', mendukung kegiatan membina mitos dan mistik sosial ini. Dari suasana inilah timbulnya rasa bongkak lagi perkauman di kalangan pimpinan Jepun, seperti yang terjelma dalam kata-kata Nakasone semasa menjadi perdana menteri. Beliau mendakwa bahawa IQ purata rakyat Jepun adalah lebih tinggi dari IQ rakyat Amerika Syarikat berkulit putih, dan jauh lebih tinggi dari IQ rakyat berkulit hitam Amerika. Ini telah menimbulkan keriuhan politik di Amerika tetapi tidak berapa di Jepun.

Dari segi politik kebangkitan hebat ekonomi Jepun dianggap sebagai prasyarat awal kepada kebangkitan semula cita-cita politiknya untuk menakluki dunia. Apakah lagi apabila akhir-akhir ini parlimen Jepun telah meluluskan peruntukan yang berlipat ganda untuk membesarkan Angkatan Pertahanan Jepun. Krisis antara Jepun dan Amerika Syarikat tentang hak Jepun membina pesawat pejuang FSX dan skandal super-komputer dijadikan contoh oleh Barat sebagai keghairahan Jepun untuk kembali berkuasa dalam susunan politik dunia.

Tetapi suatu hal yang menyebabkan Barat merasa amat terancam melihat kemaraan ekonomi Jepun dan terus meng sangsikan setiap langkah Jepun kini berpunca dari suatu faktor historis terpenting. Barat selama ini menganggap bahawa modeniti adalah monopoli peradabannya. Kemunculan Jepun sebagai pencabar serius dan penganjur suatu peradaban alternatif kepada modeniti Barat amat tidak disenangi sama sekali oleh Barat. Maka kempen anti-Jepun di Barat kini sebahagian besarnya berpunca dari persoalan pokok ini. Apakah pula punca keraguan negara Dunia Ketiga terhadap Jepun? Semata-mata ekonomi? Ini juga perlu dijawab.

Dewan Masyarakat, Mac 1990.

21

Muslihat di Sebalik Bantuan Asing Dunia

Dalam keseluruhan sejarah moden ekonomi dan politik sedunia, bantuan asing (*foreign aid*) merupakan suatu faktor terpenting yang telah merangkai negara-negara: sesama kawan, kawan dan lawan, yang kuat dan lemah, dan sesama yang lemah. Namun faktor ini sering terpinggir dalam kebanyakan analisis tentang hubungan antarabangsa dalam disiplin sains politik, kerana yang lebih dipentingkan kini adalah tema 'keselamatan dan strategik'.

Jikalau diteliti, kita akan segera sedar bahawa hegemoni ekonomi dan politik Amerika Syarikat selepas Perang Dunia Kedua sebenarnya telah bertapak lalu terus berakar umbi umpama parasit melalui suatu program bantuan asingnya yang cukup historis lagi terkenal, iaitu *Marshall Plan*. Bernilai hampir US\$13 bilion, bantuan tersebut telah diberikan, antara April 1948 dan Jun 1952, untuk membina kembali Eropah Barat yang telah punah dari segi ekonomi dan fizikal akibat perperangan. Semenjak itu termahkotalah kedudukan Amerika Syarikat sebagai 'raja' dunia kapitalisme, 'hero' dunia demokrasi, dan 'Rambo' dunia bukan-komunis.

Lalu kemudiannya 'Tirai Besi' yang memisahkan Eropah Barat (bukan komunis) dan Eropah Timur (komunis) menjadi kenyataan pahit sejarah yang selama hampir 50 tahun berikutnya telah mencorakkan pula pola hubungan politik antarabangsa dan juga ilmu sains politik dan bidang pengajian hubungan antarabangsanya. Kini tirai pemisah itu telah dibuka untuk selama-lamanya.

"Komunisme bukan lagi musuh kita" kata George Bush, presiden Amerika Syarikat, baru-baru ini. Perubahan besar politik di negara-negara Eropah Timur dan juga kerjasama baru antara Amerika Syarikat dan Soviet Rusia, disamping merubah struktur hubungan serta politik

antarabangsa, telah merombak sistem bantuan asing dunia dan aturan pengagihannya dengan radikal. Ini telah menimbulkan kebimbangan besar oleh berbagai pihak.

Sebelum pergolakan Eropah Timur menggegar politik dunia dan 'Tirai Besi' diruntuh pada akhir dekad 1980-an, sistem bantuan asing dunia pada umumnya terbahagi kepada dua, mengikut pola pembahagian politik dunia: satu yang bergerak aktif dalam blok komunis (berpusatkan Soviet Rusia) dan satu lagi dalam blok bukan komunis (dirajai oleh Amerika Syarikat). Fokus bantuan asing dalam kedua-dua blok ini adalah terhadap negara Dunia Ketiga, yang sebahagian besarnya tergolong dalam blok bukan komunis (seperti Peru, Sri Lanka, Filipina) dan sebilangan kecil dalam blok komunis (seperti Cuba, Angola, Vietnam, dan negara-negara Eropah Timur).

Bantuan asing tersebut menjelma dalam berbagai bentuk: bantuan kewangan percuma; pinjaman wang tanpa bunga; pinjaman wang berbunga kecil; pinjaman wang berbunga kecil dengan tempoh bayar balik yang lama; peralatan dan teknologi; bahan makanan; kemudahan kesihatan, perubatan dan ubat-ubatan; bantuan tenaga mahir dan kepakaran; berbagai bentuk bantuan langsung dan subsidi untuk pertanian, pendidikan dan bahan mentah; subsidi untuk bahan pertanian keluaran negara Dunia Ketiga; peralatan ketenteraan; dan banyak lagi yang lain.

Tujuan bantuan asing diberikan bukanlah didorong oleh rasa 'kasih sayang' atau belasungkawa terbit dari jiwa humanis. Malah tidak ada bantuan yang tidak dihayati oleh sifat "ada udang di sebalik batu", yakni diberikan untuk memenuhi kepentingan si pemberi. Malah inilah salah satu cara terpenting bagi Soviet Rusia dan Amerika Syarikat selama ini mengikat, dari segi ekonomi dan politik, negara-negara Dunia Ketiga dalam blok politik masing-masing. Hanya badan seperti Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB) atau *United Nations*, dan puluhan badan-badan kecil di dalamnya seperti UNESCO, yang telah menghulurkan kepada negara-negara yang memerlukan bantuan asing tanpa 'pilih bulu', komunis atau bukan komunis.

Terdapat juga badan-badan swasta dan filantropik yang terlibat dalam kegiatan memberikan bantuan asing ini, kebanyakannya berpusat di blok bukan komunis untuk negara-negara Dunia Ketiga dalam blok tersebut. Di antara badan-badan tersebut adalah Bank Dunia, Tabung Kewangan Antarabangsa (IMF), Kumpulan Palang Merah Sedunia, Oxfam, Band Aid (suatu kumpulan membasmikan kebuluran Afrika pimpinan penyanyi pop Bob Geldof yang lagu temanya "We are the

"world" menjadi siulan sedunia), dan ratusan yang lain yang kini hanya dikenal sebagai NGO (Non-Governmental Organization).

Dengan runtuhnya 'Tembok Berlin' dan tamatnya 'Perang Dingin', fokus pandangan negara kaya dari blok bukan komunis (seperti Amerika Syarikat, Jepun, dan negara-negara Eropah Barat) telah disentak lalu beralih ke Eropah Timur. Setiap negara tersebut telah berebut-rebut menghulurkan berbagai bentuk bantuan asing kepada negara-negara Eropah Timur. Masing-masing telah pun menjanjikan ribuan juta wang dan peralatan. Keghairahan ini ada tujuan jangka panjang ekonomi dan politiknya.

Pastinya perkembangan ini telah menimbulkan kegundahan besar di kalangan negara-negara Dunia Ketiga dalam blok komunis dan bukan komunis, di luar Eropah. Timbulah perdebatan di kalangan mereka sesama sendiri dan di antara beberapa badan dari negara kaya yang selama ini aktif memberi serta mengatur pengagihan bantuan asing ke seluruh dunia.

Ada yang menghujahkan bahawa kesukaran hidup dalam tahap peralihan di Eropah Timur kini adalah bersifat sementara. Biar seperti mana pun kehidupan mereka, pastinya jauh lebih perit lagi, umpannya, masalah kebuluran di Ethiopia dan Sudan. Namun demikian, bantuan asing dari negara-negara kaya dunia, khususnya dari Eropah Barat, akan mengalir lebih banyak ke Eropah Timur dari ke beberapa negara Dunia Ketiga yang benar-benar memerlukannya.

Ini telah menimbulkan tuduhan dari setengah pihak bahawa sistem bantuan asing dunia bukan hanya sudah dirombak dan aturan agihannya berubah sama sekali, malah tanpa disedari sudah pula diwarnai oleh etnosentrisme. Bagaimanakah dan apakah masa depan sistem bantuan asing ini nanti? Kita sama-sama menunggu dengan penuh debar perkembangan selanjutnya.

Dewan Masyarakat, April 1990.

22

Kebiasaan yang Sukar Diubah

Sama ada kita sedari atau tidak, sudah empat puluh lima tahun lamanya cita rasa kreatif dan hampir serba-serbi dalam perjalanan hidup kita telah dipukau dan dihambat halus oleh suatu dualisme sosial bergelar "komunis-bukan komunis". Kesannya yang paling nyata adalah dalam bidang politik antarabangsa. Tetapi rakyat terbanyak tidak merasakan denyut pergolakan hangat di bidang ini secara langsung.

'Kuman' berpuaka wabak dualisme sosial ini telah merebak dan menjangkiti seluruh dunia melalui berbagai bentuk budaya media. Bentuk terawalnya, lagi popular, adalah sebagai novel *spy thriller*, seperti yang mengalir tak henti daripada pena Ian Fleming tentang agen perisik 007 si James Bond. Dalam majalah *MAD*, sebuah majalah kartun dari Amerika Syarikat yang telah terkenal ke seluruh dunia, muncul pula siri *spy versus spy*.

Di kaca televisyen pula, siri seperti *Get Smart*, *Department S*, *The Saint*, dan puluhan yang lain menjadi habuan mata berjuta manusia di seluruh dunia yang perlahan-lahan telah pula ditawan oleh televisyen. Di layar perak pula, watak James Bond dari novel popular Ian Fleming telah dihidupkan, dan tidak mati-mati sampai kini. Karya yang lebih menarik dalam genre ini dan dianggap lebih serius lagi realistik plotnya telah dihasilkan oleh John le Carre, bekas pegawai perisik Inggeris. Novelnya *The Spy Who Came in from the Cold* (1965) telah difilemkan dan sebuah lagi, berjudul *Tinker Tailor Soldier Spy* (1974), telah dijadikan suatu mini-siri TV terbitan BBC. Novel serta produksi filemnya telah menerima sambutan hangat di seluruh dunia dan menerima berbagai anugerah penghargaan.

Terdapat ratusan, malah ribuan, versi vernakular bertemakan "komunis-bukan komunis" dalam bentuk *spy versus spy* dalam media

elektronik atau tulisan karya popular di seluruh dunia. Di Malaysia, versi lokal watak James Bond dikenal sebagai "Jefri Zain", di India "Ramesh" dan di Peru "Carlos".

Yang lebih signifikan, watak-watak ini akhirnya telah menjelma dalam pelbagai bentuk permainan kanak-kanak. Dalam bentuk ini, perbezaan antara yang "komunis dan bukan komunis" berubah menjadi "orang baik lawan orang jahat" yang masing-masingnya telah pula diberikan wajah tertentu dan dicat pula warna yang berbeza, seperti 'putih' orang baik, 'hitam' orang jahat.

Ringkasnya, selepas Perang Dunia Kedua hinggalah ke dekad lalu, sebahagian besar umat manusia di dunia, baik kanak-kanak maupun orang dewasa, telah diasuh dalam suatu kerangka imej mental yang kental dengan pengaruh dualisme sosial yang dinyatakan di atas, yakni "komunis-bukan komunis", tetapi terjelma dalam pelbagai bentuk pasangan idiom yang berlawanan. Setiap pasangan idiom tersebut, biarpun dalam apa saja bahasa atau bentuk pengucapannya, menyampaikan maksud yang sama: "komunis-jahat" dan "bukan komunis-baik". Penjelmaan konkritnya adalah dalam bentuk permainan kanak-kanak. Dualisme sosial ini telah kita semua terima sebagai suatu "kebiasaan", malah diangkat sebagai *common sense*.

Dengan tamatnya Perang Dingin, turunnya Tirai Besi dan runtuhnya Tembok Berlin, proses merombak apa yang telah dianggap sebagai 'kebiasaan' ini pastinya amat sukar untuk dilaksana. Kerana 'kebiasaan' ini sudah merupakan suatu komoditi hiburan yang tinggi nilai ekonominya sehingga mewujudkan suatu industri besar di negara kapitalis. Apatah lagi kini, komoditi ini cukup mudah 'dieksport' ke mana saja kini melalui satelit.

Dalam realiti dunia perisikan (intelligence) sebenar, tidak dapatlah hendak dibayangkan bagaimana perombakan imej "komunis-jahat, bukan komunis-baik" dapat dilakukan. Keseluruhan falsafah, teori dan praktis dalam dunia tersebut dihayatkan oleh imej berkenaan. Malah rasional kewujudannya pun adalah berdasarkan imej ini juga. Tidaklah menghairankan kalau politikus kita untuk sepuluh tahun yang akan datang masih lagi menjadikan 'komunis' sebagai kambing hitam untuk menutup segala kelemahan mereka, walaupun di Barat apabila semua ini berpunca telah berubah sama sekali keadaannya. Dari segi jangka panjang, keadaan seperti ini cukup mengancam kesejahteraan sosial rakyat terbanyak. Kalaupun berlaku sebarang perubahan dalam dunia perisikan, mungkin berita tentangnya akan lambat sampai ke telinga kita.

Sebenarnya buku teks tentang teori dan taktik perang gerila yang digunakan di kebanyakan sekolah latihan tentera di blok 'bukan komunis' selama ini juga terpaksa ditulis semula. Ini disebabkan setiap buku berkait dengan hal ini bermula dengan kenyataan bahawa "komunis adalah musuh utama kita". Ini dipahatkan ke benak setiap soldadu. Tidak dapat nak dibayangkan siapakah yang akan menjadi penulis buku teks baru tentang teori dan taktik perang gerila selepas ini kerana cabaran yang akan dihadapinya adalah cukup luar biasa.

Mungkin juga semuanya menantikan apa yang akan berlaku dalam alam ketenteraan di Amerika Syarikat dan Rusia, dan meniru saja kemudiannya. Ini juga agak membimbangkan kerana seolah-olah sebahagian besar rakyat di dunia ini tidak boleh berfikir dan semuanya menunggu apa saja yang akan disiapkan oleh kedua negara besar tadi.

Pastinya untuk mengikis pengaruh mendalam dualisme sosial ini merupakan agenda moral terbesar manusia pada dekad 1990-an ini serta pada tahun 2000 nanti. Soalnya apakah langkah-langkah praktik yang boleh diatur guna melaksanakannya. Memang sukar untuk mengubah 'kebiasaan'.

Dewan Masyarakat, Mei 1990.

23

Keamanan yang Menjanjikan Persengketaan

Dengan berakhirnya Perang Dingin dan kendurnya ketegangan hubungan Timur-Barat ramai di antara kita merasa bagitu lega kerana ancaman paling berbahaya terhadap manusia, yakni kemungkinan pecahnya perperangan nuklear, sudah tidak ada lagi. 'Rasa aman' ini paling dirasakan di Eropah.

Memang benar, ancaman perang nuklear inilah yang amat kita takuti, tetapi dengan berakhirnya ancaman terbesar ini tidak bererti seluruh dunia dengan serta-merta menjadi aman. Dunia tetap terus sarat dengan pelbagai bentuk konflik; besar dan kecil, lama dan baru. Ini paling ketara di negara-negara Dunia Ketiga.

Ironisnya, dengan berakhirnya Perang Dingin, yang bererti menurun serta longgarnya pengaruh kuasa-kuasa besar dunia, keadaan di beberapa wilayah yang berkonflik pada masa ini, terutamanya yang di luar Eropah, semakin berbahaya, kerana selama ini banyak negara yang berkonflik berpayung sambil berselindung di bawah salah satu kuasa besar dunia berkenaan, sama ada Rusia atau Amerika Syarikat (AS). Kini Rusia dan AS sudah berbaik-baik, maka negara-negara tersebut terpaksa menjaga untung nasib sendiri dalam menghadapi konflik sesama mereka.

Keadaan ini bertambah genting kerana para pengundi di negara-negara maju, seperti di AS, tidak lagi menghiraukan serta mendesak pemerintah masing-masing untuk menyelesaikan konflik di negara-negara Dunia Ketiga, yang bukan sahaja jauh di mata bahkan kian jauh lagi dari hati sanubari mereka kerana begitu asyiknya dengan 'rasa aman' yang baru saja dinikmati semenjak Perang Dingin berakhir pada 1989 lalu.

Terdapat tiga ciri utama yang menjadi punca persengketaan di

beberapa wilayah Dunia Ketiga, dulu dan sekarang, iaitu: (i) berkait dengan perbalahan tentang sempadan serta kedaulatan; (ii) bersabit dengan keruncingan hubungan etnik dan agama; dan (iii) berhubung dengan soal penentuan masa depan sesebuah unit sosiopolitik. Kadang-kadang ketiga-tiga ciri ini tergumpal satu lalu terjelma dalam suatu persengketaan sengit di sesebuah wilayah, seperti yang terjadi dalam konflik Arab-Israel di Timur Tengah.

Konflik Arab-Israel hampir sama umurnya dengan Perang Dingin, namun masih belum menunjukkan tanda-tanda akan berakhir. Jelas sekali bahawa konflik ini telah diresipikan serentak oleh tiga ciri yang tersebut di atas, yakni berkait dengan soal sempadan dan kedaulatan, etnik dan agama, serta masa depan *the Jewish state* dan *the Palestinian state*.

Untuk sekian lama konflik Arab-Israel menjadi punca debar-gunduh seluruh dunia kerana telah mengheret Rusia menyebelahi Arab sebab AS ternyata menjadi pembiaya terpenting perlanjutan negara Israel. Lalu bertambah teganglah hubungan antara dua gergasi politik dunia ini yang sememangnya telah bermusuhan semenjak tercetusnya Perang Dingin. Jika konfrontasi dua kuasa besar ini tergelincir dari landasannya, akibat dari konflik Arab-Israel, maka pecahnya perang nuklear tidak dapat dielakkan.

Kini kemungkinan ancaman bahanaya ini terjadi telah terhindar setelah Perang Dingin tamat, tetapi telah pula segera diganti dengan suatu ancaman baru. Kemungkinan perang nuklear pada masa depan bermula di Jerusalem atau Baghdad, dan tidak lagi di Washington atau Moscow, sangat kuat sekali kerana masing-masing negara kini terpaksa berhadapan sendirian tanpa sokongan jelas dari AS atau Rusia. Kalau tidak perang nuklear, perang kimia yang sama jahanamnya pula akan tercetus kerana Israel dan Iraq mempunyai kilang gas uratsaraf dan senjata kimia masing-masing.

Di wilayah lain konfliknya mungkin tidak sebesar di Timur Tengah, namun punca berlakunya konflik berkenaan amat rapat kaitannya dengan Perang Dingin, yang sendirinya telah berakhir. Apa yang berlaku di Afghanistan sehingga kini adalah satu contoh jelas. Pengaruh AS dan Rusia tidak dapat meredakan perjuangan berdarah antara pihak kanan dan pihak kiri di Angola (Afrika), di Nicaragua dan El Salvador (Amerika Tengah), di Peru (Amerika Selatan), dan di Kampuchea (Asia Tenggara).

Di India, Pakistan, dan Sri Lanka berbunuh-bunuhan atas nama agama dan kumpulan etnik berterusan hingga ke saat ini. Malah India

KEAMANAN YANG MENJANJIKAN PERSENGKETAAN

dan Pakistan, dua negara yang sudah hampir empat puluh tahun berkasih dan bermusuh, nyaris-nyaris pula berperang kerana pertikaian sempadan dan kedaulatan negeri Kashmir. Seperti dua ekor kucing kelaparan, Korea Utara dan Korea Selatan sering juga bercakaran, biarpun di depan tentera AS yang menjadi 'pendamai' kononnya.

Tetapi konflik yang tertua di dunia, yang berpunca dari soal perbezaan etnik dan telah berlanjutan hampir dua ribu tahun yang kini menjelma pula dalam bentuk perbezaan serta persengketaan dalam dari segi ideologi, adalah pertikaian antara Cina dan Vietnam; kedua-duanya pengikut teguh ajaran Marx dan Lenin. Nah, begitu mendalam sekali akar umbi pertikaian di Kampuchea!

Konflik etnik antara kaum Cina (Seberang laut) dan bukan Cina, juga merupakan masalah besar di dalam dan di antara beberapa buah negara ASEAN, biarpun agak tersembunyi namun tetap dirasakan bahangnya.

Kesimpulannya, 'rasa aman' di Eropah yang mengakibatkan masing-masing negara di sana leka dengan hal sendiri telah banyak menimbulkan kesan baru yang tidak dijangka serta membuka luka lama yang cukup membimbangkan di kalangan negara-negara Dunia Ketiga. Tetapi kita telah diingatkan oleh pepatah, "air yang tenang jangan disangka tiada buaya"!

Dewan Masyarakat, Jun 1990.

24

Pembaca Berbahasa Melayu Santapan Mental Terabai

Semenjak Dasar Pelajaran Kebangsaan terlaksana lebih dari 20 tahun lalu bilangan rakyat Malaysia yang mampu membaca dengan baik bahan bertulis dalam bahasa Melayu telah meningkat berlipat ganda dari sebelumnya. Oleh itu tidaklah memerlukan jika kemudian bahan yang berbahasa Melayu, dalam pelbagai bentuk dan rupa, juga telah membanjiri pasaran; buku komik, novel serius, karya porno, dan sebagainya. Perkembangan ini cukup memberangsangkan kerana apa yang kita impikan sudah menjadi kenyataan.

Kepada mereka yang semata-mata mementingkan kepentingan ekonomi, perkembangan bisnes menghasilkan bahan bertulis dalam bahasa Melayu ini dianggap suatu rahmat besar. Sebelumnya permintaan dan pasaran bisnes ini agak kecil lagi terpecah-pecah mengikut saiz pembaca bahasa vernakular di negara kita. Dengan itu, jualan akhbar yang berbahasa Melayu yang dulunya dikategorikan sebagai harian vernakular, seperti *Utusan Malaysia* dan *Berita Harian*, kini telah berjaya menandingi akhbar *The New Straits Times* dan *The Star* dari segi angka jualan.

Tetapi kepada pencinta bahasa Melayu, pencapaian ekonomi akhbar-akhbar berbahasa Melayu tersebut tidak menjanjikan sesuatu yang bernas lagi intelektual akan terdapat dalam kandungan akhbar-akhbar tersebut. Malah mereka berpendapat bahawa keadaannya sungguh meleset sekali. Kesemua akhbar yang berbahasa Melayu, harian atau mingguan, jarang-jarang benar mampu membekalkan santapan mental yang berfaedah untuk pembaca, terutamanya akhbar-akhbar harian terbesar negara ini.

Contoh yang paling ketara adalah dalam penyaluran serta pengolahan maklumat di bidang hal-hal luar negeri semasa. Bandingkan

apa yang disogokkan kepada pembaca berbahasa Inggeris dengan apa yang pula dihidangkan untuk pembaca berbahasa Melayu. Ini mudah sekali dilaksanakan. Beli saja senaskah akhbar harian berbahasa Inggeris dan senaskah berbahasa Melayu untuk tanggal dan hari yang sama. Nah, buktinya jelas!

Selalunya berita atau maklumat tentang apa yang terjadi di luar negeri disampaikan bukan sekadar dalam bentuk berita malah kerap kali lengkap pula dengan analisis yang cukup menarik, biarpun bahan ini merupakan sesuatu yang *syndicated*. Acap kali juga sarjana tempatan menyumbangkan analisis masing-masing tentang pelbagai hal-ehwal dunia yang ada kena-mengena dengan Malaysia secara langsung atau tidak.

Mengapakah para pembaca berbahasa Melayu hanya layak dihidangkan bahan yang diterjemahkan? Kalau tidak terjemahan, sebagai alternatif, mereka dihidangkan sebuah rencana yang sebenarnya merupakan suatu susunan maklumat tentang apa yang bergolak di seluruh dunia. Adakah para pembaca berbahasa Melayu dianggap tidak berkemampuan memahami analisis kompleks?

Apakah akhbar berkenaan tidak mempunyai wartawan yang mampu menyumbangkan analisis yang bernas tentang proses politik di luar negeri dan serentak menguasai bahasa Melayu dengan baik lagi gramatis untuk tulisannya mudah difahami oleh pembaca dari semua lapisan rakyat Malaysia? Atau, adakah wujud suatu konspirasi hitam untuk terus membobrokkan kualiti bahan bacaan berbahasa Melayu dengan menidakkannya analisis bernas disampaikan dalam bahasa Melayu?

(Baru-baru ini diperbincangkan hangat tentang ‘kelemahan’ siswazah lulusan universiti tempatan yang tidak *articulate* dan *intellectual*, yang secara tidak langsung mempersoalkan kemampuan bahasa Melayu. Nampaknya akhbar-akhbar yang menyiarkan berita tentang hal ini merupakan salah satu pihak yang bertanggung jawab menyumbang ke arah berlanjutnya ‘kelemahan’ ini!)

Tentunya ramai sarjana tempatan yang boleh diundang menulis dan menganalisis relevannya sesuatu peristiwa penting dunia bagi Malaysia, sama ada untuk masa kini atau masa depan. Apa yang diperlukan sekarang adalah tindakan segera untuk akhbar tempatan mengambil inisiatif mengenal pasti, mengatur serta menyediakan sekumpulan para sarjana tempatan yang berpotensi untuk melaksanakan tanggung jawab ini. Seperti para wartawan, ada juga di antara sarjana kita yang masih tidak mampu menulis dalam bahasa Melayu dengan baik. Melalui kesempatan ini, secara tidak langsung, mereka akan memperoleh

didikan serta pengalaman untuk meningkatkan penguasaan mereka dalam aspek ini, satu-satunya kemahiran yang semestinya mereka punyai dalam bidang sains sosial dan kemanusiaan.

Berdasarkan keadaan sekarang, jelas bahawa pertimbangan-pertimbangan ini telah diabaikan oleh pucuk pimpinan akhbar-akhbar harian berbahasa Melayu, mungkin akibat godaan nombor hasil jualan dan keuntungan ekonomi semata-mata. Atau, mungkin juga mereka sendiri sedang menghadapi 'krisis kualiti' dan terus terperangkap dalam putaran ganas *mediocrity* yang mencirikan kelas elit kita sekarang. Atau, boleh jadi juga daya intelektual mereka sudah tumpul (sila teliti persembahan serta isi kolumn dan rencana yang mereka tulis akhir-akhir ini) kerana tekanan serta hambatan politik 'mati ayam, mati tungau' yang mewarnai keras proses politik negara semasa.

Tidak dapat dinafikan bahawa para pembaca berbahasa Melayu di seluruh negara amat dahagakan santapan mental yang lebih bermutu dan menarik dari akhbar-akhbar harian serta mingguan kita. Tidak jadi masalah kalau kandungan hiburan lebih banyak dari berita lain semata-mata untuk memenuhi keperluan pemasaran, asalkan berita lain disampaikan dengan lebih serius dan dikupas dengan lebih bernalas.

Dewan Masyarakat, Julai 1990.

25

Pengundi Oh Pengundi!

Hampir semua peniaga menganggap setiap pelanggan sebagai seorang 'raja' yang perlu diberi layanan sepenuhnya agar pelanggan tersebut kekal bersama mereka. Apakah para pengundi juga dianggap sebagai 'raja' oleh para pemimpin parti politik Malaysia?

Dari segi teori sepatutnya bagitulah tetapi berdasarkan perkembangan politik mutakhir Malaysia keadaannya adalah kebalikan; yang 'raja' adalah para pemimpin parti politik, sama ada dari parti pemerintah atau pembangkang. Para pengundi hanya bertaraf 'hulubalang' atau 'juak-juak istana' yang darjah kematangan politik dan berpolitik mereka dianggap masih rendah. Hanya segelintir kecil pemimpin yang telah memberikan hormat yang sewajarnya kepada para pengundi kita.

Oleh itu tidak menghairankanlah jika kebanyakan para pemimpin parti politik berkenaan berasa puas hati kerana telah selesai dengan tugas serta tanggung jawab politik masing-masing dengan cara melemparkan berbagai tuduhan melulu dan meratib ungkapan-ungkapan stereotaip tentang para pengundi persis insan yang dirasuk hysteria.

Ada yang mengatakan pengundi kita "tamak dan terlalu mengutamakan kepentingan diri sendiri". Ada juga yang menganggap pengundi "ketinggalan zaman, tidak memandang jauh ke depan". Sebagiannya menuduh pengundi "berat sebelah, tidak mengenang jasa, dan tidak setia". Jarang sekali kita mendengar pemimpin yang mengatakan bahawa pengundi adalah manusia yang "berakal, matang, bertanggung jawab, dan berintegriti".

Mengapakah para pengundi kita terus 'diserang' oleh para pemimpin parti politik yang hidup-mati mereka sendiri adalah ditangan pengundi? Keangkuhan ini sungguh mengaibkan tetapi bukan sesuatu yang luar biasa. Keadaan ini sebenarnya lebih memaparkan kekurangan

yang ada pada diri para pemimpin berkenaan dari para pengundi keseluruhananya.

Yang paling ketara, para pemimpin tersebut telah mendedahkan kepada umum betapa lemahnya pengetahuan mereka tentang sejarah politik pilihanraya negara ini. Misalnya, kalau mereka teliti pola pengundian serta keputusan pilihanraya di Kelantan semenjak 1959 mereka akan terpegun melihat kebijaksanaan para pengundi, yang ternyata jauh lebih bijak daripada pemimpin yang terbijak sekali ketika itu.

Terdapat beberapa kawasan pilihanraya, parlimen dan negeri, di Kelantan yang dianggap sebagai kubu PAS. Tetapi PAS hanya berjaya meraih banyak kerusi Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) dalam kawasan parlimen tertentu. Kerusi parlimen kawasan yang sama telah dimenangi oleh calon Perikatan atau Barisan Nasional (BN). Mengapa sedemikian keadaannya?

Berdasarkan maklumat daripada pengundi setempat, yang diperolehi melalui suatu penyelidikan yang dilaksanakan tidak berapa lama dahulu, mereka membuat pilihan secara sedar untuk mengundi calon PAS untuk ADUN dan calon Perikatan/BN sebagai Ahli Parlimen.

Pada peringkat negeri mereka hendak menegakkan kerajaan PAS di Kelantan sebagai alternatif kepada kerajaan Perikatan/BN. Pada peringkat parlimen dan kerajaan persekutuan mereka perlu mempunyai saluran langsung melalui Ahli Parlimen Perikatan/BN setempat yang sebenarnya adalah menteri-menteri kabinet dari Kelantan. Dengan cara ini para pengundi berkenaan berpendapat bahawa kepentingan mereka pada peringkat negeri dan pusat dibela. Bukankah ini suatu perhitungan yang cukup bijak? Apakah lagi yang terlibat itu adalah 'orang kampung' yang dianggap 'ketinggalan zaman' oleh ramai pemimpin kita.

Banyak lagi contoh lain yang boleh dikemukakan untuk membuktikan kebijaksanaan pengundi kita, terutamanya dari kawasan bandar yang melibatkan para pengundi dari golongan kelas menengah yang terpelajar. Sayang sekali kemampuan biro atau pasukan 'penyelidik dan perisik' politik kebanyakan parti politik Malaysia kini cukup terhad. Biarpun berjuta wang telah dibelanjakan untuk tujuan penyelidikan politik ini, namun hasilnya terbukti cukup meleset. Ini ternyata dalam ucapan dan sikap pemimpin parti masing-masing dalam menanggap kedudukan serta kebolehan para pengundi kita.

Kadang-kadang para pemimpin berkenaan lupa bahawa kebanyakan mereka juga berasal dari desa. Oleh sebab mereka lebih

bernasib baik, keluarga mereka lebih berkemampuan dari segi material, dan ada pula patron berpangkat besar menolong dalam melicinkan proses menaiki tangga mobiliti ke atas maka mereka telah berpeluang memperoleh kelulusan tinggi, mendapat kerja baik dan lalu masuk politik.

Jika mereka renung kembali prestasi serta pencapaian akademik mereka semasa sekolah rendah dahulu, jarang sekali para pemimpin ini benar-benar menduduki tempat 'nombor satu' dalam darjah masing-masing. Mungkin sering menduduki nombor sepuluh ke atas. Ertinya, ramai lagi ternan mereka yang lebih pandai, tetapi tidak mampu melanjutkan pelajaran hingga ke sekolah tinggi atau universiti, kini bermastautin di desa dan kota. Terdamparnya mereka di desa tanpa kelulusan tinggi tidak mengurangkan potensi kecendikiawanan mereka, apatah lagi untuk berfikir dengan matang, terutamanya dari segi politik. Mereka semuanya adalah pengundi. Apakah orang seperti ini yang dianggap tidak boleh berfikir dan berpolitik?

Siapa sebenarnya yang tidak bijak dalam hal ini?

Dewan Masyarakat, Ogos 1990.

26

Memantapkan Pengajian Siswazah

Musim pesta menuai di universiti-universiti tempatan baru saja selesai. Pada Ogos lalu (seperti setiap Ogos pada setiap tahun) satu demi satu majlis konvokesyen berlangsung dari utara hingga ke selatan Semenanjung. Melalui ucapan-ucapan rasmi yang disampaikan dalam majlis-majlis tersebut, bergemalah seruan-seruan lantang menagih sesuatu yang lebih canggih, pada masa-masa yang akan datang, dari komuniti akademik tempatan untuk santapan intelektual sekaligus pembentukan manusia Malaysia.

Kebiasaannya seruan-seruan seperti ini lebih merupakan retorik dan kadangkala tidak lebih daripada rangkaian beberapa *cliche* yang tidak didukung oleh sesuatu visi intelektual yang jelas atau komitmen keilmuan yang serius. Para apologis kampus mendakwa bahawa teks ucapan-ucapan tersebut telah disediakan oleh pegawai-pegawai tadbir universiti-universiti berkenaan tanpa mengambil kira serta menerapkan pandangan ahli akademik yang lain. Ini tidak memerlukan kerana sebahagian besar daripada anggota pucuk pimpinan universiti di negara kita ini hanya berupaya memberikan kepimpinan birokrat, biarpun pencapaian dan prestasi mereka dalam segi ini masih lagi jauh daripada memuaskan.

Ketandusan bakat kepimpinan akademik ini jelas terjelma apabila soal berkait dengan pengajian siswazah (post-graduate studies) ditimbukan, sama ada di universiti atau di pusat-pusat pengajian tinggi lain seperti ITM. Apa yang diberatkan dalam soal ini adalah hal-hal tadbir berkait dengan kemasukan calon siswazah, tenaga pengajar yang terlatih lagi berkualiti, bilangan calon-calon yang telah mendaftar dan lulus, dan beberapa isu tadbir remeh yang lainnya.

Memang tidak dapat dinafikan bahawa perkara-perkara yang

tersebut tadi penting dalam menjayakan program pengajian siswazah. Tetapi hidup-matinya, bermutu-tidaknya, terkenal-tidaknya nanti sesebuah program pengajian siswazah itu banyak bergantung kepada besar-kecilnya dan kaya-miskinnya kepustakaan bahan rujukan ilmiah yang terhimpun dalam perpustakaan masing-masing.

Ringkasnya untuk menjayakan sesebuah program *post-graduate studies* langkah terawal yang mesti diambil adalah untuk membina suatu *post-graduate library* (perpustakaan siswazah) yang cukup mantap. Kecuali Universiti Malaya (itu pun bahannya sudah banyak *dated* akibat hambatan-hambatan belanjawan), tiada sebuah pun pusat pengajian tinggi di Malaysia hari ini yang benar-benar mempunyai suatu perpustakaan siswazah. Menyimpan satu atau dua koleksi khusus belum boleh mengangkat sesebuah perpustakaan ke taraf perpustakaan siswazah.

Rata-rata kesemua perpustakaan institut-institut pengajian tinggi kita hanya bertaraf *undergraduate library*, atau perpustakaan sarjana muda, yang kebanyakannya cukup sederhana kandungannya. Keadaannya setiapnya masih boleh diperbaiki.

Tetapi masing-masing perpustakaan pun masih menghadapi pelbagai masalah, terutamanya, pengurangan peruntukan membeli buku, jurnal, dan banyak bahan lain. Usaha ke arah mengkomputerkan perpustakaan tersebut juga amat perlahan, seperti perjalanan sang semut.

Ada juga universiti tempatan yang langsung tidak memikirkan serta membuat peruntukan bagi meningkatkan kemahiran serta mengemas-kinikan pengetahuan para pustakawan mereka melalui pelbagai program *in-service training*. Atas rasional tadbir semata-mata, pucuk pimpinan di universiti berkenaan telah menyamakan kedudukan para pustakawan dengan pegawai tadbir universiti yang lain kerana masing-masing terikat dalam skel gaji yang sama. Persepsi ini cukup cetek lagi simplistik dan boleh dijadikan bukti wujudnya ketandusan kepemimpinan akademik yang dimaksudkan tadi.

Nah, kalau ini sudah berlaku dalam konteks pembinaan perpustakaan sarjana muda, tidak terbayang oleh kita apa pula yang telah dihadapi oleh usaha mengasaskan sesebuah perpustakaan siswazah yang betul-betul memanfaatkan. Apalah ertiinya melaung-laungkan perihal pentingnya penyelidikan sedangkan kemudahan asas untuk menjayakan usaha ini tidak terurus?

Salah satu sebab mengapa kita berbelanja berjuta-juta ringgit menghantar tenaga pengajar akademik kita ke luar negeri untuk

melanjutkan pengajian mereka ke paras yang lebih tinggi adalah kerana kita bukan sahaja tidak mampu menyediakan sarjana serta pakar yang terlatih dalam bidang berkenaan malah kita tidak mempunyai perpus-takaan siswazah yang boleh menampung keperluan ini.

Sekarang kita sudah punyai banyak tenaga akademik yang terlatih untuk melaksanakan program siswazah. Bagaimana pula dengan program membina perpustakaan siswazah, atau meningkatkan yang ada sekarang ke taraf perpustakaan siswazah? Sudah terlaksana dengan memuaskan? Nampaknya belum. Inilah yang patut dilaksanakan segera. Kalau tidak segala laungan itu akan tinggal laungan.

Kini kerajaan telah bersedia memperuntukkan beratus juta ringgit untuk R&D negara ini. Oleh kerana wang ini hanya diperuntukkan untuk penyelidikan maka kemungkinan wang ini digunakan untuk menyumbang berfaedah ke arah memperkuuh atau membina perpus-takaan siswazah tidaklah boleh diharapkan. Nah, dihambat lagi oleh rasional tadbir yang tak rasional!

Sampai bilakah seruan-seruan retorik ini akan berterusan? Bila pula buniyi seruan ini akan menjadi seruan benar lagi berisi? Universiti di bawah naungan Kementerian Pendidikan, peruntukan R&D di bawah Kementerian Sains dan Teknologi? Apakah dan bilakah "wilayah-wilayah kuasa tadbir" ini akan diruntuhkan dinding-dinding pemisahnya demi kebaikan sebenar untuk semua?

Tembok Berlin pun sudah lama runtuh!

Dewan Masyarakat, September 1990.

27

Politik Adalah Hak Semua dan Untuk Semua

"Kalau benar-benar hendak memperjuangkan hak rakyat, janganlah menjerit-jerit di luar pagar sambil mengkritik kerajaan. Kalau benar-benar berani masuklah politik dan bertanding dalam pilihanraya."

Laungan dan cabaran seperti ini sering kedengaran, terutamanya apabila musim pilihanraya hampir menjelang. Kadang-kadang apabila keadaan bagitu gelap, menekan, dan *frust* bagi seseorang ahli politik, terhambur juga kenyataan itu dari mulutnya, biarpun tidak pada musim pilihanraya.

Tetapi kenyataan seperti ini jarang sekali mahu dijawab oleh sesiapa pun. Mengapa perlu dijawab, kata setengah pengkritik sosial di Malaysia, kerana kenyataan seperti ini bukan terbit dari suatu pemikiran yang mendalam dan selalunya dilaungkan oleh ahli politik yang buta ilmu, miskin budaya tetapi kaya ego. Walau bagaimana pun elok juga kenyataan ini kita komen, setidak-tidaknya sebagai persediaan mental sebelum pilihanraya yang akan berlangsung tidak lama lagi.

Seperti yang kita maklum, politik kepartian, yang berhubung-kait pula dengan pilihan raya, hanya merupakan salah satu bidang dalam keseluruhan pengertian istilah politik. Tetapi tidak dapat kita nafikan bahawa bidang inilah yang paling menonjol kerana sifatnya yang memang terbuka pada umum. Oleh sebab bidang tersebut menerima lebih publisiti, malah berlebihan, maka peri pentingnya bidang ini sering digembar-gemburkan. Justeru tokoh-tokohnya pun sering dianggap sebagai *celebrity*.

Sebenarnya politik dan berpolitik memangnya hak semua dan untuk semua. Malah tiada siapa pula yang boleh menentukan siapa yang berhak dan tidak berhak untuk terlibat dalam arena politik. Begitu sekali terbukanya sifat politik itu. Seperti juga bidang pendidikan.

Bukan guru sekolah yang bertauliah sahaja yang boleh menjadi pendidik. Pendidik sebenarnya sudah ada dalam semua masyarakat di dunia sebelum sekolah wujud sebagai suatu institusi sosial yang formal.

Dalam sejarah peradaban Kepulauan Melayu amnya dan di Malaysia khususnya, parti politik dan politik kepartian adalah sesuatu yang cukup baru, malah terlalu baru, dan tidak sampai setengah abad pun umurnya. Pengenalan ini di negara ini bukanlah atas cetusan keinginan rakyat setempat. Di sebaliknya telah muncul dalam suasana kemelut politik apabila kepentingan ekonomi pihak penjajah British bagitu terancam.

Maka pengenalan sistem politik berparti dan pilihanraya di Malaysia, di samping penguasaan perintah Darurat (1948-60), adalah sangat rapat kaitannya dengan usaha penjajah melindungi kepentingan ekonomi mereka melalui kaedah politik. Dengan cara sedemikian sajalah, dan atas nama memperkenalkan demokrasi, British dapat mengelakkan segala harta kekayaan kepunyaannya dari dihakmilik-negarakran, seperti nasib harta benda Belanda di Indonesia.

Hanya kira-kira sepuluh tahun setelah parti politik diperkenalkan di Malaysia, yakni pada 1955, barulah pemerintah kolonial British membenarkan pilihanraya umum yang pertama di seluruh negara dilangsungkan. Pada ketika itu hampir 60% rakyat Malaysia masih buta huruf. Media massa elektronik masih lagi sesuatu yang diimpikan dalam dunia penyebaran am.

'Wakil rakyat' adalah benar-benar wakil rakyat ketika itu. Berbekalan semangat yang berkobar-kobar, bermodalkan air liur, lidah dan gigi, merayaulah mereka ke merata tempat berbasikal, berperahu, dan berjalan kaki. Untuk apa? Mencari sokongan tulen dari rakyat terbanyak yang masih buta tentang konsep parti politik. Sokongan dan penglibatan rakyat terbanyak inilah yang akhirnya menegakkan kemerdekaan.

Suara sumbang, suara membangkang, apatah lagi suara menyokong, semuanya didengar dan diterima oleh kerajaan membayangkan darjah toleransi politik ketika itu cukup tinggi. Ahli-ahli politiknya pula, biarpun tidak berpendidikan tinggi seperti kebanyakan ahli-ahli politik sekarang, mereka cukup matang dan terbuka dalam cara mereka berpolitik.

Tetapi dengan pemusatkan kuasa pemerintahan dalam tangan suatu parti, biarpun dalam bentuk persyarikatan politik, tidak boleh tidak keadaan ini telah menimbulkan beberapa kesan negatif terhadap cara kita menanggap politik kepartian dan proses politik keseluruhannya di

POLITIK ADALAH HAK SEMUA DAN UNTUK SEMUA

Malaysia. Salah satu dari kesan yang dimaksudkan berkait dengan stereotaip-stereotaip berikut: bahawa "politik adalah kepunyaan ahli politik sahaja", "masuk parti politik kalau hendak berpolitik", atau "bertandinglah dalam pilihanraya kalau benar-benar ingin berpolitik". Selalunya stereotaip ini agak daif punca intelektualnya, malah kadang-kadang keanak-anakan bunyinya.

Perdebatan terbuka antara parti-parti politik di Malaysia, sama ada di radio, televisyen, atau akhbar masih belum lagi menjadi suatu tradisi dalam politik kepartian demokrasi-ala-Malaysia. Ini juga boleh dijadikan ukuran kematangan ahli politik kita. Hanya sekali, iaitu pada akhir 1960-an di dewan orang ramai Bangunan MARA Kuala Lumpur, perdebatan terbuka seperti yang dimaksudkan telah berlangsung.

Walau bagaimanapun, perdebatan seperti ini dielakkan selama ini mungkin kerana hanya seorang dua sahaja ahli politik kita yang betul-betul berkemampuan berdebat sebegini, sama ada dari parti pemerintah atau pembangkang. Selainnya hanya mampu menyampaikan atau membaca ucapan yang lazimnya ditulis oleh orang lain atau kadang-kadang pandai berpidato berapi-berasap (banyak asap dari apinya). Kegiatan ini merupakan suatu dialog berbentuk sehala. Ternyata mereka belum mampu berdialog dua hala secara terbuka.

Dalam keadaan ini tidaklah memerlukan bahawa ada lagi ahli politik kita yang menganggap politik itu adalah hak mutlak mereka.

Dewan Masyarakat, Oktober 1990.

28

Debar Seorang Wakil Rakyat: Sebuah Komentar

Yang menang bersorak, yang kalah termenung, yang hilang wang pertaruhan langsung bingung. Begitulah gara-gara suasana selepas pilihanraya umum yang baru saja berlangsung hampir dua minggu lalu (21 Oktober 1990). Nampaknya semua pihak, baik yang menang atau pun yang kalah, masih belum aman di jiwa.

Kepada yang kalah satu tahap perjalanannya sudah berakhir dan masa depan masih kelabu. Jika ingin terus juga berpolitik, perlu cari jalan serta peluang baru. Mungkin perlu masuk parti baru nama lama atau parti lama nama baru. Ternyata pilihan tersebut bukan suatu pilihan sebenar kerana antara kedua-duanya tidak banyak perbezaan, seperti Coca-Cola dan Pepsi-Cola.

Kepada yang menang pula satu tahap perjalanannya juga telah selesai, tetapi dengan meraih kejayaan. Kini melangkahlah beliau ke tahap selanjutnya untuk menyambung perjalanannya, setidak-tidaknya untuk lima tahun yang akan datang. Tetapi perjalanan berikutnya ini cukup mendebar, terutamanya untuk mereka dalam parti yang memerintah kerana terpaksa memenuhi jangkaan harapan rakyat yang amat tinggi.

Oleh itu, kepada golongan baru ini, tahap berikutnya cukup menguji kerana tiada lagi pesta-pestaan seperti semasa kempen. Segala 'teman' yang sama-sama buat bising ketika kempen sudah mengundur diri kenyang setelah menerima habuan masing-masing.

Tercegat keseoranganlah si 'wakil rakyat' baru. Terpinga-pinga, terpandang-pandang, tertanya-tanya, teraba-raba, macam orang serba salah. Jantung hatinya berdegup debar ketika itu. Dalam suasana inilah sebarang arahan dari atas dilihat seperti suatu rahmat yang menyelamatkan keadaan; sering diterima tanpa banyak soal biarpun dulunya beliau

terkenal garang lagi kritis terhadap pucuk pimpinan parti.

Tetapi beliau juga sedar betapa beratnya tanggungjawab yang harus dipikulnya. Malah dia juga tahu, walau tidak diucapkan, bahawa kemampuannya pun ada batasannya. Kekurangannya ini cukup merisaukannya, apakah lagi kalau orang lain dapat tahu, terutamanya musuh dalam selimut.

Macam-macam hal perlu diperhitungkan, dari yang sekecil-kecilnya hingga ke yang sebesar-besarnya. Ini menagih segala kekuatan kudratnya, lahiriah dan batiniah. Macam-macam bakat dan kepandaian perlu dipamerkan, benar atau palsu itu soal lain.

Pertama-tamanya, beliau mesti mempamerkan segala ciri sahsianya yang luar biasa. Kalau ciri-ciri ini tiada padanya beliau harus menciptanya dengan bantuan agensi *public relations* swasta, kalau ini gagal mesti cari bomoh. Usaha ini bertujuan untuk menunjukkan yang beliau adalah seorang tokoh yang serba boleh, serba tahu, serba guna, serba berguna, sanggup tanggung serba-serbi perbelanjaan, bersedia melayan semua, dan "semua hal boleh diurus".

Keduanya, beliau harus cukup sabar dan mudah mengorak senyum biar sepahit mana pengalaman dan cabaran. Berbekal tangkal besar, berbalut kain kuning, pastinya akan menjamin beliau jadi kebal dan tak lut oleh segala bentuk tikaman dari belakang. Malah beliau juga akan terlindung dari segala 'permainan berbisa', sama ada racun dan santau, yang kalau termakan akan menjadi ulam cuma tanpa apa-apa kesan parah ke atas dirinya. Persediaan ini mesti dirahsiakan daripada rakyat kerana tidak saintifik dan tahuyl, tetapi sangat-sangat diperlukannya untuk *survival*.

Ketiganya, beliau juga mesti pandai buat ucapan kerana akan terpaksa berucap setiap hari, kadang-kadang dua tiga kali sehari. Atau, setidak-tidaknya pandai baca ucapan yang dikarang oleh penulisan upahan yang dibayar amat lumayan. Beliau tidak ada masa untuk menulis, biarpun dulunya dia adalah seorang penulis prolifik, khususnya berbentuk surat layang. Apakah lagi untuk membaca buku kerana kesuntukan masa, biarpun dulunya dia pernah mempengaruhi suatu jawatankuasa kempen membaca pada peringkat daerah.

Tetapi ada satu hal yang masih merisaukannya. Ini berkait dengan kemenangannya yang agak tipis dalam pilihanraya baru ini, hanya kira-kira 1 000 undi sahaja majoritinya, dan memperoleh kira-kira 40 peratus daripada keseluruhan undi yang dibuang semasa hari pengundian. Ertinya, 60 peratus pengundi di kawasannya adalah bukan penyokong, mengikut definisi pucuk pimpinan partinya.

Apakah beliau akan hanya menumpukan perhatian kepada yang 40 peratus yang 'taat setia' kepadanya, atau kepada semua pengundi dalam kawasannya? Kalau ikut arahan hanya kepada yang 40 peratus, kalau ikut hati tanggung jawabnya adalah kepada semua. Ini merupakan dilemanya terbesar. Mungkin dia mahu ikut contoh Lee Lam Thye, tetapi harus dilakukan diam-diam untuk mengelakkan dari disalah faham.

Ada satu lagi hal yang cukup mendebarkannya dan dia menunggu penentuannya dengan penuh gundah. Apakah dia akan hanya jadi wakil rakyat biasa? Hutangnya sekeliling pinggang, elaun wakil rakyat biasa tak seberapa. Ini soal keperluan asas. Kestabilan ekonominya akan terjejas jika beliau hanya menjadi wakil rakyat biasa. Masih terpaksa berkempen keras biarpun pilihanraya sudah selesai, tetapi kali ini jauh lebih berat kerana melibatkan pucuk pimpinan parti.

Soal memperjuangkan hak rakyat, membawakan pembangunan kepada mereka, menyelesaikan isu jalan raya, kemudahan elektrik dan paip air, dan menunaikan segala janji-manis semasa berkempen dulu masih belum lagi terlintas dalam kepalanya. Kadang-kadang terfikir tetapi segera tenggelam oleh soal-soal yang lebih asas pada dirinya, soal *survival* politiknya. 'Wakil diri' dulu, kemudian baru 'wakil rakyat'. katanya.

Dewan Masyarakat, November 1990.

29

Konflik Etnik: Isu Sosial Utama Abad ke-21

Pentas politik dunia dalam 50 tahun terakhir ini macet dengan sandiwara bertemakan 'komunisme lawan kapitalisme'. Tema-tema lain, biarpun sepenting mana, terus ditenggelami oleh keghairahan ini. Anehnya, dunia telah seja-sekata dalam hal berkenaan.

Tetapi semenjak berlakunya perubahan sejarah di Eropah Timur dalam dua tahun kebelakangan ini segala-galanya seolah-olah juga turut berubah. Tema 'komunisme lawan kapitalisme' pun telah kian kurang mendapat perhatian kecuali di Asia kerana China, Korea Utara, dan Vietnam masih bertahan sebagai negara sosialis.

Belum pun hilang gema runtuhnya Tembok Berlin, politik dunia tiba-tiba telah didatangi oleh suatu gegaran puaka dalam bentuk Saddam Hussein yang telah memberikan seluruh negara Barat, khususnya Amerika Syarikat dan kuncu-kuncunya, suatu modal politik baru yang cukup mereka perlukan lagi hargai. Kalau mengikut pandangan media massa, Saddam Hussein lebih hodoh daripada Breznev nam-paknya, biarpun ini merupakan suatu rekaan palsu semata-mata.

Tetapi suatu masalah sosial yang sebenarnya telah membarahi banyak masyarakat dunia untuk sekian lama dan kini kembali menon-jolkan kehodohnya di khalayak dunia, khususnya di Eropah sendiri, adalah berbentuk konflik etnik.

Biarpun masalah ini berlaku di mana-mana pada saat ini, tetapi tidak pernah dianggap sebagai suatu masalah yang bertaraf global kerana sifatnya yang cukup kewilayahannya lagi sempit. Lagipun konflik ini tidak pernah menjelma sebagai suatu bentuk gerakan sosial sedunia yang sepadu sifatnya dan boleh dilihat sebagai berbahaya, seperti gerakan kebangkitan Islam pernah dilabel.

Ringkasnya, konflik etnik bukan hanya berlaku di Afrika Selatan,

Sri Lanka, Fiji, India, dan beberapa negara majmuk ciptaan kolonialisme. Masalah ini sekarang sudah begitu parah di Eropah, sama ada di Perancis, Jerman, Soviet Rusia, England, dan Semenanjung Iberia.

Sabtu hari berita tersiar di halaman akhbar melaporkan tentang perkelahian terbuka malah pembunuhan yang berpuncak dari persengketaan etnik di Eropah. Di negara-negara yang dulunya dikenal sebagai negara Eropah Timur, terdapat berpuluhan ribu pekerja kontrak dari Asia Tenggara (orang Vietnam, Kampuchea, dan Cina) yang kini dihalau balik tetapi mereka enggan dan masih bertahan sehingga menimbulkan rusuhan, misalnya yang berlaku di Jerman Timur baru-baru ini.

Lebih hampir dengan kita, yakni di Jepun, rusuhan antara orang-orang Korea, yakni rakyat kelas dua Jepun, dengan pemerintah Jepun telah terjadi baru-baru ini di Osaka. Oleh sebab sifat *racist* yang mendalam, ramai orang Jepun, khususnya para pemimpin, telah membuat kenyataan terbuka tentang pandangan rendah lagi hina mereka terhadap orang negro kulit hitam, sama ada yang di AS atau di mana sekalipun. Tabiat tak sihat Jepun ini telah menimbulkan banyak protes di seluruh dunia.

Di Kanada, orang keturunan Indian Mohawk juga telah menuntut supaya hak asasi mereka jangan dicabut lagi oleh pemerintah dan para pengusaha atas kepentingan sempit seperti pembinaan padang golf. Isu Quebec menuntut kemerdekaan dari Kanada tetap berlanjutan hingga sekarang. Kemungkinan masalah ini selesai belum jelas kelihatan.

Masalah kedudukan politik dan ekonomi orang Cina seberang Laut di Asia Tenggara tetap merupakan suatu isu yang masih membara dan terjelma dalam pelbagai arena politik senyap dan terbuka di negara-negara ASEAN.

Menyedari akan perkembangan serius inilah pemerintah Jepun, misalnya, telah memperuntukan berpuluhan juta dolar AS untuk sarjana mereka menjalankan penyelidikan di seluruh dunia berkait dengan isu konflik etnik. Sayangnya mereka tidak memperuntukan wang sebanyak itu kepada sarjana mereka yang ingin meneliti hal yang sama dalam negara Jepun sendiri, yang ternyata berlaku di banyak tempat.

EEC (European Economic Community), Oktober 1990 lalu, baru saja membentang serta membahas suatu laporan berkait dengan isu ketegangan dan konflik etnik di Eropah Barat masa kini dan prospek masa depannya. Ramalan masa depan laporan ini yang cukup menarik: konflik etnik akan semakin tajam di Eropah dan akan melibatkan

berlakunya pertumpahan darah di kebanyakan kawasan miskin dan susah di beberapa bandar raya di Eropah. Langkah konkrit ke arah menyelesaikan masalah ini masih belum difikirkan semasaki-masaknya.

Bagaimanakah dunia akan menghadapi masalah konflik etnik ini, yang serentak lokal dan global sifatnya. Ternyata belum ada satu pertemuan di kalangan negara-negara di dunia untuk membincangkan masalah ini, sedangkan konflik ini kian membakar hangus suasana harmonis di banyak negara di dunia kini. Apakah Malaysia, sebagai sebuah negara yang pernah dianggap sebagai bersifat *stable tension* suasana politiknya akan mengepalai usaha ini?

Mungkin dalam hal ini dunia boleh banyak belajar dari Malaysia. Kan Malaysia jaguh perjuangan anti-apartheid? Janganlah hendaknya Malaysia akan terus ghairah dengan soal hubungan Selatan-Selatan semata-mata.

Dewan Masyarakat, Disember 1990.

30

Jepun yang Gentarkan Kritikan

Rasanya tiada satu pun sistem politik dan kepimpinan di dunia ini yang suka dianalisis dan dikupas kegiatannya, apatah lagi dengan cara terbuka lagi kritis. Malah ramai di antara mereka merasa begitu terancam terhadap riadah analitikal seperti ini dan menganggapnya sebagai sesuatu yang subversif.

Timbulnya sikap serta pandangan yang sedemikian tidak menghairankan langsung kerana setiap rejim politik yang wujud, sama ada pada masa lepas atau masa kini, pernah menggunakan fiksyen dan mitos sebagai salah satu alat untuk menggasas, membina, dan mengekal pengaruh serta kuasanya. Maksudnya setiap rejim tersebut pernah 'mengelirukan' rakyat dalam pelbagai hal demi tujuan politik 'murni' masing-masing.

Dengan itu, sebarang analisis yang sistematis dan kritis tentang rejim berkenaan bukan hanya akan mononjolkan hal-hal yang baik tentangnya bahkan juga memperihal sekaligus mendedahkan segala 'jerawat dan bisul' politiknya, terutamanya yang berbentuk fiksyen dan mitos tadi. Inilah yang sangat ditakuti, apatah lagi kalau pendedahan ini global sifatnya.

Jepun pada masa sekarang terperangkap dalam keadaan ini. Maka adalah sesuatu yang cukup menarik untuk kita perhatikan, biarpun sepantas lalu, bagaimana Jepun menghadapi dilema tersebut.

Keadaan yang dialami oleh Jepun ini tak ubah seperti memerhatikan seorang ahli gusti sumo, yang ternyata besar badannya tetapi lembab, yang baru saja dilantik sebagai seorang anggota polis dan kemudiannya disuruh pula mengejar seorang pencuri.

Lihat sahaja reaksi Jepun apabila berlakunya krisis Teluk baru-baru ini. Biarpun Jepun dianggap sebagai gergasi ekonomi yang cukup

disegani kekuatannya namun dalam konteks politik antarabangsa sedunia Jepun bertindak seperti seorang pemimpin yang enggan (*the reluctant leader*). Terlalu sukar nampaknya bagi Jepun membuat sebarang komitmen politik seperti yang diharapkan oleh Amerika Syarikat dan negara-negara bonekanya yang lain. Ini telah memeranjang serta mengecewakan banyak negara.

Dalam bidang ekonomi Jepun memangnya suatu kuasa yang terkenal hebatnya di dunia sekarang. Namun hubungan ekonominya dengan Amerika Syarikat belum lagi terurus. Ketegangan hubungan ekonomi Jepun-Amerika Syarikat ini selanjutnya menjadikan keharmonian aturan ekonomi antarabangsa, umumnya, dan kepentingan ekonomi negara-negara di rantau Pasifik yang banyak bergantung hidup pada Jepun dan Amerika Syarikat, khususnya.

Akibat daripada pergolakan keseluruhan inilah Jepun kini menjadi sasaran komentar, analisis, dan juga kritikan keras oleh penulis dan para analisis asing. Umpamanya, terdapat tiga buah buku penting yang berhasil setahun dua lalu yang dianggap oleh beberapa pihak yang berpengaruh di Jepun sebagai agresif dan 'menghentam Jepun' (*Japan bashing*), yakni tulisan-tulisan Clyde Prestowitz, *Trading Places* [1988] dan James Fallows, *More Like Us* [1989], kedua-duanya dari Amerika Syarikat, dan buku oleh Karel van Wolferen, *The Enigma of Japanese Power* [1989], seorang wartawan Belanda yang telah bermastautin di Jepun selama lebih dari 25 tahun.

Sebenarnya tulisan-tulisan ini telah mengupas kejayaan ekonomi Jepun melalui suatu penelitian terperinci tentang aturan ekonomi politik dalamannya. Fokus analisis tulisan berkenaan adalah terhadap hubungan istimewa yang telah wujud antara badan-badan dalam kerajaan, sektor industri, dan pertubuhan sosial di Jepun yang telah berjaya mencipta suatu suasana yang cukup subur untuk suatu pencapaian prestasi ekonomi yang optima. Pendekatan ini dianggap sebagai *Japan bashing* di Jepun kerana ketepatan kupasan yang diberikan sehingga menerobos serta sekaligus menelanjangi banyak muslihat dan peraturan politik kuasa Jepun.

Ternyata pendekatan yang telah digunakan oleh Prestowitz, Fallows, dan Karel van Wolferen berbeza sekali dengan ratusan tulisan lain yang telah dihasilkan selama ini untuk menghuraikan tentang sukses Jepun. Kebanyakan tulisan berkenaan hanya mendewa-dewakan kejayaan Jepun dengan mengajukan hujah bersifat *Nihonjin-ron* ("orang Jepun yang istimewa"), seperti yang terdapat dalam stereotaip budaya yang mendakwa bahawa "budaya Jepun itu unik", "bangsa Jepun itu

teristimewa", "otak Jepun berbeza daripada otak orang lain", dan sebagainya.

Kebanyakan stereotaip seperti ini merupakan mitos dan fiksyen yang telah direka oleh penulis konservatif dan oleh mereka yang hampir sejiwa dengan golongan *ultra-right* yang pernah menganjurkan dengan jayanya ideologi "keistimewaan Jepun dan sistem Maharajanya" sebelum Perang Dunia Kedua, yakni pada tahun-tahun 1920-an dan 1930-an di Jepun. Peranan birokrat Jepun, khususnya di Kementerian Luar dan beberapa kementerian lain, semenjak dekad 1970-an, dalam menyebarkan dengan aktif stereotaip budaya berkenaan, khususnya melalui penerbitan yang diedarkan di seluruh dunia dengan percuma, juga perlu diambil kira.

Tiba-tiba, pada dekad 1990-an ini, kehebatan Jepun dipersoalkan, 'keunikian' budayanya telah luntur dilanda pendedahan, dan imej manusia Jepun yang sabar dan senantiasa tunduk hormat juga turut tercabar.

Persis seorang ahli gusti sumo, Jepun kelihatan besar dan gagah, tetapi boyak, lembab, dan kecil sekali hatinya, malah cukup gentar akan kritikan. Seperti seekor siput, dalam konteks ini Jepun terpaksa berundur dan berlindung dalam kulitnya yang nampaknya keras tetapi sebenarnya rapuh.

Dewan Masyarakat, Januari 1991.

31

Budaya Kerja Jepun yang Diimpikan

Semenjak Dr. Mahathir Mohamed menyebut, dalam ucapannya di Perhimpunan Agung UMNO Oktober 1990 lalu, tentang perihal pentingnya kita mengamalkan budaya kerja Jepun untuk menjamin masa depan usaha perindustrian kita, ungkapan "budaya kerja Jepun" telah kembali disebut-sebut dengan acapkali.

Tetapi ternyata kebanyakan mereka yang melafazkan ungkapan ini, termasuk menteri, pegawai tinggi kerajaan, dan pemimpin universiti, hanya mengulang apa yang telah dikatakan oleh Dr. Mahathir tanpa mengetahui apa yang sebenarnya dimaksudkan oleh Dr. Mahathir, atau menyelamai apa yang Dr. Mahathir tahu dan tak tahu tentang "budaya kerja Jepun".

Oleh yang demikian, apa yang kita dengar diulangi selepas ucapan Dr. Mahathir tentang "budaya kerja Jepun" itu tak ubah seperti mendengar bunyi sebuah rekod buruk yang rosak berputar di lingkaran yang sama kerana jarumnya patah.

Yang kurang enak lagi ialah persepsi yang menganggap bahawa budaya kerja Jepun itu umpsama suatu alat mekanikal; bak penyembur serangga yang terbungkus dalam kotak boleh terus diguna apabila perlu. Persepsi ini cukup mengelirukan. Malah telah membohongi kenyataan sebenar tentang budaya kerja Jepun serta konteks sejarah dan suasana sosial yang mengisi serta mendukungnya.

Apa yang dikatakan sebagai 'budaya kerja Jepun' adalah suatu himpunan ciri-ciri unggul tentang disiplin dan cara bekerja guna memastikan pencapaian optima dari segi daya pengeluaran. Budaya ini dikatakan telah diamalkan dengan luasnya dalam sektor perindustrian. Oleh kerana sektor tersebut dianggap sebagai tunjang kejayaan ekonomi Jepun maka 'budaya kerja Jepun' dengan sendirinya dikatakan

sebagai faktor penentu kejayaan tersebut, di samping 'sistem pengurusan Jepun' yang dianggap cukup unik dan bertanggungjawab melahirkan budaya berkenaan.

Intipati mujarab yang mendasari budaya ini adalah ciri *flexibility* yang tersulam halus dalam keseluruhan sistem berkerja di Jepun, khususnya di bidang perindustrian. Mengikut teori ekonomi, lebih besar dan kompleks sesebuah sistem pengeluaran dalam sesebuah firma lebih rumit lagi susunan serta sistem pengagihan tenaga buruhnya, (*division of labour*). Oleh yang demikian, pengkhususan kemahiran (*skill specialization*) sangat perlu.

Namun di Jepun, dari segi pembentukan kemahiran (*skill formation*), seseorang pekerja bukan sahaja diperlukan cukup mahir dalam sesuatu bidang pilihannya bahkan juga dilatih agak mendalam dalam bidang-bidang lain, melalui proses *job-rotation*, untuk membolehkan beliau mengambil alih tugas sebarang pekerja mahir lain yang mungkin jatuh sakit atau tercedera. Dengan itu, kelincinan perjalanan sesebuah firma tidak akan terjejas, produktivitinya tetap tinggi, dan kualiti bahan yang dikeluarkan dapat dipertahankan.

Ringkasnya, kemahiran seseorang pekerja Jepun adalah dicirikan oleh dua perkara: pertama, kemahiran yang mendalam (*depth of skill*), dan keduanya, kemahirannya yang menjangkau bidang yang luas (*breadth of skill*).

Gabungan kedua-dua faktor inilah yang memberikan *flexibility* dalam sistem bekerja di Jepun yang didakwa tidak wujud di negara Barat. Justeru itu lahirlah apa yang kita panggil kini sebagai 'budaya kerja Jepun' yang pula muncul dalam konteks suatu 'sistem pengurusan Jepun' yang didakwa sebagai unik.

Apakah segalanya ini terbentuk sekelip mata? Pasti tidak. Ada faktor serta keadaan historis yang khusus yang telah melahirkan budaya ini, yang tidak boleh ditiru atau dicipta. Di samping itu, ada beberapa prasyarat sosial yang penting yang membolehkan budaya ini diamalkan dan terus kekal. Memadai hanya beberapa yang penting sahaja yang disentuh di sini.

Dari segi sejarah, keseluruhan sektor industri Jepun telah mengalami krisis kekurangan tenaga kerja yang cukup tenat ketika pecahnya Perang Dunia Kedua. Krisis ini berlanjutan hampir satu dekad selepas itu. Pada ketika itu semua majikan di Jepun telah bertemu dan bersetuju untuk memperkenalkan suatu sistem pengurusan serta tatacara kerja yang menawarkan cukup banyak kemudahan serta keuntungan bagi setiap pekerja guna mengikat mereka supaya tidak lari keluar. Evolusi

BUDAYA KERJA JEPUN YANG DIIMPINKAN

dari keadaan historis inilah yang telah melahirkan sistem pengurusan Jepun serta budaya kerjanya yang kini kita heboh-hebohkan. Apakah kita perlu mencipta keadaan historis seperti ini?

Salah satu langkah terpenting yang telah pula dilaksanakan oleh pemerintah Jepun guna membantu dan meringankan beban sektor industri adalah memperbaiki keseluruhan sistem pendidikan. Berbagai bentuk kemudahan telah disediakan; bukan hanya kurikulum yang boleh mengisi keperluan intelektual dan vokasyenal bahkan juga bangunan serta peralatan yang lengkap. Umpamanya, konsep 'sekolah petang' langsung tidak ada kerana bangunan sekolah telah disediakan dengan secukupnya. Murid-murid belajar dari pagi hingga petang, dalam dan di luar kelas dengan disediakan makanan serta kemudahan lain. Dengan itu, setiap ibu bapa dapat menumpukan sepenuhnya perhatian mereka kepada kerja, justeru mempertingkat produktiviti seluruh Jepun. Suasana sosial seperti inilah yang membolehkan "budaya kerja Jepun" diamalkan dengan sukses.

Walaupun kita mampu dari segi ekonomi, apakah kita mempunyai azam politik dan bersedia menyediakan segala kemudahan ini? Tak perlu banyak, sediakan saja bangunan sekolah yang cukup supaya semua murid boleh sekolah pagi. Lihat nanti kesannya kepada produktiviti rakyat Malaysia!

Dewan Masyarakat, Februari 1991.

32

Perang Teluk dan Kedudukan Malaysia

Bak kuasa berpuaka, perang Teluk telah mendedahkan berbagai kelemahan dan pekung dunia; kebanyakannya tanpa kita sedari. Bukan hanya rahsia sang manusia sahaja yang terbuka bahkan juga segala kelemahan masyarakat dan negara yang terangkum dalamnya.

Malah melalui sebuah angkara seperti perang Teluk inilah kita berpeluang menilai lanjut pendirian kita sebagai insan, menimbang semula keadaan masyarakat kita sebagai suatu kesatuan, dan menyorot kembali kedudukan negara-bangsa tercinta kita sebagai suatu perjanjian.

Kesempatan inilah yang hendak digunakan di sini untuk meneliti secara kritis, biarpun seimbas pandang, kedudukan serta peranan Malaysia dalam konteks ekonomi politik antarabangsa semenjak pecahnya krisis dan kemudiannya perang Teluk.

Malaysia dalam tempoh sepuluh tahun lalu telah menikmati kedudukan serta profil politik yang agak tinggi pada paras antarabangsa, sama ada dari segi diplomatik maupun dalam konteks media massa sedunia. Ini berpunca dari beberapa sebab serta keadaan.

Pertamanya, Malaysia telah melaksanakan berbagai inisiatif diplomatik yang berkait dengan kepentingan negara-negara Selatan. Dalam hal ini Malaysia telah menunjukkan potensinya sebagai negara baru yang kerdil tetapi mampu menjadi ketua. Ada pihak yang pernah menganggap Malaysia sebagai "wira" negara-negara Selatan.

Keduanya, Malaysia juga menjadi terkenal ke seluruh dunia dengan polisinya yang keras tentang dadah. Polisi *dadah means death* ini telah menggerunkan sekaligus menimbulkan dilema etika di kalangan manusia dan masyarakat Barat setelah beberapa orang berketurunan Eropah dihukum gantung.

Ketiganya, Malaysia juga turut terkenal (Sarawak khususnya) apabila munculnya seorang Tarzan moden, alias Bruno Manser, ditengah-tengah rimba Sarawak mengakui 'memperjuangkan' hak suku Penan, yang pada hematnya telah 'dinodai' pembangunan.

Akhirnya, melalui suatu *public relations exercise* yang cukup besar lagi luas sebarannya dan bernama "Tahun Melawat Malaysia 1990", wajah dan nama negara kita telah terpahat dibenak para pelancong di mana saja. Datanglah mereka berduyun-duyun ke wilayah ini untuk berpesta.

Tetapi, dengan hanya sekelip mata, perang Teluk telah seolah-olah menidakkannya semua kejayaan, kekuatan, dan nama baik Malaysia ini. Dalam konteks politik antarabangsa, perang Teluk telah mendedahkan betapa masih lemahnya kedudukan Malaysia, yang tidak berapa lama dulu pernah dianggap sebagai "wira" negara-negara Selatan.

Dari segi ekonomi pula, perang Teluk telah menunjukkan kepada kita betapa kuatnya lagi pergantungan Malaysia terhadap Amerika Syarikat (AS) dan rakan-rakannya, biarpun keadaan ekonomi negara kita buat masa ini tidak disengsarakan oleh perang tersebut.

Dalam kata lain, perang Teluk telah menimbulkan berbagai tandatanya tentang kedudukan sebenar Malaysia dalam konteks politik dan ekonomi dunia. Yang lebih penting, telah juga timbul tandatanya, khususnya di kalangan khalayak umum Malaysia, tentang pendirian Malaysia, khususnya dalam konteks perjuangan Islam sedunia, akibat dari beberapa tindakan Malaysia dalam konteks krisis dan perang Teluk semenjak Ogos 1990 lalu.

Kedudukan dan pendirian Malaysia ini mula menimbulkan tandatanya apabila Malaysia menyokong resolusi 678 Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) yang menghalalkan penggunaan kekerasan untuk menyingkirkan Iraq dari Kuwait, sedangkan sebelum itu Malaysia telah mengutuk habis-habisan penggunaan kekerasan oleh Iraq apabila menakluki Kuwait. Mengapa berlakunya kontradiksi ini masih belum dijelaskan puncanya oleh kerajaan kita.

Malah keadaan telah bertambah kelam-kabut apabila Malaysia meminta AS dan tentera bersekutu memberhentikan serangan terhadap sasaran awam di Iraq. Di sebaliknya, Malaysia telah meminta AS dan tentera bersekutu menumpukan usaha mereka untuk mengusir Iraq dari Kuwait bukan pula menghancurkan Iraq.

Tidakkah Malaysia telah terlebih dahulu memikirkan semasaki-masaknya tentang betapa luasnya resolusi 678 itu boleh ditafsirkan, khususnya dari segi ketenteraan, oleh pihak AS dan rakan ber-

sekutunya? Apakah kita tidak ada pakar dan bijak pandai dalam bidang sains ketenteraan dan diplomasi untuk membantu kerajaan dalam hal yang genting seperti ini?

Atau, adakah kita mengutamakan faktor *economic survival* semata-mata dan mengenepikan segala persoalan moral berkait dengan krisis dan perang Teluk ini? Memang menggerunkan kalau nanti AS dan rakannya mengenakan sekatan dan polisi diskriminasi ekonomi terhadap negara yang tidak menyokong resolusi 678.

Lihat saja apa yang sudah terjadi pada Yaman. AS telah menarik balik bantuan tahunannya, bernilai AS\$200 juta setahun, setelah Yaman membantah resolusi 678. Mungkin Yaman tidak ada polisi yang menggalakkan pelaburan asing, tidak gentar dengan masalah GSP, dan tidak merasa terancam oleh kesatuan sekerjanya, maka menjadi sangat berani menimbulkan amarah AS. Yang jelas pergantungan ekonomi kita terhadap AS jauh lebih kuat dari Yaman.

Tetapi, tanya beberapa pihak yang lain pula, mengapakah Malaysia tidak meminta supaya resolusi 678 ditangguhkan sehingga kesan sepenuhnya pelaksanaan sekatan ekonomi ke atas Iraq, melalui resolusi 660, 662 dan 664, dinilai dengan terperinci jaya-gagalnya? Pada halnya, Malaysialah yang beria-ia benar menekankan betapa jayanya tindakan sekatan ekonomi sedunia dalam memaksa rejim Afrika Selatan merombak sistem apartheidnya yang kejam. Kontradiksi ini juga telah menimbulkan banyak tandatanya di kalangan pemerhati politik Malaysia.

Walau bagaimanapun, di Malaysia, tandatanya yang paling besar buat masa ini ialah: "apakah reaksi Anwar Ibrahim, sebagai jaguh apa saja yang Islam dan berwajah intelektual, terhadap krisis dan perang Teluk? Apakah beliau menyokong resolusi 678?"

Dewan Masyarakat, Mac 1991.

33

Kebudayaan Kebangsaan: Suatu Kenyataan, Harapan Atau Bayangan Palsu?

Nikmat berpesta boleh mengkhayalkan. Ramai juga yang ketagih pesta. Salah satu pesta yang cukup mengasyikkan ialah pesta idea. Pesta ini terjelma dalam berbagai bentuk: seminar, persidangan, forum, kolokium, konferensi, mesyuarat, kongres, ceramah, bengkel, dan lain-lain lagi. Lazim juga pesta idea diiringi oleh bermacam pula pesta-pestaan sampingan.

Nah, pesta idea berkait dengan persoalan "kebudayaan kebangsaan" pernah dianggap sebagai salah satu pesta idea terbesar di Malaysia, malah yang terpanjang usianya. Sudah hampir tiga dekad dirayakan kini dan masih lagi mahu dipestakan.

Pada awalnya, pesta ini telah dirayakan dengan cara terbuka lagi besar-besaran: mula-mulanya dikongreskan, kemudiannya dikonferensikan, lepas itu diseminarkan, dan berikutnya diceramahkan.

Tetapi akhir-akhir ini, dalam skil yang lebih kecil, elitis sifatnya, dan secara tertutup, pesta ini hanya dibengkelkan. Mungkin ini suatu langkah awal ke arah untuk mengkongreskannya kembali. Tetapi adakah sesuatu yang benar-benar baru dan bernas daripada pesta terakhir ini?

Seperti nasibnya bangsawan Melayu pada 1960-an lalu, yang terpaksa mengembara meniti litaran demi litaran guna mencari audien yang kian menipis, pesta idea "kebudayaan kebangsaan" ini pun telah menghadapi nasib yang sama. Akibatnya, ramai pelakon lama masih dikekalkan, malah pelakon tambahannya pun masih juga muka yang sama biarpun bilangannya sudah jauh berkurangan. Muka baru, mungkin satu dua!

Mengapakah demikian jadinya pesta ini? Siapakah yang masih mahukan pesta ini dilanjutkan? Apakah motif si boneka dan si dalang

beria-ia sangat untuk mengembalikan keagungan suatu pesta yang telah hampir dimuziumkan? Ini semua masih lagi menjadi teka-teki.

Sebenarnya pesta ini untuk sekian lamanya telah dirayakan oleh satu kaum sahaja di Malaysia, iaitu kaum Melayu. Tetapi bukan semua dari kaum Melayu yang terlibat, cuma beberapa puak dan suku sahaja, khususnya mereka yang mustahak dan berkepentingan termasuk yang buta budaya.

Tidaklah memerlukan jika akhir-akhir ini kegiatan tersebut berkesudahan sebagai suatu riadah mental di kalangan segelintir kaum Melayu yang menyangka diri mereka celek budaya lagi intelektual. Yang dibicarakan pun banyak hal yang hampir basi. Yang baru cuma dewan tempat perbincangan itu terjadi.

Nampaknya golongan ini cukup gentar berdepan dengan kenyataan. Mereka menghindari perbincangan terbuka tentang hal ini dengan perwakilan dari kaum lain atas alasan dhaif bahawa perwakilan tersebut mudah emosional.

Memang benar ada reaksi keras dari kaum lain tentang konsep "kebudayaan kebangsaan" anjuran elit Melayu tersebut. Kalaupun reaksi ini dianggap emosional setiapnya harus dijawab sepenuh-penuhnya dengan rasional. Tetapi sehingga kini masih belum ada satu pun reaksi balasan secara terbuka yang rasional, yang cukup baik, dan yang bernas lagi intelektuil sifatnya daripada elit Melayu. Sebaik-baiknya ini dilakukan dengan cara berdepan dan bersemuka; tidak menggunakan strategis baling batu sorok tangan.

Tidakkah lagi disedari, setelah tiga dekad, bahawa perbincangan tentang "kebudayaan kebangsaan" sama sekali sia-sia kalau tidak melibatkan semua kaum di Malaysia kerana sifat budaya itu sendiri adalah sesuatu yang tumbuh, dipupuk, dan hidup daripada perlakuan dan kegiatan manusia yang berkelompok, dan bukan sesuatu yang terpancar tiba-tiba melalui suatu program berbau konspirasi.

Kelompok itu pula tidak homogen, justeru keadaan ini mencerangkan pula beberapa serpihan budaya subkelompok. Keadaan ini menjadi lebih rumit apabila pengaruh peradaban besar dunia juga turut dirasakan, termasuk pada paras subkelompok.

Oleh yang demikian, yang diperlukan kini adalah suatu dialog langsung, dari hati ke hati, mungkin perlu tertutup pada peringkat awalnya untuk mengelakkan riuh di pasaran berita tempatan, antara elit Melayu dengan yang bukan Melayu tentang hal "kebudayaan kebangsaan" ini.

Apabila sudah tercapai sesuatu persetujuan, biarpun persetujuan

KEBUDAYAAN KEBANGSAAN

untuk tidak bersetuju, barulah hal ini dijadikan tema perbincangan terbuka di seluruh negara guna menangguk reaksi tulus dari orang ramai.

Golongan elit Melayu ini mungkin tidak mahu berbuat sedemikian kerana mereka merasakan masih belum betul-betul bersedia. Setelah tiga dekad masih lagi perlu persediaan? Ini agak membingungkan jika terjadi!

Supaya hal ini tidak tinggal harapan cuma dan kemudian bertukar menjadi suatu bayangan palsu, elok sangatlah sesuatu langkah segera yang konkrit lagi bermakna dirancang dan diambil tindakan. Ini akan mengelakkan tumbuhnya pula suatu budaya devian daripada pesta idea tentang "kebudayaan kebangsaan" tersebut.

Dewan Masyarakat, April 1991.

34

Dulu Wartawan, Kini Pemberita: Pudarnya Tradisi Kewartawanan Malaysia

Dalam sejarah pergerakan nasionalisme Melayu pada zaman kolonial, khususnya sebelum Perang Dunia Kedua, para wartawan menduduki barisan depan. Dengan segala kekuatan idea dan pena yang ada pada mereka, mereka telah berjaya merangkaikan suatu kesatuan harapan dan visi yang menjadi tunjang pergerakan nasionalis ketika itu.

Biarpun usaha mereka ini menghadapi cabaran keras dari luar, khususnya dari pentadbiran kolonial yang sentiasa berwaspada terhadap sebarang kegiatan antikolonial, dan juga gegaran dalaman yang sering mendebaran, namun sumbangan mereka terpahat abadi dalam sejarah pembentukan sebuah negara bangsa bernama Malaysia.

Para wartawan yang terlibat cukup prolifik, kreatif dan futuristik. Mereka telah menganalisis keadaan semasa dengan tepat lagi bersemangat tanpa mengorbankan kebenaran. Ruangan pujuk mereka bukan hanya tajam bahkan kaya dengan jenaka sinis. Tulisan mereka juga berunsur futuristik, melimpah dengan idea bernes menggariskan suatu masa depan yang penuh harapan.

Yang amat ketara adalah kekuatan mereka dalam menguasai Bahasa Melayu. Penguasaan mereka total, kemampuan mereka menulis dengan bahasa yang cukup baik lagi gramatis tidak dapat dipertikaikan. Metafor yang mereka pilih juga cukup mengesankan. Ramai di antara mereka juga merupakan pencipta karya kreatif yang berbakat sekali. Novel dan cerpen mereka indah dan sarat pula dengan mesej politik.

Mereka tidak berkelulusan tinggi, malah hampir kesemuanya tiada ijazah. Kebanyakannya hanya lulus sekolah Melayu atau menengah Inggeris, tanpa latihan profesional yang formal dalam bidang komunikasi dan kewartawanan. Namun, dengan hanya berbekal mesin taip usang, kualiti sumbangan mereka dan ertiinya kepada masa depan

rakyat di British Malaya ketika itu tidak ternilai besarnya.

Tradisi kewartawanan ini terus berlanjutan selepas perang sehingga membawa ke zaman selepas merdeka. Generasi kedua dalam tradisi ini telah aktif bukan sahaja dalam dunia persuratkabaran bahkan juga dalam pembentukan dunia sastera nasional. Mereka telah mengasaskan penerbitan berbagai majalah bulanan yang kemudiannya telah diterima umum sebagai sumber maklumat sekaligus ilmu pengetahuan, seperti *Dewan Masyarakat, Mastika, Dian* dan beberapa yang lain.

Pada era Dasar Ekonomi Baru (DEB), bermula semenjak 1971, kita telah menyaksikan suatu revolusi kecil dalam dunia persuratkabaran tempatan, iaitu, dari segi hakmilik, penggunaan teknologi, dan tradisi kewartawanannya.

Hakmilik bertukar tangan beberapa kali dalam tempoh dua dekad yang lalu, tetapi selalunya berlaku "dalam kepuk"; lain tokoh, sama parti politik. Suratkhabar semakin hari semakin dipolitikkan. Teknologi pengeluaran pun turut berubah pantas sesuai dengan perkembangan sedunia. Suratkabar Malaysia tidak jauh ketinggalan dalam konteks trend sedunia ini.

Yang menjadi mangsa dan paling parah menerima padah dari revolusi kecil ini ialah tradisi kewartawanan tempatan, sama ada dalam akbar berbahasa Melayu mahupun Inggeris. Daripada sebesar-besar ketua pengarang sehinggalah ke pemberita kerdilnya, semuanya seolah-olah dihinggapi *virus* dan tiada pula *antidote* yang dapat membaiki keadaan kritis ini.

Yang paling menyediakan adalah akbar berbahasa Melayu. Biarpun pembacanya telah berlipat ganda akibat dari meluasnya kesan sistem pendidikan kebangsaan yang berbahasa Melayu, namun kualiti kandungannya sering memalukan kerana kualitinya yang cukup rendah. Kita seolah-olah dipaksakan menerima segala ini kerana tidak ada pilihan lain.

Misalnya, dalam liputan mereka tentang pergolakan dunia di luar Malaysia ternyata akbar kita cukup bergantung kepada *syndicated news* asing. Tiada seorang pun daripada 'wartawan' kita yang telah menghasilkan analisis yang boleh dibanggakan dari segi mutu dan keindahan bahasanya tentang Krisis Teluk baru-baru ini.

Oleh kerana terlalu ramai di antara mereka yang celek dalam bidang teknologi mengeluarkan suratkabar tetapi buta tentang teknologi peperangan, maka tidak ada suatu pun tulisan yang telah menghuraikan perbezaan teknik antara peluru berpandu *Scud* Iraq dan *Patriot* Tentera Bersekutu.

Tiadanya "orang sains" dan terlalu ramainya orang "sains sosial" dalam dunia kewartawanan amat jelas sekali. Namun demikian, mengapakah kualiti pemberitaan dan analisis berita dalam hal-hal yang berkait dengan sains sosial masih cukup lemah?

Ada wartawan veteran yang menyatakan bahawa masalah ini berpunca dari cara bakal wartawan kita dilatih. Mereka mengungkapkan bahawa ramai lulusan dari sekolah-sekolah komunikasi di luar negeri dan juga di Malaysia, yang akhirnya membanjiri akhbar tempatan, sebagai "pandai teknologi, lemah isi".

Pada pandangan golongan ini, kepandaian generasi terbaru wartawan Malaysia dalam teknologi menghasilkan suratkabar yang berwarna warni lagi tebal kosmetiknya memang tidak ada tolok bandingnya. Tetapi setiap orang daripada mereka tidak pernah mengkhusus dalam satu-satu bidang pengajian tradisional sains sosial, seperti sains politik, ekonomi, dan sosiologi, apatah lagi dalam bidang lain sains tabii.

Kesannya jelas sekali. Kemampuan mereka menganalisis isu-isu yang berkait dengan bidang-bidang tadi ternyata cetek. Ini terjelma dalam setiap tulisan mereka yang selalunya tidak pula gramatis. Ternyata sekali yang mereka ini bukanlah wartawan, cuma pemberita berijazah.

Memandang ke tahun 2020 keadaan ini sungguh membimbangkan.

Dewan Masyarakat, Mei 1991.

35

Pendidikan Bersifat Vokasional Anak Kunci Kejayaan Tahun 2020?

Kita bercita-cita besar. Pada tahun 2020 kita akan menjadi negara membangun. Inilah harapan yang disampaikan oleh Dr. Mahathir Mohamed, perdana menteri kita, dalam ucapannya pada 28 Februari lalu, yang juga merupakan harapan sekumpulan elit Malaysia yang secara berkelompok telah mengubah kandungan ucapan bersejarah tersebut.

Pastinya kita semua akan berkerja keras untuk mencapai cita-cita ini, suatu cita-cita yang sememangnya sudah menjadi impian umum dan selama ini bermain di bibir rakyat terbanyak tetapi tidak dinukilan. Oleh kerana ramai yang sedar akan hambatan-hambatan yang boleh membatutkan cita-cita ini, jadinya tidak ramai yang berani menghamburkan apa-apa tentang cita-cita secara terbuka dan rasmi. Harapan ini didapati tersirat dalam banyak tulisan tentang politik dan ekonomi di Malaysia.

Dalam banyak-banyak hambatan tersebut, mari kita sama-sama melihat salah satu daripadanya. Mungkin ini yang terpenting, mungkin juga tidak. Hambatan ini berkait dengan falsafah dan sistem pendidikan kita yang pada umumnya bersifat vokasional. Penjelmaannya yang paling ketara adalah dalam cara kita melatih bakal “penulis” khususnya di universiti-universiti tempatan. Sdr. Anwar Ibrahim sekalipun tidak dapat merubahnya!

Kenapa hal ini penting diberi perhatian? Penulis, dalam bidang apa sekalipun sama ada yang berkelulusan atau tidak, adalah cukup penting dalam sejarah pertumbuhan masyarakat sedunia. Misalnya, sejarah peradaban di Timur Tengah, India, Incas, Aztec, dan China telah membuktikan kepada kita bagaimana penulis melalui penerokaan idea yang berani berjaya menggerakkan semangat serta membaja imaginasi manusia dalam peradaban tersebut untuk bertindak ke arah mencapai kemajuan.

Kegemilangan serta pencapaian peradaban berkenaan telah diturunkan ke generasi berikutnya dan tersebar luas ke seluruh dunia melalui sumbangan ratusan penulis yang gigih dan sedar betapa besarnya nilai ilmu dan kebenaran. Kesemua ini dicapai melalui teknologi produksi dan percetakan yang sederhana tetapi berdasarkan ilmu pengetahuan yang luar biasa mutunya.

Dalam konteks Malaysia kini, yang gigih sekali merintis jalan ke 2020, teknologi produksi dan percetakannya yang cukup tinggi mutunya. Kualiti ilmu pengetahuannya pula yang menggundahkan rendahnya. Ini berpunca daripada sifat vokasional sistem pendidikan kita.

Kita tidak berfikir jauh apabila mengasaskan, hampir sedekad lalu, program komunikasi dan penulisan kreatif di universiti tempatan. Kesemua program berkenaan ditawarkan pada peringkat sarjana muda dalam fakulti-fakulti sastera, sains sosial, atau pengajian kemanusiaan.

Ini bererti dari awal-awal lagi sesiapa yang berbakat, berkeinginan, serta berkemampuan dalam bidang penulisan tetapi adalah lulusan dari bidang sains tabii dan sains gunaan (termasuk sains perubatan moden) tertutup langsung sudah peluang mereka untuk mengasah bakat dan mengikuti secara formal sebarang kursus penulisan kreatif.

Kalau pengetahuan sains dan teknologi dianggap sebagai *the cutting edge* ke arah pembentukan sebuah negara bangsa industrial yang kita idam-idamkan, ketiadaan novel saintifik dan buku cerita kanak-kanak berbahasa Malaysia, misalnya, yang memperkenalkan idea-idea asas sains tentunya akan mendatangkan kesan yang mendalam lagi tidak dapat pula dinilai untuk menjadikan Malaysia negara membangun pada 2020.

Karya kreatif seperti ini, seperti yang terbukti dalam kajian-kajian pendidikan di Jepun, boleh membuka fikiran rakyat umum supaya faham dan menjadi lebih *receptive* kepada cita-cita 2020 Dr. Mahathir. Malah unsur seperti ini adalah prasyarat kepada pencapaian total cita-cita tersebut.

Untuk lulusan dalam bidang sains yang berhasrat pula menguasai teknologi dan kemahiran dalam bidang komunikasi guna mempertingkat mutu penyampaian ilmunya, khususnya dalam Bahasa Malaysia, cita-cita ini juga ternyata terhalang. Kesemua kursus berhubung dengan pengetahuan ini hanya ditawarkan pada peringkat sarjana muda sama ada di fakulti sastera, sains sosial atau pengajian kumanusiaan di universiti-universiti tempatan.

Akibatnya, kita tidak pernah bertemu dengan analisis serta sumbangan bermutu mengenai aspek kehidupan habitat semula jadi di

Malaysia dari wartawan tempatan dalam akbar harian kita. Berita seperti ini selalunya dipetik dari *syndicated news*.

Sebenarnya sehingga hari ini tidak terbayang dalam fikiran kita kemungkinan seorang lulusan sains bertugas sebagai pemberita di akbar harian tempatan, apatah lagi untuk menulis dalam bahasa Malaysia yang gramatis lagi indah tentang kejadian alam semula jadi.

Mungkin langkah utama ke arah memperbetul 'kejulingan' falsafah pendidikan kita ini adalah untuk melaksanakan langkah *deregulation* dalam sistem pendidikan pengajian tinggi kita. Misalnya, program komunikasi dan penulisan kreatif yang ada sekarang diubah statusnya, dari taraf sarjana muda ke peringkat siswazah.

Oleh yang demikian kursus-kursus dalam bidang tersebut akan hanya ditawarkan pada peringkat siswazah supaya sesiapa saja dari apa saja latar belakang (doktor, peguam, jurutera, ahli fizik nuklear, dan lain-lain.) boleh mengambil ijazah, diploma, atau sijil lanjutan dalam kedua-dua bidang tersebut, yang merupakan mata pelajaran vokasional.

Mungkin perubahan seperti ini terlalu radikal bagi Malaysia. Mungkin cita-cita 2020 itu pun bagitu radikal, kalau dilihat dari perspektif falsafah pendidikan kita sekarang. Mengelakkan *status quo* juga yang senang!

Dewan Masyarakat, Jun 1991.

36

Media Massa dan Politik di Australia

Hubungan antara media massa (seperti akhbar, televisyen, serta radio) dan politik di Australia cukup rumit untuk dihurai dengan ringkas di sini. Malah apa yang ingin diimbas dalam tulisan ini cumalah beberapa hal pokok.

Tujuan usaha ini adalah untuk membolehkan para pemerhati serius tentang hubungan Malaysia-Australia mengerti serba sedikit apa yang bergolak baru-baru ini, khususnya perbezaan antara budaya minda Malaysia dan Australia. Perbezaan dalam ruang budaya minda ini memang selalunya tidak jelas, malah jarang pula mahu diperjelas oleh kerana mungkin juga tiada siapa yang mampu memperjelaskannya.

Satu elemen utama yang mendasari budaya minda Malaysia mahupun Australia adalah berkait dengan kedudukan serta hubungan erat antara politik dan media massa, yang bukan hanya dipandang penting tetapi dianggap cukup sakral.

Betapa tidaknya. Sesiapa yang menerajui keraton politik, sama ada di Malaysia atau Australia, tahu betapa perlunya, dan kalau boleh mahu pula, menguasai media massa. Bagitu jugalah besarnya nafsu para panglima media massa, mereka senantiasa kehausan kuasa politik, selalu ingin dan bersedia untuk memperkotak-katik ahli politik, dan kalau boleh menjadi dalang dalam wayang politik semasa.

Oleh yang demikian, dari segi sejarah setempat sama ada di Malaysia atau Australia, pergelutan kuasa serta kepentingan antara ahli politik dan tuan punya media massa merupakan suatu kejadian yang cukup lumrah, malah sering pula mewarnai pola percaturan politik tempatan.

Di Malaysia, pergelutan ini telah 'dimenangi' oleh golongan ahli politik. Melalui berbagai cara, akhirnya, para ahli politik kita telah

berjaya mengelakkan media massa memperkotak-katikkan mereka. Ini merupakan suatu 'kejayaan' besar lagi historis dalam sejarah perkembangan pemikiran dan intelektual kita, justeru menjadi ciri utama budaya minda Malaysia.

Di Australia, para ahli politiknya tidak begitu berjaya dalam mempertahan kedudukan dalam pergelutan mereka dengan media massa, justeru mereka gagal menguasai media massa. Malah ramai di antara mereka menjadi boneka kepada para panglima media massa yang berpengkalan di Australia dan luar negeri.

Oleh sebab itulah hubungan politik dan media massa di Malaysia cukup aman, tenteram, dan penuh kesetiakawanan. Sekali-sekala terdengar letusan suara sumbang yang cukup mudah pula dilenyapkan dari pendengaran kerana kita mempunyai peraturan yang cukup untuk berbuat demikian. Inilah 'keistimewaan' budaya minda di Malaysia.

Di Australia, keadaannya ialah kebalikan pula; kadang-kadang ahli politik menang tetapi dalam banyak ketika mereka dipertunggang oleh media massa. Oleh itu, apa yang dicerita dan diberitakan dalam media massa tentang ahli politik, negatif atau positif, sama ada dalam bentuk laporan langsung atau melalui metafora drama televisyen, adalah di luar kawalan mereka.

Namun tidak tepat juga kalau kita anggap keadaan ini sebagai suatu suasana anarkis, tanpa kawalan. Undang-undang Australia cukup ketat dalam menentukan kuota hakmilik anak tempatan dalam syarikat-syarikat media massa yang ditubuhkan dalam negeri dan terutamanya yang berpusat di Eropah atau Amerika Syarikat. Begitu juga undang-undang sensornya, mungkin tidak sekeras di Malaysia dalam beberapa segi, tetapi mungkin juga jauh lebih ketat dari Malaysia dalam segi yang lain.

Saman-menyaman dalam mahkamah tempat berkait dengan keskes *libel*, atau fitnah, sering tersiar di halaman akhbar tempatan di Australia. Banyak lagi peraturan yang boleh mengawal media massa Australia dari menjadi 'hantu tak berjinjang'. Konsep "suruhanjaya diraja" (royal commission) penting sebagai penentu terakhir dalam banyak hal yang kritikal di Australia, termasuk yang melibatkan media massa.

Dalam konteks inilah kita akan dapati media massa di Australia cukup kritis terhadap hal-hal yang mereka anggap "tidak adil", "mencabul hak asasi manusia", "menjahanam alam sekitar", dan selainnya. Kritikan ini kadang-kadang kita dapati cukup luar biasa pedasnya malah boleh dianggap sebagai kurang ajar kalau dilihat dari

segi persepsi budaya minda Malaysia.

Namun kalau kita perhatikan dengan lebih rapat kita akan dapati bahawa apabila mereka mengkritik mereka tidak "pilih bulu". Kadar garang dan pedas kritikan mereka tidak ditentukan oleh faktor sama ada sasaran mereka itu di Australia atau di luar negeri. Tetapi dari segi kuantiti, ahli politik di Australialah yang sering diserang hebat dan menjadi sasaran kritik oleh media massa. Mungkin dalam sepuluh kes seperti ini, satu melibatkan sasaran di luar negeri.

Tetapi satu sasaran di luar negeri inilah yang boleh mencetuskan keruahan diplomatik, yang kadang-kadang tidak terduga oleh media massa di Australia. Apabila terjadinya hal seperti ini, ahli-ahli politik Australialah yang menjadi "tukang tampal" sebarang "lubang" yang telah diembuk oleh media massanya dan melibatkan negara asing.

Kalau di lihat dari kacamata pengalaman kita di Malaysia, keadaan ini menggambarkan semacam suatu kelemahan ahli-ahli politik Australia. Namun dari kacamata rakyat Australia ini dianggap sebagai suatu bukti kuat bahawa kebebasan bersuara dalam demokrasi-ala-Australia masih terjamin.

Oleh yang demikian, memang tiada kata putusnya dalam soal seperti ini dan tiada pula "hakim besar" yang dapat menjatuhkan hukuman siapa betul siapa salah.

Semuanya terpulang kepada keadaan semasa minda kita, sama ada jumud atau terbuka. Yang mana jernih dan yang mana keruh mungkin juga tidak jelas kalau keadaan minda kita kacau-bilau.

Dewan Masyarakat, Julai 1991.

37

Mengimbau Kembali Konsep 'Persekutuan' di Malaysia

Kita akan menyambut ulang tahun Hari Kebangsaan Persekutuan Malaysia pada akhir bulan ini. Pastinya berbagai kegiatan rasmi telah dirancang oleh pihak kerajaan untuk memeriahkan perayaan menyambut hari berkenaan.

Sayangnya, tahun demi tahun, dalam persediaan seperti ini kita tidak pernah mahu mengimbau, biarpun sepintas lalu, atau mengisi perayaan tersebut dengan pengetahuan tentang latar belakang sejarah serta erti konsep "persekutuan", atau federalisme (*federalism*), yang mendasari pembentukan negara bangsa Malaysia itu sendiri.

Ini agak mengecewakan kerana ada beberapa masalah penting dari segi ekonomi, sosial dan politik yang kita hadapi di Malaysia selama ini adalah berpunca dari bentuk federalisme yang kita anuti dan tidak pula berkait dengan isu perkauman, bahasa atau monarki. Paling jelasnya masalah ini terjelma dalam konteks hubungan antara "kerajaan pusat" dan "kerajaan negeri".

Walaupun sebahagian besar daripada ketegangan ini terpendam malah terahsia dari rakyat terbanyak kerana tidak diliputi oleh media massa, namun sekali-sekala apabila rahsia angkara perbalahan antara "kerajaan pusat" dan "kerajaan negeri" terbongkar ramai yang merasa gundah tentang betapa rapuhnya "persekutuan" kita ini, seperti retak menanti belah.

Ramai juga rakyat kita yang menyimpan pemahaman yang salah tentang perbezaan kedudukan "negeri-negeri" dalam Persekutuan Malaysia dari segi perlombagaan.

Umpamanya, ramai daripada kita yang bertanggapan bahawa status Sabah dan Sarawak adalah sama dengan negeri-negeri di Semenanjung. Mungkin tanggapan ini dipengaruhi oleh atur-susun perlawan-

bolasepak Piala Malaysia yang merupakan suatu kegiatan berhibur terpenting di kalangan rakyat negara ini.

Sebenarnya status Sabah dan Sarawak adalah setara dengan keseluruhan Semenanjung, yang mengandungi pula 12 buah negeri atau wilayah, dari segi perlembagaan Malaysia. Dengan itu, setiap negeri di Semenanjung tidaklah sama kedudukannya dengan Sabah atau Sarawak dari segi undang-undang negara ini.

Malah dalam beberapa segi Sarawak dan Sabah menikmati lebih banyak kuasa dalam bidang-bidang tertentu lagi penting kalau dibandingkan dengan negeri-negeri di Semenanjung. Setiap negeri di Semenanjung hanya berkuasa penuh terhadap hal-hal tanah, agama Islam dan adat istiadat Melayu. Untuk Sarawak dan Sabah mereka bukan sahaja berhak dalam kedua bidang tersebut bahkan dalam beberapa bidang yang lain, seperti bidang imigresen.

Umpamanya, setiap kali seseorang penduduk dari Semenanjung ke Sabah atau Sarawak beliau terpaksa mempunyai dokumen perjalanan atau membuat permohonan khas untuk masuk.

Tanpa dokumen dan kebenaran ini beliau tidak boleh masuk ke Sabah dan Sarawak, kalau masuk juga jadi pendatang haramlah beliau.

Rasanya orang Kedah yang hendak ke Johor boleh terus menuju destinasi dengan berkereta mengikuti Lebuhraya Utara-Selatan melalui negeri-negeri Pulau Pinang, Perak, Selangor, Wilayah Persekutuan, Negeri Sembilan, dan Melaka tanpa memerlukan apa-apa dokumen perjalanan atau membuat permohonan khas untuk melintas lalu setiap negeri tersebut. Ini telah dibenarkan oleh suatu perjanjian "persekutuan" yang lain yang dimaktubkan pada tahun 1948 bernama Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu (Federation of Malaya Agreement, 1948).

Perjanjian 1948 ini kemudiannya telah diperbaik dan diperbaharui sesuai dengan pertukaran status politik Semenanjung Tanah Melayu dari sebuah tanah jajahan ke sebuah negara yang merdeka, pada 31 Ogos 1957, bernama Persekutuan Tanah Melayu.

Walaupun struktur "persekutuan" Merdeka ini dikekalkan sebagai kerangka politik serta perundungan suatu "persekutuan" yang baru, yang ditubuhkan pada 16 September 1963, bernama Persekutuan Malaysia, namun kandungan serta syarat yang mengikat "persekutuan" yang baru tersebut tidak lagi sama dengan yang sebelumnya. Banyak bahagiannya telah diubahsuai dan ditambah untuk membolehkan Sabah, Sarawak, Singapura, dan Persekutuan Tanah Melayu bergabung dalam satu kesatuan politik.

MENGIMBAU KEMBALI KONSEP "PERSEKUTUAN" DI MALAYSIA

Apabila Singapura keluar dari Malaysia pada 1965, ada pihak yang menekankan bahawa dari segi undang-undang perjanjian "persekutuan" Malaysia itu secara automatis termansuh kerana ada frasa dalam perjanjian tersebut yang menyatakan bahawa jika terdapat negeri yang menganggotai Persekutuan Malaysia keluar dari "persekutuan" tersebut maka "persekutuan" itu dianggap mansuh. Tetapi ada pihak lain menghujahkan bahawa perjanjian Persekutuan Malaysia hanya mansuh jika salah satu dari anggotanya menarik diri dengan sukarela. Oleh sebab Singapura telah disingkirkan atas sebab-sebab keselamatan negara, maka "persekutuan" tersebut tidak termansuh. Atas dasar inilah "persekutuan" itu telah dilanjutkan hingga sekarang.

Tetapi tidak dapat dinafikan ada pihak tertentu di Sabah, Sarawak, dan juga Semenanjung yang merasakan perjanjian "persekutuan" ini harus dinilai kembali jaya-gagalnya, baik-buruknya, sesuai dengan permintaan perjanjian tersebut, setidak-tidaknya sepuluh tahun sekali. Ini perlu untuk melicinkan lagi hubungan antara "kerajaan pusat" dan "kerajaan negeri".

Apakah ini sudah dilaksanakan? Ada pihak kata sudah, ada yang mendakwa belum. Kita tidak pasti apa jawabnya yang sebenar.

Sebagai sebuah negara yang mendukung kemurnian prinsip-prinsip demokrasi dan muafakat hal-hal seperti inilah yang mungkin kita perlu ambil perhatian serta renungkan secara serius sambil menyambut ulangtahun Hari Kebangsaan Persekutuan Malaysia pada 31 Ogos ini.

Dewan Masyarakat, Ogos 1991.

38

Migrasi Desa-bandar Atau Kota Menelan Kampung?

Bermula dari sebuah teori dan kini hanya suatu *cliche*, ungkapan "migrasi desa-bandar" sudah cukup lusuh, paling disalahfaham dan disalahguna buat masa ini.

Malah ungkapan ini sudah turun lagi tarafnya menjadi suatu stereotaip yang telah diperalat oleh berbagai kumpulan manusia, termasuk ahli politik dan ahli akademik, yang memerlukan suatu hujah atau helah segera untuk menghuraikan punca sebarang masalah yang timbul di kota.

Hampir semua kesengsaraan di kota serta seksaan terhadap manusianya dikatakan berpunca daripada proses "migrasi desa-bandar", suatu proses sosial yang dilihat sebagai sesuatu yang amat negatif.

Yang lebih menarik ungkapan ini ada pula pasangan akrabnya, iaitu, "faktor tolak-tarik". Faktor ini juga dikatakan bertanggung jawab menyebabkan daerah kota dibanjiri oleh manusia desa yang sudah terpukau oleh neon bergermelapan bandar. Kehadiran kelompok manusia ini dianggap menambah tenat angkara sosial yang sudahpun membarahi alam raya kota.

Kedua-dua ungkapan ini, "migrasi desa-bandar" dan "faktor tolak-tarik", adalah diasaskan kepada beberapa andaian yang cukup kurang menyenangkan. Pertamanya, masyarakat dibahagikan kepada dua bahagian kaku yang dianggap terputus hubungan, "bandar-desa" atau "moden-tradisional", sedangkan sifat asasi masyarakat adalah dinamik.

Keduanya, kandungan pasangan "bandar-desa" atau "moden-tradisional" dianggap sebagai bertentangan sifatnya malah kebalikan pula ciri-cirinya; seolah-olah "bandar berlawanan desa", "moden bertentangan dengan tradisional".

Ketiganya, pembahagian ini ada pula gejala moralnya yang cukup

kuat, seperti unsur-unsur agama yang mendasari pembahagian antara "baik-buruk", "halal-haram", "hitam-putih", dan "dosa-pahala". Andaian ini seringnya tersirat tetapi akan segera muncul dan digunakan apabila penilaian dan perbandingan dibuat antara "bandar dan desa" atau "moden dan tradisional".

Keempatnya, juga bersifat moral tetapi dihalal dan disalutkan oleh ungkapan-ungkapan seperti "demi pembangunan", "demi kemajuan bangsa", atau "demi menjamin keselamatan negara", kedudukan "desa" dianggap lebih rendah dari "bandar" dan "tradisional" lebih daif dari "moden". Oleh yang demikian, "bandar" dan "moden" dijadikan simbol unggul yang terletak dimerlu kejayaan untuk sekaligus menjadi pendorong dan dicapai oleh sesebuah masyarakat.

Dalam lain perkataan, "desa" dan "tradisional" merupakan *dirty words* dalam konteks pembangunan material sesebuah negara-bangsa. Dalam semangat negatif inilah penggunaan ungkapan "migrasi desa-bandar" dan "faktor tolak-tarik" harus kita letakkan dan fahami.

Dalam kedua-dua keadaan, "desa" dan "warga desa" dilihat sebagai suatu objek dan kolektif sosial yang lemah, terkebelakang, daif, dan seolah-olah tidak mampu berfikir.

Maka itu dalam proses "migrasi desa-bandar" warga desa digambarkan berduyun-duyun ke bandar seperti anak ayam kehilangan ibu, mencari sesuatu yang belum dipastikan, terkapai-kapai gementar, langsung terjerumus ke kancan masalah kota, yang dikatakan tertumpu di kawasan setinggan.

Dalam keadaan "tolak-tarik" pula, yang kena tolak dan yang kena tarik adalah manusia yang sama; warga desa lagi. Mereka "ditolak" oleh faktor kesusahan dan "ditarik" oleh janji kemewahan bandar. Ternyata yang lemah, mudah terpengaruh, dan cepat buntu fikiran dalam keadaan ini adalah manusia desa.

Imej seperti ini bukan hanya menghantui perencana, politikus dan akademikus apabila menulis laporan "objektif" mereka. Ramai sasterawan kita (novelis, cerpenis, dan sajakis) dan juga para wartawan serta pemberita (seperti burung tiung) turut terheret sama dalam menebalkan stereotaip ini kerana dangkalnya daya konseptual mereka apabila menanggap tentang pembangunan material di negara kita. Maka terpahtlah imej-imej negatif ini dalam benak rakyat terbanyak.

Apa yang tidak dibincangkan oleh kesemua mereka ini adalah keadaan sebenarnya, seperti "desa dan bandar" itu tidak pernah terpisah dalam realiti. Malah jalinan hubungan "desa-bandar" begitu kuat seperti aur dengan tebing, isi dengan kuku, sehingga kejayaan satu pihak

adalah berdasarkan pengorbanan oleh satu pihak lagi. Keadaan ini tak ubah seperti lilin yang membakar diri untuk menerangi dunia manusia yang gelap.

Kita juga dibohongi tentang kedudukan sebenar bandar dalam hubungan antara "desa-bandar" ini. Bandar adalah pusat kuasa dan tadbir, nadi ekonomi, arena budaya ilmu dan tempat berkumpulnya manusia yang celek budaya dalam peradaban sesebuah masyarakat. Ringkasnya, apa sahaja yang berlaku di desa adalah kesan daripada percaturan ekonomi, politik, dan sosial yang bermula dan berpusat di bandar. Sejarah menjadi bukti kepada kenyataan ini.

Oleh itu, tanpa kita sedari, kita rabun akan segala tingkah laku dan tindak tanduk sebenar "bandar" dan "warga bandar". Umpamanya, dengan sekelip mata, melalui suatu pengisytiharan politik, demi memenuhi kepentingan kota dan warganya, Lembah Kelang tercipta sebagai suatu wilayah kemajuan bandar untuk menampung keperluan ibu kota negara, Kuala Lumpur.

Kampung, pekan, dan segalanya dalam kawasan ini ditelan oleh wilayah bandar Lembah Kelang. Harga harta dan tanah melambung. Dalam projek ini ramai warga desa terusir dan bertempiaran demi menghindar diri dari ditelan oleh kota yang cukup lapar, persis seekor naga dalam cerita-cerita dongeng Cina. Cerita "kota menelan desa" inilah yang tidak pernah kita dengar. Apa yang terjadi pada warganya, pun kita tak pernah tahu!

Dewan Masyarakat, September 1991.

39

Wawasan, Gagasan, Atau Projek 2020?

Beberapa teman merasa tidak senang apabila saya timbulkan baru-baru ini tentang masalah penggunaan istilah “wawasan”, terutamanya dalam konteks ungkapan “Wawasan 2020” yang kini bertaraf ungkapan magis di Malaysia. Masalah tersebut bukan berbentuk semantik semata-mata malah lebih dari itu.

Yang menarik kepada saya adalah variasi reaksi masing-masing terhadap hujah yang saya kemukakan menolak, pertamanya, penggunaan istilah “wawasan” sebagai terjemahan kepada istilah Inggeris *vision*, yang saya gantikan dengan “gagasan”; keduanya, menolak ungkapan “Wawasan/Gagasan 2020” dan menggantikannya dengan “Projek 2020”; dan ketiganya mengemukakan ungkapan “Gagasan, Malaysia Negara Maju” sebagai falsafah tunjang kepada “Projek 2020”.

Ada teman yang menolak terus semua saranan saya berdasarkan emosi taat setia yang cukup fanatik kepada pimpinan negara kita sekarang. Saya nyatakan kepada teman bahawa pastinya para pemimpin kita tidak mahukan suatu masyarakat pak turut. Malah ramai di antara mereka yang terkenal sebagai pengkritik sosial yang ultra sehingga ada yang dibuang dari parti dan ada yang pernah “bertapa” di Kemunting dengan restu ISA.

Ada juga teman yang setuju dengan hujah saya tetapi risau kalau “orang atas” tahu, maka akan “membahayakan kedudukan” saya nanti. Saya jelaskan kepada si teman bahawa pemimpin kita adalah sekumpulan manusia yang matang. Mereka senantiasa menerima apa saja ulasan dan kritikan, khususnya yang membina dan bukan yang “hentam keromo”.

Apakah sebenarnya kandungan hujah yang saya kemukakan untuk menolak istilah “wawasan” supaya diganti dengan “gagasan”,

menggantikan ungkapan "Wawasan 2020" dengan "Projek 2020", dan memperkenalkan ungkapan "Gagasan, Malaysia Negara Maju" sebagai falsafah tunjang "Projek 2020".

Pertamanya, perkataan "wawasan" terbina dari perkataan akar bahasa Jawa "wawas" yang bererti "fahaman atau tanggapan berkenaan sesuatu hal, pandangan, (atau) konsepsi" (*Kamus Dewan*, 1989, hlm. 1463).

Sedangkan istilah Inggeris *vision* yang dimaksudkan dalam ungkapan *Vision 2020*, yang disorot dari teks asal berbahasa Inggeris ucapan Perdana Menteri pada 28 Februari 1991 lalu, bererti "imaginative insight; statesmanlike foresight, sagacity in planning" (*Concise Oxford Dictionary*, 1982, hlm. 1200-1201).

Makanya, perkataan Melayu "gagasan", bererti "buah fikiran yang dijadikan saranan" (*Kamus Dewan*, 1989, hlm. 331), adalah lebih hampir maksudnya kepada perkataan Inggeris *vision* daripada perkataan "wawasan" yang digunakan sekarang. Justeru itu "Wawasan 2020" seharusnya diganti dengan "Gagasan 2020".

Keduanya, dalam sejarah politik dunia, penggunaan istilah *vision* atau gagasan tidak pernah diikatkan dengan sesuatu tanggal yang tepat sebagai Sasaran. Apa yang ingin dinyatakan oleh seseorang pemimpin apabila menggunakan istilah *vision* adalah idea futuristiknya yang umum tentang halacara pencapaian komuniti, bangsa, atau masyarakatnya di hari muka.

Konsep yang terikat kepada suatu tanggal yang pasti ialah konsep "projek", suatu konsep sekaligus alat analitis terpenting dalam usaha membawakan perubahan berencana (planned change) untuk sesebuah negara, seperti Malaysia. Konsep ini mengandungi "dasar" yang mendukungnya, ada "matlamat" dan "objektif" jelas yang menjadi sasarnya, ada "strategi" pelaksanaannya, ada teknik "penilaian" kuantitatif dan kualitatif guna mengukur jaya-gagal "projek" berkenaan, dan paling pentingnya ada *dateline*.

Dari segi bentuk, terdapat projek yang kecil, sederhana, dan besar tetapi tetap konkret sifatnya. Ada projek yang berjangka-pendek dan ada yang berjangka-panjang. Ada projek yang mahal dan yang murah, sama ada ongkos membiayainya atau kos sosialnya.

Sehubungan dengan itu saya sarankan slogan "Projek 2020" lebih tepat untuk mengungkap serta menyimpulkan apa yang dimaksudkan dalam ucapan Perdana Menteri kepada *Malaysian Business Council* pada 28 Februari lalu.

Ketiganya, pada hemat saya, "Projek 2020" itu pula mestilah

bertunjangkan sesuatu *vision* atau "gagasan" yang lebih besar, iaitu untuk menjadikan Malaysia sebuah negara maju. Justeru itu, tepat sekalilah untuk "Projek 2020" ini bertunjangkan "Gagasan, Malaysia Negara Maju" sebagai falsafahnya.

Teman saya juga bertanyakan mengapa perlu ini semua diubah sedangkan saranan yang saya telah kemukakan cuma berupa penyusunan semula kategori, bukan sesuatu yang substantif. Tidakkah nanti jadinya seperti "tikus membaiki labu"? Reaksi saya adalah seperti berikut.

Dalam tempoh sepuluh bulan setelah ungkapan "Vision 2020" atau, terjemahan tak tepatnya, "Wawasan 2020" dihebahkan ke seluruh negara ada beberapa perkembangan yang membimbangkan telah berlaku. Saya turunkan berikutnya satu contoh.

Seolah-olah sesuatu yang sayup dari pandangan, konsep "wawasan" ini masih kabur dan tidak jelas dari segi makna, tujuan, dan kandungannya kepada banyak pihak, termasuklah di kalangan golongan pemimpin birokrat awam dan pemimpin akademik di universiti tempatan.

Dalam keghairahan mereka untuk melaksanakan (projek) *Vision 2020* golongan ini telah menurunkan martabat konsep *vision* kepada *mission* (*Mission Impossible?*), suatu konsep yang moralistik dan militaristik sifatnya. Ini agak terpesong jauh dari makna dan harapan Perdana Menteri. Bayangkan berapa banyak lagi variasi tafsiran konsep ini yang dikembangkan sekarang!

Nampaknya konsep "projek" jugalah yang lebih mudah dihayati oleh semua pihak dan dirasakan lebih mampu untuk dilaksana dan dicapai pada tahun 2020. Kalau gagal dicapai sepenuhnya pada tahun 2020, seperti Dasar Ekonomi Baru pada akhir 1990, bolehlah dilanjutkan projek tersebut. Namun "Gagasan, Malaysia Negara Maju" tetap menjadi motivasi utama untuk melanjut usaha ini.

Dewan Masyarakat, Oktober 1991.

40

Dasar Pandang Timur dan ‘Etika Karaoke’

Dasar Pandang Timur telah dilancarkan lebih sepuluh tahun lalu oleh Dr. Mahathir Mohamed, beberapa bulan selepas beliau menjadi Perdana Menteri. Tujuan utama dasar ini dibentuk adalah untuk menyedarkan rakyat kita tentang betapa perlunya mencontohi negara-negara Asia Timur, seperti Jepun, Korea, dan Taiwan, dalam berbagai segi jika lau kita hendak maju sama.

Aspek kehidupan dari negara Asia Timur yang hendak diamalkan sangat-sangat di Malaysia ketika itu adalah etika kerjanya. Dihujahkan bahawa dengan tertanamnya etika kerja seperti ini akan meningkatlah produktiviti individu, kelompok, dan negara. Oleh yang demikian, faktor produktiviti bersama beberapa faktor lain yang setara pentingnya akan mendukung serta mengangkat Malaysia ke taraf negara maju industri.

Sayangnya sehingga kini suatu penilaian yang komprehensif tentang kejayaan serta keberkesanan Dasar Pandang Timur belum lagi dilaksanakan oleh mana-mana pihak. Seharusnya pelaksanaan setiap idea besar yang programatis yang melibatkan banyak pihak, seperti Dasar Pandang Timur, mesti disusuli dengan laporan yang sistematik dan terperinci.

Dalam hal ini, kedudukan Dasar Pandang Timur tak ubah seperti sejenis barang pakai habis di makmal. Apatah lagi dalam keadaan sekarang, Dasar ini sudah ditelan oleh suatu projek yang lebih besar dan lebih gagah gendangnya yang diberi nama “Wawasan 2020”. (Mungkin kita perlu gubal suatu “dasar” untuk menentukan nasib segala “dasar” yang telah dan akan diperkenalkan.)

Oleh yang demikian, ada baiknya jika kita nilai secara ringkas Dasar Pandang Timur ini dengan “cara kita, dari perspektif kita”. Apa

yang dimaksudkan di sini adalah meninjau pencapaian dasar ini dari bawah, khususnya daripada kaca mata rakyat terbanyak.

Ramai diantara kita tertanya-tanya, apakah yang terjadi pada "sistem pengurusan Jepun", *in-house unionism*, teknik QCC (*Quality Control Circle*), kegiatan bersenam setiap pagi, menyanyi sambil menaikkan bendera, dan berlagak bertopi serta berpakaian seragam waktu kerja? Nampaknya, semua kegiatan ini, yang ada kait mengait dengan usaha sedar pemerintah menanamkan unsur "etika kerja" Asia Timur, dengan tiba-tiba tidak lagi diperkatakan atau diberi perhatian, khususnya oleh pemimpin kita serta akhbar kepunyaan mereka.

Apakah Dasar Pandang Timur telah berjaya atau gagal? Mungkin usaha menanam unsur "etika kerja" Asia Timur itu belum lagi menghasilkan sesuatu yang boleh ditonjolkan. Mungkin juga usaha ini memerlukan masa yang panjang untuk dicapai. Tetapi ternyata kita tidak sabar.

Untuk menanam unsur budaya, seperti etika kerja, bukanlah semudah menanam tauge. Paksaan tidak menjanjikan kejayaan dalam hal ini. Malah "lain yang ditanam, lain yang tumbuh" juga merupakan suatu kemungkinan yang tidak dapat dielakkan berlaku dalam apa saja bentuk proses "peminjaman budaya".

Inilah yang terjadi dalam kes Dasar Pandang Timur kita; unsur budaya yang kita ingin pinjam lain, yang bertapak dan berakar umbi mekar lain pula. Yang kita idam-idamkan adalah "etika kerja" Jepun, yang merebak adalah "etika karaoke"nya. Yang satu dirancang dan dicanang tetapi belum ada tanda-tanda jelas pencapaiannya. Tetapi yang satu lagi datang dengan hiruk-piruk tanpa diundang dan telah segera menetap sebagai sebahagian unsur budaya kelas menengah Malaysia.

Soalnya mengapa dan bagaimana ini telah berlaku?

Menurut pandangan beberapa ahli sosiologi Jepun yang telah ditemubual, kemunculan karaoke adalah berkait dengan meningkatnya fenomena "keterasingan" (*alienation*) dalam masyarakat Jepun, khususnya selepas Perang Dunia Kedua. Semenjak berlakunya 'revolusi ekonomi industrial' pada tahun 1960-an di Jepun, fenomena keterasingan telah menikam semakin mendalam. ("Kara" ertiinya kosong dan "oke" ertiinya orkestra; "karaoke" ertiinya muzik instrumental).

Karaoke lah yang mengubat 'luka' masyarakat ini, yang cuba menahan arus proses *dehumanization* yang datang bersama gelombang perindustrian. Umpamanya, hanya melalui karaoke sahajalah setiap pekerja Jepun berpeluang menyuarakan keindividualan serta menegas-

kan identiti peribadinya, yang selama ini terpaksa dipendam untuk memberi keutamaan kepada identiti syarikat (*company identity*) tempat mereka mencari rezeki.

Maka berkaraoke bukanlah suatu kegiatan menunjuk bakat menyanyi. Ini terbukti kalau kita mengunjungi pusat-pusat karaoke di Jepun. Malah saya pernah minta "upah mendengar" dari seorang teman, pakar komputer, kerana nyanyiannya(?) lebih merupakan suatu "penyeksaan" ke atas diri saya dan bukan sesuatu yang "menghiburkan".

Karaoke, walaupun dilaksanakan berkelompok, pada asasnya telah wujud semata-mata untuk menghibur hati si individu yang menyanyi (atau berkокok!) pada ketika itu: suatu riadah psikologi melepas geram, suatu penyuaran identiti yang tertekan, dan suatu kegiatan meluah segala yang terbukti di kalbu. Nilai hiburan muzik untuk audien hampir tiada, kecuali sebagai pertunjukkan lawak jenaka amatuer yang tragik.

Industri karaoke di Malaysia telah tumbuh pesat semenjak Dasar Pandang Timur dilancarkan, seolah-olah menandingi pelaburan Jepun di Malaysia. Pada awalnya karaoke muncul di kelab-kelab eksklusif di kota-kota besar Malaysia yang selalu dikunjungi oleh para eksekutif Jepun. Kini karaokeisme sudah merebak ke pekan-pekan kecil, malah ke isi rumah anggota kelas menengah.

Bukan hanya lagu-lagu Jepun dan Inggeris yang didengarkan, malah lagu Mandarin juga. Kini lagu P. Ramlee dan Saloma pula berkumandang lantang di pusat karaoke di seluruh negara. Mungkin dikir barat dan boria lepas ini!

Apakah meningkatnya "etika karaoke" ini menunjukkan bahawa fenomena keterasingan juga sudah meningkat di Malaysia? Apakah peranan Dasar Pandang Timur dalam hal ini?

Dewan Masyarakat, November 1991.

41

Bukan Semua Boleh Dirancang

Semenjak empat dekad lalu Malaysia telah dikenal sebagai salah sebuah negara sedang membangun yang cukup berjaya merancang pembangunannya melalui suatu usaha yang dikenal sebagai "perubahan berencana".

Secara khususnya usaha ini telah dilakukan melalui suatu institusi sosial yang dikenal oleh para akademik dan birokrat sebagai "perencanaan pembangunan". Di Malaysia, Unit Perancangan Ekonomi di Jabatan Perdana Menteri dianggap oleh banyak pihak sebagai punca urat saraf yang menadikan usaha perancangan pembangunan negara selama ini. Sebenarnya banyak lagi jabatan dan institusi kerajaan dan bukan kerajaan yang turut terlibat dalam hal ini.

Namun demikian, sebaik mana sekalipun sesuatu usaha perancangan ia tetap merupakan suatu perancangan. Terlaksana atau tidaknya sesuatu yang dirancang adalah tergantung kepada banyak faktor. Maka adalah menjadi suatu kebiasaan untuk beberapa bahagian rencana yang dirancang tidak terlaksana, atau terlaksana tetapi tidak mencapai matlamat sepenuhnya. Terbatasnya pencapaian Dasar Ekonomi Baru adalah satu contoh konkret tentang kenyataan ini.

Untuk itu pemerintah telah mewujudkan suatu sistem maklum balas dan penilaian untuk mengesan rancangan yang terlaksana, setengah terlaksana, atau yang gagal langsung. Tetapi pencapaian sistem penilaian ini adalah terhad sifatnya, yakni sistem ini hanya menilai apa yang sudah dirancang dan tidak hal-hal yang di luar daripada skop ini, apatah lagi kalau sistem penilaian ini mementingkan angka-angka.

Ini memberi implikasi bahawa terlalu banyak hal dalam hidup kita ini yang tidak mampu direncanakan oleh sesuatu institusi perancangan

pembangunan, biar secanggih mana sekalipun institusi berkenaan. Ini bererti terlalu banyak hal dalam kehidupan manusia ini yang terlepas daripada usaha perencanaan tersebut, termasuk di Malaysia. Eloklah jika kita tidak mendewa-dewakan sangat idea "perencanaan pembangunan" itu.

Oleh yang demikian, kita janganlah terlalu cepat berpuas hati atau gembira kerana usaha merancang pembangunan di Malaysia sudah mendatangkan 'banyak' kejayaan kerana kita juga harus mengaku dengan berani bahawa kejayaan tersebut adalah suatu pencapaian yang terbatas sifatnya.

Kejayaan itu hanyalah merupakan pencapaian sebahagian daripada apa yang sudah terlaksana daripada apa yang sudah dirancang. Tetapi, seperti yang kita tahu, apa yang sudah dan boleh dirancang itu hanyalah riau-riau kecil daripada suatu gelombang perubahan sosial yang cukup besar.

Sehubungan dengan itu, pernahkah kita bertanya tentang, misalnya, di manakah letaknya masalah penagihan dadah, penderaan kanak-kanak dan rasuah dalam cakerawala perencanaan pembangunan negara kita? Adakah masalah-masalah ini merupakan kesan atau sebab dari usaha perencanaan tersebut? Adakah masalah berkenaan muncul, berganda, dan berlanjutan di luar usaha perencanaan pembangunan?

Untuk membantu kita cuba menjawab soalan-soalan tersebut perlu kita renungkan, biarpun seimbas lalu, maksud istilah "perubahan sosial", yang acap kali bermain di bibir kita semua. Perubahan sosial adalah suatu fenomena yang tidak dapat kita elakkan daripada berlaku. Ada di antara perubahan ini boleh kita jangka, rancang dan arahkan, seperti dalam konteks "perubahan berencana" dan "perencanaan pembangunan" yang disentuh sebentar tadi, tetapi sebahagian besarnya adalah di luar kawalan manusia. Malah cabaran terbesar kepada umat manusia adalah untuk meramal secara saintifik masa depan serta bentuk kesan perubahan tersebut.

Inilah suasana yang mendukung segala cita-cita yang terkandung dalam "Projek 2020" Dr. Mahathir Mohamed yang diisyitharkan hampir setahun lalu. Ternyata bahawa hanya sebahagian kecil sahaja daripada suasana ini yang benar-benar dalam kawalan kita.

Oleh yang demikian, sifat keterbatasan sebarang perencanaan adalah perkara yang paling utama kita harus sedari dalam percubaan berani lagi gigih kita untuk menguasai masa depan serta destini kita, khususnya dalam jangka waktu 30 tahun akan datang.

Kepada kelompok pak turut, untuk menyedari, berwaspada, malah

menyebut akan hal ini sahaja sudah dianggap negatif atau sebagai suatu kritikan tak adil terhadap pemerintah. Kita tidak perlukan "intellectual jaga" untuk idea "Wawasan 2020", misalnya. Memang tidak ada apa-apa yang mampu kita lakukan untuk menyelamatkan anggota-anggota kelompok ini dari kejumudan pekat mereka. Cuma saya pasti rakyat Malaysia selainnya bersetuju bahawa menyedari akan hakikat bahawa ada batasan dalam merancang pembangunan tidak bermakna yang kita bersifat pesimis buta atau menjadikan kita pengkritik rabun.

Di sebaliknya kesedaran inilah yang diperlukan untuk menyediakan kita menerima pelbagai bentuk kesan dan perubahan sosial yang dibawakan oleh perancangan berkenaan atau yang menjelma di luar skop perancangan tersebut.

Misalnya, masalah "keterasingan" (alienation) adalah masalah utama yang sering mengiringi proses pembangunan dan perindustrian, sama ada di negara membangun Barat atau di negara membangun baru seperti Jepun, Korea Selatan, Taiwan, dan Singapura. Pernahkah kita mahu melihat masalah penderaan kanak-kanak di Malaysia masa kini dalam konteks "keterasingan" ini? Kita kadang-kadang terlampau memberi fokus kepada "luka-luka" fizikal di badan kanak-kanak yang didera tetapi lupa bahawa yang mungkin luka parah adalah masyarakat kita sendiri!

Biarpun kita beria-ia menyatakan bahawa kita akan membentuk pembangunan mengikut "acuan Malaysia", soalnya "acuan" itu sendiri belum terbentuk. Usaha membentuk "acuan" inilah yang belum sudah-sudah dan terbukti tidak dapat dirancang.

Dewan Masyarakat, Disember 1991.

42

Myanmar yang Kita Kenal dan Tak Kenal

Sebilangan besar rakyat Malaysia memang kenalkan Myanmar, salah sebuah negara jiran kita. Soalnya sedalam manakah pengetahuan kita tentang jiran ini. Adakah sedalam pengetahuan kita tentang Singapura, Thailand, Jepun dan Amerika Syarikat? Atau, adakah pengetahuan kita agak ketinggalan waktu?

Sebenarnya hal ini jarang kita fikirkan malah mungkin juga tidak terlintas langsung. Oleh kerana itulah saya mengajak anda mengimbas tentang Myanmar yang sekian hari kian mendapat perhatian dunia supaya kita tidak pula merasa ketinggalan nanti.

Kita memang tahu serba sedikit tentang Myanmar, tetapi, apakah yang sebenarnya kita tahu mengenai Myanmar?

Ya, kita memang tahu bahawa rakyat Myanmar, seperti kebanyakan rakyat Malaysia, suka pakai kain pelekat atau sarung, yang mereka panggil *lungyi*. Kepada generasi tua kita yang pernah didera oleh tentera Jepun, Myanmar membawakan mimpi gerun tentang "jalan keretapi maut"nya.

Untuk mereka yang meminati bolasepak, khususnya Pesta Bola Merdeka, Myanmar dikenal sebagai jaguh bola atau pasukan lawan yang cukup liat lagi sukar untuk ditewaskan. Di setiap Sukan SEA pula, pelari jarak jauh Myanmar selalu merangkul medal emas.

Yang lebih pentingnya, sebelum jelapang padi di kawasan Projek Perairan MUDA, di Kedah dan KEMUBU, di Kelantan mengeluarkan hasil padinya, pada awal 1970-an, Myanmar berserta Thailand adalah dua pembekal beras utama untuk mengisi perut rakyat Malaysia, khususnya untuk kelas pekerja kita.

Inilah serba sedikit yang kita tahu atau masih ingat tentang Myanmar. Pustaka pengetahuan ini telah semakin merosot dari segi

kuantiti mahupun kualiti dalam dekad 1970-an kerana pada waktu itu pandangan seluruh dunia, termasuk Malaysia, telah tertumpu ke pentas politik di Indocina yang bergolak cukup hebat, khususnya menyaksikan drama *live* di kaca TV dari medan perang di Vietnam yang kemudiannya disusuli pula oleh perang saudara di Kampuchea.

Myanmar dan segala hal yang berkait dengannya telah dilupakan oleh dunia umumnya dan Malaysia khususnya semenjak itu. Maka tenggelamlah Myanmar dalam riuh rendah ini.

Kita tidak menyedari bahawa keadaan ekonomi dan politik di Myanmar semenjak rampasan kuasa 1962 yang dikepalai oleh Jeneral Ne Win telah semakin hari semakin merosot. Menjelang dekad 1970-an, Myanmar seolah-olah telah mengurung diri serta menutup pintu masuknya lalu memisahkan dirinya dari arus pergolakan politik antarabangsa.

Malah kuasa-kuasa besar dunia juga turut dibelakangi oleh Myanmar kerana Myanmar tahu bahawa tiada apa yang ingin diperebut oleh kuasa-kuasa tersebut darinya: tiada petroleum, uranium, emas, atau komoditi strategik lain. Ringkasnya, Myanmar bukan seperti Kuwait atau Panama dua negara yang cukup strategik dari segi ekonomi dan politik sekaligus menjadi rebutan semua kuasa besar.

Dalam pada itu, pemerintahan tentera Myanmar terus ingin menegakkan suatu bentuk negara bangsa yang mereka panggil sebagai "negara sosialis" biarpun terpaksa menggunakan corak pemerintahan yang pernah berbentuk kuku besi.

Dalam hal ini negara-negara ASEAN, termasuk Malaysia, telah menjadi seperti bisu dan rabun terhadap apa yang bergolak di Myanmar, tetapi riuh rendah macam peniaga di pasar lambak Chow Kit apabila membicarakan tentang Kampuchea atau Vietnam, kerana mengikut rentak tari dan telatah kuasa-kuasa besar, seperti Amerika Syarikat, Perancis, dan Britain.

Namun demikian, penentangan dalaman terus berlaku di Myanmar. Penentangan ini adalah terbuka dan bercorak prodemokrasi dan telah berlaku semenjak awal 1960-an lagi dengan para pelajar di barisan hadapan. Pada 1962, para pelajar telah bangun menentang rampasan kuasa pihak tentera; pada tahun 1974, berkait dengan pengkbumian jenazah U Thant bekas Setiausaha Agong Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu; dan pada 1988, apabila para pelajar menuntut pemulihian semula pemerintahan demokrasi awam melalui pilihanraya umum.

Untuk menghadapi penentangan dalaman ini Myanmar telah melengkap diri dengan peralatan senjata termoden yang dibeli dari

China dan negara komunis Eropah Timur. Hampir 2 ribu juta ringgit dibelanjakan untuk keperluan ini biarpun kemiskinan desa di Myanmar semakin tenat dan memerlukan peruntukan kewangan yang cukup besar.

Tetapi gelombang perubahan dan perombakan kuasa di Blok Komunis di Eropah pada akhir dekad 1980-an, khususnya di Jerman, telah sampai jua anginnya ke Myanmar. Semacam memerlukan sebuah wajah yang baru, sesuai dengan aliran perkembangan sedunia, nama Burma telah pula ditukar ke Myanmar. Pada Mei 1990 lalu suatu pilihanraya umum telah berlangsung untuk memilih wakil rakyat yang bakal menerajui pimpinan demokrasi awam di Myanmar untuk mengganti rejim tentera yang memerintah.

Itu adalah janji yang dibuat oleh junta tentera di Myanmar, yang juga telah menurunkan calon-calonnya untuk bertanding di seluruh negara. Tetapi hampir kesemua calon ini telah tewas. Sebahagian besar kerusi telah dibolot oleh sebuah parti politik baru yang diketuai oleh seorang wanita, iaitu Puan Aung San Suu Kyi, anak perempuan bekas pemimpin pertama Myanmar selepas dimerdekaan oleh Inggeris.

Pimpinan tentera Myanmar kemudiannya enggan menuaikan janji untuk mendirikan sebuah kerajaan awam berdasarkan keputusan pilihanraya tersebut. Di sebaliknya Puan Aung San Suu Kyi telah pula ditahan tanpa bicara dan dikurung di sebuah tempat rahsia semenjak mencapai kemenangan dalam pilihanraya tersebut kerana dianggap berbahaya kepada kestabilan politik Myanmar.

Baru-baru ini Puan Aung San Suu Kyi telah dianugerahkan Hadiah Nobel untuk Keamanan. Sekali lagi seluruh dunia diperingat tentang apa yang berlaku di Myanmar. Namun ASEAN masih berdiam diri dan Malaysia terus membisu.

Apakah Malaysia masih jaguh kepada negara-negara Dunia Ketiga?

Dewan Masyarakat, Januari 1992.

43

Bayangan Wajah Kapitalis Bumiputera 2020

Menurut sebahagian besar peserta, ucapan Perdana Menteri, Dr. Mahathir Mohamad, ketika merasmikan Kongres Ekonomi Bumiputera Ketiga pada 10 Januari 1992 lalu adalah cukup menarik kerana beberapa sebab penting.

Pertamanya, ucapan tersebut merupakan suatu laporan sekaligus penilaian ringkas bersifat makro tentang pencapaian serta prestasi kaum Bumiputera dalam konteks perlaksanaan Dasar Ekonomi Baru (DEB), sebuah dasar yang sebahagian besar isinya adalah untuk kaum Bumiputera.

Keduanya, beliau telah membedah, mendedah serta membuka luas, untuk dilihat oleh semua pihak, segala permasalahan yang telah dan sedang dihadapi oleh golongan kapitalis Bumiputera sambil melontar pandangannya ke tahun 2020 lalu memberikan kita sedikit bayangan tentang wajah masa depan kapitalis Bumiputera, yang kini dikenal secara formal sebagai "Masyarakat Perdagangan dan Perindustrian Bumiputera" (MPPB), pada 2020 nanti.

Ketiganya, sesuai dengan kelayakan profesionalnya sebagai seorang doktor perubatan, cara Dr. Mahathir membedah masalah yang telah dihadapi oleh usahawan Bumiputera adalah menarik kerana sifatnya yang cukup klinikal, sama ada dari segi idiom dan simbolisme mahupun dari segi preskripsi. Ringkasnya, kepada Dr. Mahathir "setiap penyakit, ada ubatnya", "cari punca penyakit, jodohkan dengan ubat yang secocok, sembuhlah penyakit", tetapi kesemua ini mestilah dilakukan hanya oleh mereka yang bertaraf "pakar" sahaja.

Keempat, melalui ucapan Dr. Mahathir ini, kerajaan untuk pertama kalinya telah memperakarkan secara terbuka betapa besarnya keuntungan yang telah diperoleh oleh usahawan bukan Bumiputera dari DEB,

walaupun selama ini sebahagian besar pihak bukan Bumiputera telah beria-ia menafikan hal ini. Maka peranan kapitalis bukan Bumiputera adalah cukup penting dalam proses pembentukan kapitalis Bumiputera.

Oleh yang demikian, kalau dilihat semata-semata dari segi teknikal, ucapan Dr. Mahathir ini lebih merupakan sebuah kertas kerja dari pihak kerajaan yang meluahkan segala apa yang selama ini terbukti di hati kerajaan tentang kapitalis Bumiputera, sambil menggariskan langkah yang akan diambil oleh kerajaan di masa depan.

Seperti biasa, berbagai reaksi peribadi telah dihamburkan oleh para peserta kongres terhadap ucapan Dr. Mahathir. Ramai yang memberi pujian dan ada juga pihak yang memberikan reaksi yang agak kritis, biarpun secara bisik-bisik.

Kebanyakan pujian telah dilaporkan dengan panjang lebar dalam akhbar-akhbar tempatan. Tetapi, seperti yang dijangkakan, tiga perkara yang menjadi asas reaksi kritis tersebut telah tidak dilaporkan oleh pemberita-pemberita kita.

Perkara pertama berkait dengan hal sejarah. Dalam bahagian awal ucapannya Dr. Mahathir mengatakan bahawa "... Sebelum negara mencapai kemerdekaan, penyertaan dan penglibatan orang Melayu dalam aktiviti ekonomi boleh dikatakan tidak wujud sama sekali ..." lalu kemudiannya beliau menyentuh apa yang berlaku di zaman penjajahan Inggeris.

Ada di antara peserta bertanya: tidak ada langsungkah orang Melayu yang terlibat dalam aktiviti ekonomi ketika kegemilangan kesultanan Melaka dipuncaknya, yakni hampir lima ratus tahun sebelum Malaysia mencapai kemerdekaan? Apakah tidak ada kelompok usahawan Melayu ketika itu?

Para peserta berkenaan agak bingung kerana buku sejarah sekolah rendah dan menengah kita jelas merakamkan tentang kewujudan komuniti usahawan Melayu yang cukup aktif pada zaman tersebut.

Mereka mengingatkan juga bahawa selama 1500 tahun sebelum kuasa Eropah sampai ke Alam Melayu tamadun Dunia Melayu telah membesar dalam suasana pelayaran dan perdagangan yang cukup aktif lagi masyhur prestasinya. Perombakan segala pencapaian dari tradisi ini bermula pada abad ke-16 setelah bertapaknya pemerintahan Eropah. Di Malaysia, pembinaan kembali secara sedar tradisi ini hanya dilakukan selepas peristiwa 13 Mei.

Suatu kelompok peserta yang lain agak keliru dengan kenyataan Perdana Menteri yang berbunyi, "ekonomi Bumiputera dan bukan Bumiputera mestilah diintegrasikan untuk mengelakkan perasaan iri

hati bagi mana-mana pihak." Mereka bertanya sesama sendiri, apakah benar-benar wujud dualisme ekonomi berdasarkan kaum di Malaysia, yang kedua-dua bahagiannya benar-benar terpisah sehingga perlu diintegrasikan semula?

Yang agak pandai di antara mereka menjawab, "Kalau dualisme ekonomi ini betul-betul wujud masakan istilah *sleeping partner* itu relevan?"

Tetapi suatu kumpulan usahawan Bumiputera yang muda belia paras wajah mereka telah pula menyuarakan suatu kegundahan yang agak serius. Mereka mendakwa bahawa kedudukan mereka sebagai usahawan belum benar-benar kukuh. Oleh yang demikian keanggotaan mereka dalam komuniti usahawan Bumiputera pun belum lagi terjamin.

Lalu mereka bertanya, "apakah harapan kami nak menjadi anggota MPPB? Tentunya kelab MPPB cukup eksklusif dan keanggotaannya hanya untuk yang terpilih? Tak adalah peluang kami nak masuk 'Kelab Kapitalis Bumiputera 2020' itu nanti?", kata seorang bekas Marxis di kalangan usahawan muda tadi.

Tetapi, ada satu soalan yang langsung tidak ditanyakan dalam Kongres Ekonomi Bumiputera kali ini; "apakah akan jadi pada Bumiputera bukan usahawan yang berjuta bilangannya di seluruh negara?".

Dewan Masyarakat, Februari 1992.

44

Reformasi Sistem Persekolahan Untuk Wawasan 2020

Dalam ucapan bersejarahnya pada 28 Februari 1991 lalu, Dr. Mahathir telah menyentuh pelbagai hal yang pada fikiran beliau relevan untuk menegakkan serta memperkuuh projek Wawasan 2020 yang dianjurkannya. Salah satu hal yang disentuhnya adalah berkenaan pendidikan.

Menurut beliau, "Malaysia mempunyai salah satu sistem pendidikan yang terbaik di Dunia Ketiga. Namun sebagai bekal kita mengharungi perjalanan pada generasi yang kedua ini, piawaiyan yang baru hendaklah ditetapkan dan matlamat baru hendaklah dicapai."

Pada hemat saya, kenyataan Dr. Mahathir itu memang agak sukar untuk dipertikaikan. Cuma soalnya, kalaular projek Wawasan 2020 hendak menjadikan Malaysia sebuah negara industri membangun, apakah memadai untuk mempertahankan kedudukan *the best* di kalangan Dunia Ketiga?

Maksudnya, dengan mempunyai "salah satu sistem pendidikan yang terbaik di Dunia Ketiga" dan hanya meningkatkan piawaiannya ke paras yang baru dengan satu matlamat baru belum menjamin yang kita akan mampu melakukan "lompatan ekonomi dan sosial" yang diperlukan untuk menjadikan Malaysia sebuah negara maju industri apabila fajar menyingsing pada 1 Januari 2020 nanti.

Apa yang kita perlukan adalah sesuatu yang lebih radikal, suatu reformasi besar dalam sistem pendidikan kita. Reformasi ini harus bermula dengan mengubah sistem persekolahan kita yang ada sekarang dari dua sesi, yakni sekolah pagi dan petang, kepada satu sesi sahaja, sekolah pagi yang disokong oleh suatu program pendidikan susulan yang sesuai selepasnya.

Kalau langkah berani seperti ini tidak dilakukan maka harapan Dr. Mahathir untuk menyaksikan wawasan agungnya menjadi suatu kenyataan, melalui pencapaian "... taraf yang setinggi-tingginya dari segi ketampilan para rakyat kita, dari segi penghargaan mereka akan kemahiran dan pengetahuan serta kemajuan diri, dari segi kemampuan berbahasa, dari segi sikap mereka terhadap kerja dan disiplin, dari segi motivasi mereka terhadap pencapaian, sikap mereka terhadap kecemerlangan dan terhadapan mendorongkan semangat keusahawanan ..." akan terdampar di pantai bernama KEGAGALAN.

Setiap anggota kumpulan negara membangun G7, termasuk Jepun, mengamalkan sistem persekolahan satu sesi. Sistem inilah yang telah mereka perakukur sebagai salah satu tunjang terpenting yang telah mendukung usaha mereka mengasuh serta menyediakan suatu masyarakat yang cukup matang untuk menerima pembangunan pesat yang mereka nikmati selama ini.

Bukanlah suatu kebetulan pula yang sistem satu sesi juga adalah menjadi amalan negara Korea Selatan, Taiwan, Hong Kong, dan Singapura yang dikenal sebagai NICs (The Newly Industrialised Countries) yang ingin sangat kita contohi.

Biarpun ongkos yang terlibat dalam melaksanakan sistem ini memang mahal tetapi setiap negara berkenaan menganggapnya sebagai suatu bentuk pelaburan jangka panjang yang cukup perlu lagi menguntungkan. Malah kini sudahpun membawa hasil untuk mereka.

Logiknya, kalau tidak melabur masakan ada pulangan? Nah, lihat sahaja pulangan yang mereka nikmati melalui pelaburan mereka yang cukup banyak dalam sistem persekolahan satu sesi yang dimaksudkan.

Sebelum kita melaksanakan sistem persekolahan satu sesi ini suatu perancangan yang cukup rapi tentang konsep serta cara pelaksanaannya mestilah dilakukan. Kita mempunyai tenaga mahir lagi berpengalaman untuk melakukan perancangan ini seterperinci yang boleh: daripada menghitung berapakah bilangan batu bata yang diperlukan untuk membina semua bangunan baru sekolah di seluruh Malaysia, sehingga ke berapa bungkus mee-hoon yang harus disediakan untuk makanan tengah hari bagi para murid yang akan terus mengikuti program pendidikan susulan pada waktunya petangnya.

Dengan adanya sistem ini bererti ibu bapa tidak perlu memikirkan "siapakah yang akan menjemput anak saya dari sekolah pagi dan menghantar yang bersekolah petang kalau bas mereka tidak datang?" Justeru itu mereka boleh terus menumpukan konsentrasi kepada pekerjaan mereka. Barulah kemungkinan untuk mereka meningkatkan

produktiviti kerja masing-masing menjadi sesuatu yang boleh dicapai. Maka slogan "budaya kerja" yang sering dilaungkan akhir-akhir ini akan menjadi suatu kenyataan.

Bayangkan juga betapa banyak guru baru yang diperlukan. Mungkinkah ini caranya menyelesaikan pengangguran siswazah? Bayangkan berapa puluhkah pula maktab perguruan yang perlu didirikan? Berapa ratuskah pula bangunan sekolah baru yang mesti ditegakkan? Padang bola baru, taman rekreasi baru, kantin baru, asrama baru, peralatan baru, kerusi bangku baru, dan ribuan macam barang yang kecil dan yang besar yang diperlukan untuk melengkapi sesebuah sekolah. Kesan *multiplier* dari reformasi ini tak mudah hendak dibayangkan tetapi cukup mengagumkan nanti dan akan pula melimpah ke semua sektor dalam ekonomi kita.

Yang lebih penting, para murid tidak perlu lagi berhimpit-himpit macam ikan sardin dalam setiap kelas masing-masing, yang kini pada puratanya dipudatkan dengan 40 ke 50 orang murid setiapnya, sama ada di sekolah bandar atau desa. Alangkah nyamannya persekitaran pembelajaran untuk setiap murid tersebut kalau kelasnya hanya sebesar 15 ke-20 orang murid sahaja?

Ini bukan suatu impian kosong, malah ianya merupakan suatu kenyataan yang boleh kita saksikan di setiap negara maju industri hari ini. Mungkin sistem KBSR dan KBSM kita hanya boleh berjalan dengan berkesan dalam keadaan yang dihuraikan tadi dan tidak dalam persekitaran sistem persekolahan kita sekarang.

Sesiapa pemimpin yang dapat menjadikan program reformasi sistem persekolahan yang disarankan ini sebagai suatu kenyataan di negara kita, nama beliau akan terpahat dalam sejarah Malaysia dalam tinta emas.

Dewan Masyarakat, Mac 1992.

45

Raja Hamba, Hamba Raja

Wujud hubungan yang berbentuk *Catch 22* antara raja-raja Melayu dan UMNO. Hubungan ini cukup rumit dan bermasalah sifatnya. Mungkin tulisan Chamil Wariya *Politik dan Raja* (1992) dan J.M. Gullick *Rulers and Residents* (1992) dapat memberikan latar belakang historis dan semasa yang lebih terperinci tentang hubungan tersebut.

Dari satu segi, UMNOlah yang mengembalikan kuasa raja-raja Melayu setelah dipindahkan ke tangan raja British melalui projek Malayan Union 1946. Namun kedudukan mereka selepas itu telah berubah corak. Raja-raja Melayu semenjak Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu 1948 hanyalah merupakan satu daripada beberapa 'alat pemerintahan' dalam sistem demokrasi berparlimen dan raja berperlembagaan yang diamalkan selepas itu.

Dari satu segi lain, UMNO memerlukan sangat-sangat raja-raja Melayu sebagai simbol politik untuk beberapa sebab, dan raja-raja Melayu pula sedar akan keadaan ini.

Pertamanya, UMNO perlukan simbol politik ini untuk mendapat sokongan dan undi orang Melayu dalam menghadapi cabaran kuat parti pembangkang, khususnya dari parti Melayu sendiri, seperti PAS. Dalam hal ini, slogan "taat setia" dan "Melayu bersatu", yang digunakan oleh UMNO, adalah bersandarkan konsep "daulat" dan "wibawa tradisional" raja-raja Melayu.

Keduanya, UMNO juga memerlukan simbol ini untuk menegakkan ideologi "ketuanan Melayu" dalam menghadapi cabaran politik parti pembangkang bukan Melayu. Ini diperlukan sangat-sangat kerana sifat politik kepartian di Malaysia masih etnik.

Ketiga, berpunca dari konsep "ketuanan Melayu", yang berlandaskan wibawa raja-raja Melayu, terpancar pula konsep "bumiputeraisme" yang lebih ekonomik sifatnya. Berwahanakan "bumiputeraisme",

UMNO, melalui rencana lima tahun Malaysia, telah berjaya membuka luas ruang baru dalam alam ekonomi Malaysia, yang selama ini bukan dalam kawalan orang Melayu.

Oleh yang demikian, ada juga benarnya kenyataan yang mengatakan bahawa hubungan antara UMNO dan raja-raja Melayu adalah suatu hubungan yang simbiotik sifatnya, yakni satu pihak tak boleh hidup tanpa yang satu lagi.

Apabila timbulnya krisis yang agak tajam antara dua golongan tersebut baru-baru ini banyak pihak yang merasa gundah kerana ramai yang bimbang akan kemungkinan merebaknya masalah ini tanpa dikawal ke bahagian lain masyarakat.

Dari segi ini, pandangan orang ramai tentang hal seserius ini tidak pernah ingin diambil tahu atau didengar. Yang kedengaran lantang adalah suara dari golongan elit Melayu, UMNO dan bukan UMNO, atau suara dari istana. Adalah menarik kalau kita tinjau pandangan umum tentangnya, terutama pandangan bukan Melayu.

Beberapa pihak di kalangan kaum bukan Melayu, sama ada di Semenanjung, Sabah, atau Sarawak, sebenarnya tidak terperanjat dengan berlakunya ketegangan hubungan yang agak keras kali ini antara UMNO dan raja-raja Melayu. Mereka tahu bahawa hubungan ini sudah lama tegang, semenjak 1983 lagi, apabila terjadinya "krisis perlombagaan".

Mereka juga percaya bahawa ketegangan ini adalah bersifat kelas yang berpunca dari pertentangan antara sesama anggota kelas berada Melayu, khususnya antara golongan raja dan golongan bukan raja yang ada pula kait mengait dengan UMNO, untuk merebut habuan DEB yang melimpah-limpah banyaknya semenjak awal 1970-an.

Dalam merebut habuan DEB ini kedua-dua pihak menggunakan "bumiputera" sebagai ungkapan sakti persis ungkapan *abrakadabra* untuk membuka gua korporat yang kaya raya. Soalannya, siapakah yang lebih "bumiputera", raja-raja Melayu atau pemimpin UMNO dan penyokongnya?

Raja-raja Melayu dan anggota kerabat mereka adalah kecil dari segi bilangan. Tetapi mereka dikatakan besar kuasa, pengaruh, dan telah pula meraih kekayaan yang jauh lebih besar kuantitinya dari apa yang mampu dikumpulkan oleh golongan berada Melayu yang bukan raja dari habuan DEB. Sedangkan golongan berada Melayu ini mempunyai anggota yang jauh lebih besar bilangannya.

Pada hemat setengah pihak di kalangan kaum bukan Melayu, keadaan tersebutlah yang menjadi punca ketegangan antara UMNO dan

raja-raja Melayu semenjak 1983. Apakah analisis ini tepat?

Memang ada benarnya apa yang telah dihujahkan dalam analisis berkenaan tetapi pada keseluruhannya belum memuaskan kerana faktor budaya, di samping faktor kelas, juga adalah cukup penting dalam usaha menganalisis krisis UMNO dan raja-raja Melayu.

Faktor budaya dalam konteks ini bukan hanya merupakan ideologi semata-mata tetapi melibatkan perilaku serta amalan sehari-hari dalam kehidupan bermasyarakat orang Melayu. Amalan ini pula berpaut kuat kepada unsur feudalisme yang masih mendasari etos Melayu moden.

Misalnya, perasaan "jiwa hamba" yang terjelma dalam perbuatan "suka beralah" dan "rendah diri" terus menghambat orang Melayu sehingga, pada suatu waktu dulu, Musa Hitam terpaksa menganjurkan supaya orang Melayu "kurang ajar" kalau hendak maju atau kalau mereka inginkan pendapat mereka didengar. Dr. Mahathir Mohamad, dalam bukunya *Malay Dilemma* (1970), ada menyentuh perkara seperti ini.

Tetapi dalam suatu suasana lain, seperti dalam menegakkan kebudayaan Melayu sebagai teras kebudayaan nasional dan budaya pelancongan di Malaysia, "budaya istana" sangat diperlukan sebagai landasan, malah untuk diagung-agungkan secara besar-besaran guna ditontoni oleh dunia, melalui suatu proses yang dipanggil *re-invention of tradition*. Lihat sahaja buktinya di negeri Melaka sekarang!

Dilema seperti inilah yang dimaksudkan oleh ungkapan "raja hamba, hamba raja".

Dewan Masyarakat April 1992.

46

Membina Kelincahan Mental

Dalam sejarah politik dunia moden, khususnya di Dunia Ketiga, masyarakat Malaysia menduduki suatu tempat teristimewa. Malaysia merupakan satu-satunya negara yang nampaknya cukup jelas tentang apa yang diinginnya pada masa depan, terutamanya di abad 21 yang akan segera menjelang, melalui proklamasi Wawasan 2020-nya.

Soalnya bagaimanakah kita hendak menjadikan cita-cita futuristik ini suatu kenyataan. Ini perlu kita cari resipinya dari sekarang.

Kita boleh menjadi ghairah dan tenggelam dalam uforia Wawasan 2020 ini kerana status ungkapan ini sudah menjadi suatu slogan popular yang sering digunakan semata-mata untuk kepentingan peribadi dan perniagaan. Maka kini wujud berbagai bentuk perniagaan yang diberi nama dengan mengambil sempena Wawasan 2020, seperti "Syarikat Video Vision 2020", "Kelab Permainan Snuker 2020", "Salun Uniseks 2020", "Kedai Cermin Mata 2020", dan "Warung Tom Yam 2020".

Sebenarnya, prasyarat terutama dalam usaha kita ini adalah untuk membina kelincahan minda kerana hampir kesemua tindakan manusia adalah bermula dari mindanya, yakni dengan menggunakan akal. Oleh itu hanya melalui mental yang aktif dan akal yang lincah sahaja sesuatu pentafsiran yang bermakna tentang apa saja idea dapat dilakukan dengan kreatif lagi konstruktif.

Sudah terbukti dalam sejarah dunia bagaimana kelincahan minda menjadi anak kunci kepada manusia seperti Francis Bacon (1561-1626). Beliau telah menanamkan benih pemikiran saintifik di Barat sehingga mewujudkan suatu revolusi bukan sahaja dalam bentuk pemikiran tetapi juga dalam bentuk praktiknya. Berpunca dari kelincahan mental beliau inilah lahirnya era sains dan teknologi.

Tradisi kelincahan minda ini berlanjutan kemudiannya sehingga

membuahkan pula Revolusi Industri. Revolusi ini, yang bermula pada pertengahan abad ke-18 lalu, masih belum selesai hingga sekarang. Malah Malaysia bercita-cita untuk mencapai taraf negara membangun industri di abad 21, hampir 300 ratus tahun selepas revolusi ini bermula di Eropah.

Apakah pula bentuk riadah mental yang wajib dilakukan untuk membina, memupuk dan menjamin perlanjutan kelincangan minda kita, sesuatu yang sangat-sangat diperlukan pada waktu ini guna membina suatu masa depan yang cerah untuk Malaysia?

Nampaknya hanya satu cara sahaja yang terbukti boleh mewujudkan kelincahan mental iaitu melalui suatu riadah mental bernama "pemikiran kritis", atau *critical thinking*.

Tetapi kepada mereka yang berfikiran cetek di kalangan kita menanggap "berfikiran kritis samalah dengan mengkritik kerajaan." Ini merupakan suatu usaha tidak langsung yang cuba menutup pintu pemikiran kritis kita. Sebenarnya mereka tidak mampu membezakan antara "pengkritik" dan "tukang cacat".

Si "pengkritik" berpijak di atas landasan falsafah yang jelas berpandukan ciri skeptis terhadap sebarang perilaku manusia: yang benar digalakkan, yang tidak benar diperbetul, dan yang sama sekali salah dinyahkan. Justeru ada wajah konstruktif dan sifat kreatif dalam kritikannya. Memperjuang dan menegakkan kebenaran adalah matlamat asas serta terakhirnya.

Si "tukang cacat" pula kerjanya tidak lain dan tidak bukan adalah untuk mencari salah untuk kemudiannya dicerca-cacat. Ini adalah kepakaran kebanyakkan 'soldado upahan' politik ketika pilihanraya berlangsung. Seperti bermain takraw, setiap cercaan tersebut adalah bersifat "lipat maut" kerana tujuannya adalah untuk mendapatkan mata, atau *scoring*. Kebenaran tidak ada dalam minda dan daftar kata si "tukang cacat".

Oleh itu, apakah yang dimaksudkan dengan pemikiran kritis? Pemikiran kritis merupakan suatu cara berfikir tentang dunia sosial. Dunia ini cukup rumit sifatnya; ada aspek abstraknya dan ada pula aspek konkritisnya, dan kita semua adalah anggotanya. Anak kunci yang membolehkan kita berfikir sedemikian adalah kemampuan kita untuk melepaskan diri dari cengkaman sehari-hari dan kemudiannya pula "terbang ke angkasa lepas", dengan menggunakan minda serta imajinasi semata-mata. Persis seorang *astronaut*, kita kemudiannya menoleh dan melihat kembali ke arah dunia sosial tadi secara *detached*, atau terpisah, biarpun sejenak.

Dari situ akan ternampak suatu gambaran yang total tentang dunia sosial itu. Maka terpancarlah suatu pemahaman yang bermakna dari pemandangan ini tentang jaringan hubungan sosial yang tersulam rumit yang merangkaikan individu, masyarakat, dan negara. Dari sudut itu kita juga akan melihat keseluruhan sejarah yang menjadi latar belakang hidup kita bermasyarakat selama ini. Kita akan saksikan juga betapa sementara dan rapuhnya segala unit sosial, hubungan sosial, negara bangsa, dan segala-gala yang terbendung dalam dunia sosial itu.

Dalam kata lain, sekecil-kecil perkara ada kait-mengaitnya dengan hal yang besar-besar. Sebesar-besarnya hal tidak boleh menjadi besar kalau tidak dibina dari perkara-perkara kecil yang menjadi batu-batannya. Tali menali halus yang menjadi asas sulaman perkara-perkara makro dan mikro akan menjadi lebih jelas kepada kita kalau dilihat dalam perspektif sejarah, kerana sejarah selalunya membuka berbagai pintu mistri sosial. Yang lebih penting kita akan dapat juga melihat betapa setiap hal dan fenomena dalam dunia sosial ini tidak wujud dalam kekosongan.

Inilah yang dimaksudkan dengan pemikiran kritis, suatu cara berfikir yang lebih matang dan luas latar pandangannya. Disamping itu pembentukan fikiran tersebut adalah diasaskan kepada fakta-fakta kukuh, pengetahuan sejarah yang baik, pembacaan yang luas dan semangat ingin menegakkan kebenaran. Pemikiran berbentuk inilah yang kita dahagakan sangat-sangat sekarang.

Dewan Masyarakat, Mei 1992.

47

Profesor Nostalgia

Dari segi sejarah, penubuhan universiti adalah suatu tradisi baru di kebanyakan negara membangun, terutamanya di Asia dan Afrika. Tradisi ini selalunya diperkenalkan oleh pemerintah kolonial dan kemudiannya menjadi ikutan negara pasca-kolonial.

Di beberapa buah negara berkenaan usaha membangunkan sesebuah universiti telah datang bersama alunan gelombang perjuangan nasionalis, malah menjadi salah satu teras serta matlamat mercu perjuangan tersebut. Misalnya di Malaysia, cita-cita untuk mewujudkan sebuah universiti yang menggunakan bahasa Melayu sebagai bahasa pengantar merupakan salah satu agenda terpenting beberapa kelompok golongan nasionalis Melayu dalam tahun 1920-an.

Apabila negara-negara yang disebut tadi mencapai kemerdekaan mereka maka tumbuhlah, macam cendawan busut, universiti yang dimaksudkan; ada yang dibiayai oleh pemerintah dan lebih banyak yang didirikan oleh golongan pemodal swasta. Pelancaran universiti ini selalunya diiringi oleh berbagai bentuk pesta politik yang riuh rendah kerana dianggap sebagai simbol “kematian” penjajahan dan “kelahiran” cita-cita nasionalis yang selama ini terpendam.

Adalah juga menjadi suatu kebiasaan untuk universiti-universiti berkenaan bertukar wajah menjadi arena dalam persaingan politik tempatan dijelaskan, seperti ahli akademik lawan birokrat, teknokrat lawan intelektual, ahli politik lawan ahli kritik, dan ahli teori lawan ahli praktikal. Akhirnya kebanyakan universiti ini telah pula menjadi kancang pergelutan politik yang sengit lagi merugikan.

Dalam suasana hiruk-piruk politik inilah soal-soal akademik dikesampingkan sehingga hanya bersifat retorik dan slogan. Yang lebih dipentingkan pada waktu itu, secara sedar atau tidak, adalah kriteria “jasamu dikenang” apabila memilih orang yang bakal meneraju

pimpinan akademik dalam universiti berkenaan. Ini bertepatan dengan fungsi universiti sebagai satu cara mengisi cita-cita nasionalis tadi.

Pemilihan profesor, jawatan yang terpenting di universiti, juga dipengaruhi oleh kriteria "jasamu dikenang" ini. Tanpa kewibawaan serta kredibiliti ilmiah dalam bidang pengajiannya, seseorang ahli akademik boleh dilantik menjadi profesor sebagai "mengenang jasanya".

Oleh itu bolehlah disimpulkan bahawa si profesor berkenaan wujud atas asas yang berupa nostalgik semata-mata. Justeru itu bertepatan sekalilah kalau profesor seperti ini digelar sebagai "profesor nostalgia".

Yang lebih menyedihkan, ada di antara profesor ini yang tidak sedar bahawa perlantikan mereka itu bukan atas dasar kehebatan prestasi ilmiah tetapi atas pertimbangan politik populis semata-mata. Namun mereka terus berlagak sebagai "sarjana agung" sedangkan yang mampu mereka hasilkan selama hidupnya di universiti sehingga pencen hanyalah beberapa buku teks sekolah rendah atau menengah. Itu pun mereka tidak mampu hasilkan secara individual dan terpaksa dilakukan secara berkelompok bersama teman sejawat yang lebih muda.

Fenomena ini terdapat di banyak universiti Dunia Ketiga, sama ada di Afrika, Asia, mahupun di wilayah Kepulauan Pasifik. Malah ketua terbesar sesebuah universiti selalu diberikan kepada tokoh politik atau anggota golongan aristokrat, yang tinggi nilai "pamerannya". Mereka dipamerkan sebagai simbol kuasa bukan sebagai simbol kehebatan intelektual dan ilmiah, ciri-ciri unggul yang harus dijunjung oleh sesebuah universiti.

Malaysia juga mempunyai ramai "profesor nostalgia" ini. Nasib baik sebahagian besar daripada mereka sudah bersara dan hanya sekumpulan kecil yang masih di universiti dan berkuasa pula. Ini cukup merisaukan majoriti ahli akademik muda di Malaysia yang selama ini merasa begitu tertekan dari segi ilmiah dan politik.

Ramai ahli akademik generasi baru ini berharap dengan pengenalan Sistem Saran Baru (SSB) kerajaan semenjak awal 1992 lalu akan memastikan berlakunya penyaringan yang lebih baik dalam pemilihan profesor. Pastinya kriteria "jasamu dikenang" tidak akan menjadi faktor utama menilai layak tidaknya seseorang calon dilantik sebagai profesor. Prestasi akademik akan menjadi faktor terpenting dalam proses penilaian dan pemilihan tersebut.

Namun ada beberapa kumpulan di universiti tempatan tidak senang dengan kemungkinan menularnya faktor politik berbentuk lain, seperti

patronej, nepotisme, atau paternalisme, dalam sistem penilaian SSB yang dianggap cukup subjektif.

Yang ditakuti juga adalah kemunculan semula unsur-unsur feudal, seperti "taat setia tidak berbelah bagi kepada ketua", "biar mati anak, jangan mati adat" atau membesarinya kelompok "pak turut" yang dikenal sebagai kelompok "golf" (golongan orang lemah fikiran), yang sama sekali bertentangan dengan semangat rasional yang mendasari pedagogi penyampaian ilmu pengetahuan di universiti kita.

Biarpun demikian rupa kemelut yang terjadi dengan perlaksanaan SSB, satu fakta penting lagi positif sifatnya yang telah dibawakan oleh SSB harus kita jangan lupakan.

Era "profesor nostalgia" sudah berakhir.

Dewan Masyarakat, Jun 1992

48

Riuhan di Rio: Babak Satu

Beberapa minggu yang lepas sebuah pesta besar lagi bersejarah telah berlangsung di Rio de Janeiro, Brazil. Pesta ini agak lain dari yang lain. Inilah untuk pertama kalinya, selepas berakhirnya era Perang Dingin, para pemimpin dunia berpeluang berkumpul dan bertemu untuk membincangkan suatu isu yang sudah lama terjadi, baru diperkatakan tetapi hanya sekarang menguasai pentas politik dunia, iaitu isu ekologi.

Di Malaysia, sejarah pembentukan pemerintahan kolonial dan seterusnya pasca-kolonial adalah sejarah pemusnahan sistem ekonomi semula jadi dan sistem ekologi bumi ini. Ertinya, kita sudah cukup lama bergumpal dengan masalah ekologi dalam pelbagai wajahnya, semenjak Eropah bertapak 200 tahun lalu.

Semenjak itu, ratus ribu ekar hutan kita telah diperkosa untuk ditanam-ganti dengan getah, bahan mentah terpenting untuk industri automobil di Barat. Bayangkan apa yang terjadi kepada ratusan spesis mergastua dan haiwan liar yang bermastautin di hutan kita 100 tahun lalu!

Permukaan bumi kita yang hijau indah menjadi hodoh apabila lombong bijih timah meninggalkan semacam suatu cakerawala lubang dan terowong serta tanah-tanah yang sudah kehabisan madunya. Di mana-mana kelihan permukaan bumi yang gondol, yang dulunya subur tetapi kini sudah mandul lagi asidik.

Selepas merdeka datang pula perusahaan besi waja dari Jepun yang dianggap "industri kotor" di Jepun sendiri kerana kotoran dari perusahaan ini sudah dibuktikan menimbulkan penyakit Minamata yang membunuh hasil laut dan manusia. Penyakit ini kemudiannya menjelma di Juru, Pulau Pinang, tidak jauh dari sebuah kilang besi waja usahasama Malaysia-Jepun.

Sedasawarsa kemudian, dengan meningkatnya program perin-

dustrian di Malaysia, khususnya industri elektronik, masalah *toxic waste* (sejenis kotoran kimia kekal) pula menjadi kian parah. Semua negara maju punya masalah *toxic waste*. Apakah ini ukuran bahawa kita sudah moden dan membangun?

Belum pun sempat kita menarik nafas seketika untuk melegakan risau sambil mencari langkah menyelesai masalah yang dibawakan oleh perindustrian dan modenisasi tadi, tiba-tiba kita dihujani serangan slogan dari Barat, "kekalkan kehijauan hutan tropika anda". Tiba-tiba kita terheret ke tengah medan "Perang Hijau".

Pengalaman ini cukup melemaskan semua lapisan rakyat: daripada menteri sampai ke kuli. Mengapa? Kerana kita baru mahu menghayati istilah ekologi, seperti yang definisikan oleh Barat, dari segi intelektual dan juga konseptualnya. Kerana kita baru diberitahu oleh Bank Dunia, kalau mahu pinjam wang lagi mesti ada 'dasar ekologi negara'. Kerana kita telah diberi amaran supaya berhenti menebang kayu-kayan untuk eksport. Kerana kita difitnah habis-habisan di seluruh dunia. Kerana kita 'diserang' dari banyak penjuru.

Kita di Malaysia tidak berpeluang untuk membincangkan isu ekologi ini secara terbuka kerana kerajaan kita sudah melenting dan marah akibat serangan bertubi-tubi dari pelbagai sudut dari Barat. Tiada dialog, perbincangan rasional, pertukaran maklumat serta pandangan, dan tiada usaha mencari titik pertemuan antara pihak-pihak yang telah dihukum bersalah oleh Barat sebagai "penjenayah ekologi". Apa yang telah berlaku adalah sama sekali bertentangan dengan prinsip demokratis yang dijunjung tinggi oleh Barat sendiri!

Riuh-riuh di Rio baru-baru ini merupakan usaha pertama untuk menemukan semua pemimpin negara-negara dunia untuk membincangkan isu dan masalah ekologi dari pelbagai sudut dan kesannya terhadap masa depan dunia, setelah hampir 15 tahun "Perang Hijau" terjadi.

Tetapi, apakah sebenarnya cerita ekologi ini? Apakah yang diputuskan di Rio? Dalam Babak Satu ini elok kita tinjau cerita ekologi dahulu dan di Babak Dua nanti cerita di Rio pula.

Cerita ekologi ini ada dua bahagian, fakta dan retoriknya. Kedua-duanya ini sering tersulam halus sehingga setiapnya kehilangan identiti.

Dari segi faktanya, sejarah telah membuktikan bahawa pemusnahan ekologi adalah bermula di wilayah Barat sendiri dan kemudiannya ke kawasan yang dijajah. Gerakan pemusnahan ini telah didorong semata-mata oleh kepentingan kebendaan yang berlandaskan falsafah Darwinis, yang menghalalkan pemusnahan apa saja yang tak ber-

tamadun, termasuk sekitaran habitat mereka, demi mengekalkan ketamadunan yang berpusat di Barat.

Maka dari perspektif Barat-Darwinis pemusnahan ini adalah sesuatu yang positif dan telah pun mendatangkan kesan yang positif kepada masyarakat serta kehidupan di Barat. Ringkasnya, untuk meraih kemewahan kebendaan berkualiti tinggi Barat telah memusnahkan ekologi di Barat dan di luar Barat. Dalam proses ini Barat juga telah merangkai suatu hubungan pergantungan yang kuat antara masyarakat bukan Barat dan Barat.

Melalui jaringan rangkaian pergantungan ini negara baru bukan Barat telah menghayati falsafah dan metodologi pemerintahan Barat, termasuk sikap Darwinis terhadap sistem ekonomi semula jadi dan sistem ekologi masing-masing. Matlamat akhirnya adalah "modenisasi" yang hanya boleh dicapai melalui "pembangunan".

Dengan itu berlanjutlah pemusnahan sistem ekonomi semula jadi dan sistem ekologi tempatan, kali ini oleh pemerintahan tempatan-alà-Barat, atas nama pembangunan dan modernisasi.

Satu pengalaman yang jelas dalam hal ini adalah pemusnahan ekonomi semula jadi dan ekologi di seluruh dunia semenjak berabad yang lalu telah menguntungkan Barat kerana membawakannya perindustrian, pembangunan dan modenisasi. Pengalaman negara bukan Barat dewasa ini adalah pemusnahan total: kemiskinan dan kebuluran yang berpanjangan!

Dewan Masyarakat, Ogos 1992

Bibliografi

- Andrews, John, 1991. *The Asian Challenge: Looking Beyond 2000*. Hong Kong: Longman.
- Aziz Deraman, 1975. *Masyarakat dan Kebudayaan Malaysia*. Kuala Lumpur: Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, Malaysia.
- Dale, Peter, 1986. *The Myth of Japanese Uniqueness*. London: Routledge.
- Davis, Paul, 1992. *The Mind of God: Science and the Search for Ultimate Meaning*. Melbourne: Penguin.
- Drakakis-Smith, David, 1992. *Pacific Asia*. London: Routledge.
- The Economist* (majalah mingguan diterbit di England)
- Fink, Hans, 1992. *Falsafah Sosial*. Terjemahan. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa & Pustaka.
- Haris Md. Jadi, 1990. *Etnik, Politik dan Pendidikan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa & Pustaka.
- Jomo K. S. dan Shamsulbahriah Ku Ahmad, 1986. *Teori Pembangunan Ekonomi*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa & Pustaka.
- Persatuan Sains Sosial Malaysia, 1987. *Pembangunan di Malaysia: Perencanaan, Perlaksanaan dan Prestasi*. Kuala Lumpur: Persatuan Sains Sosial Malaysia.
- Rahimah Abdul Aziz, 1989. *Pengantar Sosiologi Pembangunan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa & Pustaka.
- Sanusi Osman, 1989. *Ikatan Etnik dan Kelas di Malaysia*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Schlosestein, Steven, 1991. *Asia's New Little Dragons: The Dynamic Emergence of Indonesia, Thailand, and Malaysia*. Chicago: Contemporary Books.
- Shamsul Amri Baharuddin, 1990. *Masyarakat Malaysia Yang Membangun*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa & Pustaka.
- Soedjatmoko, 1983. *Dimensi Manusia dalam Pembangunan*. Jakarta: Lembaga Penelitian, Pendidikan dan Penerangan Ekonomi Sosial (LP3ES).
- Syed Husin Ali, 1984. *Kaum, Kelas dan Pembangunan Malaysia*. Kuala Lumpur: Persatuan Sains Sosial Malaysia.
- Ting Chew Peh, 1987. *Hubungan Ras dan Etnik: Suatu Pengantar*. Kuala Lumpur: Pustaka Dimensi.
- Van Wolferen, Karel, 1989. *The Enigma of Japanese Power*. London: Macmillan.
- Zuraina Majid (ed.), 1982. *Masyarakat Malaysia*. Pulau Pinang: Universiti Sains Malaysia.

Indeks

- Ajaran Marx dan Lenin, 69
Authoritarian, 26
- Bantuan asing, 61
Beruk, gasing dan wau, 40
Birokrat, 38, 56, 57, 121
Bornoh, 31, 32
Budaya, 119
Budaya kerja Jepun, 91, 92, 93
Budaya kerja, 132
Budaya Melayu, 40
Burniputera, 134
- Darurat, 80
Dasar Ekonomi Baru, 101
Dasar Pandang ke Timur, 28, 37, 55, 56
Dasar pandang timur, 118, 119, 120
DEB, 19, 20, 21, 44, 51, 121, 127
Dualisme, 64, 65, 66, 129
Dualisme sosial, 66
- Egalitarianisme, 8
Ekologi, 49, 143, 144
Emotif, 7
Era konfrontasi, 11
Etika karaoke, 119, 120
Etika kerja, 119
- Gagasan, 115, 116, 117
Grene, 11, 64
- Hierarki sosial, 38
Hubungan Malaysia-Jepun, 37, 39
- Hubungan sosial, 50
Hubungan Timur-Barat, 52, 67
Ideologi, 26
Idiom politik, 1
Imej popular Melayu, 41, 42
Imperialisme, 35
Industri karaoke, 120
Intelektual, 76, 81, 72
Isu ekologi, 142, 143
- Junta jentera, 126
- Kapitalisme, 61
Kebudayaan kebangsaan, 97, 98
Kedudukan Malaysia, 94
Kelas atasan, 5
Kelas elit, 72
Kelas menengah, 4, 5, 31, 33
Kelas pemodal, 3
Kelas sosial, 3, 4, 5, 19, 23
Kerangka etnik, 19
Keterasingan, 123
Kolonialisme, 35, 86
Komprehensif, 118
Komunisme, 61
Konflik etnik, 86, 87
Konfrontasi, 68
Korea Selatan, 69, 123
Krisis Teluk, 88
- Marshall Plan*, 61
Marxis, 8
Mencerca, 42, 43, 45

- Mencerca Malaysia, 43
Mencerca Melayu, 42
Migrasi desa-bandar, 112, 113
Migrasi, 38
Mobiliti mendatar, 56
Modal asing, 26
Myanmar, 36, 124
Mystique, 32
- Negara agama, 35
Negara Dunia Ketiga, 17, 47, 50, 62, 63,
 67, 68, 140
Negara sosialis, 125
Nepotisme, 140
Newly Industrialised Country (NIC), 26
- Para ilmuan, 21
Pasca-kolonial, 139, 142
Paternalisme, 140
Patronej, 140
Pecah-perintah, 16, 17, 18
Pelaksanaan, 25
Pembaca berbahasa Melayu, 70
Penentangan dalaman, 125
Pengundi, 67, 73, 74, 83
Pengurusan Jepun, 92, 93
Perang Dingin, 52, 54, 68, 142, 68
Perang Dunia Kedua, 26, 92, 119
Perang Hijau, 143
Perang Teluk, 94
Perindustrian, 25, 27
Perombakan, 52
- Perspektif Barat-Darwinis, 144
Persyarikatan Malaysia, 56
Perubahan berencana, 121
Produktiviti, 118
Profesor nostalgia, 139, 140, 141
Projek, 115, 116, 117, 122
Proses *dehumanization*, 119
Proses pemodenan, 35
- Racist, 86
Retorik, 76, 78, 139
Revolusi, 25, 137
Revolusi borjuis, 25
Revolusi ekonomi industrial, 119
Ruang sosial, 35, 37
- Simplistik, 77
Sindrom bomoh, 33
Singapura, 123
Sistem Pengurusan Jepun, 28, 30, 92,
 119
Sistem Saran Baru, 140, 141
- Taiwan, 123
- Wartawan, 71, 101
Wawasan 2020, 115, 116, 117, 118, 123,
 130, 136
Wilayah pelapek, 53
- Yen Jepun, 46
Yen, 46